


Jilid II
Bil. 14



Hari Selasa
16hb Disember, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1765]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 [Ruangan 1817]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 1817]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V.V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y.L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik)
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO' HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- „ DATO' SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).

- Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO' HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.I., P.I.S. (Johor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR BIN MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YOH PAO TZU, P.S.K., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 16hb Disember, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 1.

**MURID SEKOLAH LUAR BANDAR—
KEMALANGAN DI SUNGAI**

1. **Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar tentang kemalangan yang sering berlaku kepada murid-murid sekolah di kawasan-kawasan luar bandar yang selalu menyeberangi sungai ketika berulang alik dari rumah ke sekolah. Jika ya; adakah Kerajaan akan mendirikan asrama-asrama penuh di kawasan-kawasan yang menghadapi resiko seperti ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sedar adanya kemalangan yang berlaku kepada murid-murid sekolah di kawasan luarbandar yang selalu menyeberangi sungai ketika berulang alik dari rumah ke sekolah. Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa kadar kemalangan tersebut boleh dikurangkan dengan membina jambatan di tempat-tempat yang tiada jambatan supaya murid-murid boleh menyeberangi sungai dengan keadaan yang lebih selamat.

Sebenarnya pembinaan asrama-asrama di kawasan luarbandar oleh Kementerian Pelajaran adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi mutu pelajaran murid-murid luarbandar dengan mewujudkan satu suasana pembelajaran yang lebih baik. Selaras dengan hasrat ini, Kementerian Pelajaran telah membina asrama-asrama untuk sekolah-sekolah menengah. Sebagai langkah tambahan Kementerian Pelajaran bercadang untuk membina asrama-asrama pusat bagi sekolah-sekolah rendah dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk memberi kemudahan kepada murid-murid yang tinggal di kawasan pedalaman. Langkah ini adalah merupakan satu strategi baru dan adalah diharapkan bahawa dengan pembinaan asrama-asrama pusat bagi sekolah-sekolah rendah ini pencapaian murid-murid di luarbandar akan meningkat di samping mengurangkan kejadian murid-murid sekolah.

Dato Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak Kementerian Pelajaran menimbangkan, umpamanya, baru-baru ini kejadian kemalangan di Muar ramai murid-murid yang sedang menyeberangi sungai meninggal dunia, mengadakan perahu khas untuk budak-budak sekolah sahaja yang ditanggung oleh Kementerian Pelajaran kerana pergi dan balik sekolah, dia tidak membawa murid-murid yang ramai. Dengan itu saya ingat satu daripada jalan yang menyelamatkan nyawa murid-murid ini menyeberangi sungai bagaimana kejadian yang berlaku baru-baru ini di Muar.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pelajaran. Namun demikian, kalau Ahli Yang Berhormat itu mengesyorkan supaya sebuah asrama dibina di situ, maka ini boleh dipertimbangkan oleh Kementerian Pelajaran.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah Kerajaan sekarang bagi membantu pelajaran-pelajaran yang sewaktu balik dari sekolah mereka di sebelah petang, jalan pulang ke rumahnya banjir atau hujan lebat.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya minta Ahli Yang Berhormat itu ulang pertanyaannya, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Soalan tambahan. Apakah langkah Kerajaan sekarang bagi membantu pelajar-pelajar yang sewaktu balik mereka dari sekolah di sebelah petang sedangkan jalan mereka pulang ke rumah mereka dalam keadaan banjir atau hujan lebat.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada rancangan khusus untuk perkara ini kerana masalah banjir ini berlaku tiap-tiap tahun.

PROJEK PERKILANGAN USAHASAMA DI SARAWAK

2. Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Dris minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan projek dalam bidang perkilangan usahasama (joint-venture) yang telah diluluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga di negeri Sarawak dan berapakah peratus ekuiti bumiputra.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, bilangan projek dalam bidang perkilangan usahasama yang telah diluluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1979) di negeri Sarawak berjumlah 29 projek perkilangan. Angka-angka bagi tahun 1980 belum didapati lagi. Daripada jumlah projek tersebut modal terbayar ialah \$671.8 juta yang mana \$403.6 juta adalah dibayar oleh bumiputra. Ini merupakan 60% daripada jumlah ekuiti terbayar pada tempoh tersebut.

"PROTOTYPE"—DEFINISI

3. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah definisi "prototype" dan bolehkah beliau memberi jaminan bahawa Kerajaan akan hanya membeli alat-alat yang telah terbukti untuk tentera kita.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, perkataan "prototype" merupakan satu pendekatan (approach) dalam pengeluaran sesuatu peralatan di mana alat itu direkabentuk secara physical dan semua komponen-komponennya disatukan dengan lengkap. Pendekatan ini adalah bertujuan untuk membolehkan supaya ujian-ujian dijalankan bagi menentukan bahawa semua kehendak-kehendak bagi alat itu dari segi fungsi, kegunaan, kecekapan dan penyelenggaraan dapat dipenuhi. Asas pertimbangan dalam pengeluaran "prototype" ialah dari segi penilaian ujian-ujian kecekapan alat itu. Hanya selepas alat "prototype" ini diuji dari semua aspek dan didapati memuaskan dari segi operasi dan fungsi barulah ia diterima untuk pengeluaran secara besar-besaran dan untuk kegunaan harian.

Adalah menjadi dasar Kementerian Pertahanan iaitu semasa memperolehi ataupun membeli alat-alat ianya sentiasa menimbang-kan secara mendalam dari aspek kecekapan, kekesanan serta keperluan operasi bagi alat-alat yang dibeli itu. Pihak Kementerian juga sentiasa berwaspada untuk menentukan bahawa alat-alat yang dibeli tidak akan menyekat kecekapan kegunaan operasi atas sebab-sebab kelemahan dalam rekabentuk atau ketidakcekapan teknikal semasa alat itu dibuat.

Di samping itu adalah menjadi amalan Kementerian Pertahanan untuk mengadakan ujian dan penilaian secara praktik bagi kesemua alat-alat dan perkakas-perkakas yang diperlukan sebelum dibeli. Ujian-ujian ini dan penilaian-penilaian akan terus dilaksanakan bagi semua pembelian di masa-masa akan datang.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya apa yang dijawab oleh Timbalan Menteri tadi memang betul-tetapi saya hendak bertanya ada atau tidak pada masa yang lalu ujian-ujian langsung tidak dibuat ataupun dibuat tetapi tidak betul-betul dibuat, lebih kurang 4-5 tahun dahulu. Tank-tank banyak yang dibeli dan Kerajaan cukup banyak membeli tank ini kerana tank ini tidak boleh menembak, cuma terus menembak ke atas sahaja, tidak boleh berpusing-pusing. Kalau ada test yang dibuat, perkara ini tidak boleh berlaku. Boleh atau

tidak Kerajaan ataupun Kementerian Perumahan mengaku iaitu perkara ini berlaku dan juga pada hari yang akan datang perkara ini tidak boleh berlaku lagi.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf tidak dapat menjawab apa yang telah berlaku 4-5 tahun yang sudah sebab saya baru sahaja mengambil alih Kementerian pada bulan September, jadi tak dapatlah saya hendak memastikan apa yang telah berlaku. Namun demikian, bagi masa-masa yang akan datang alat-alat seperti yang saya katakan tadi akan dibuat ujian-ujian yang tertentu yang mana memerlukan ujian-ujian tertentu tetapi tidak boleh semua alat yang dibeli terpaksa dibuat kajian oleh kerana alat-alat ini kalau alat-alat yang biasa digunakan oleh pihak-pihak tentera dan sebagainya yang kita sudah ada tidak perlulah kita uji lagi, tetapi kalau alat-alat yang baru yang besar-besar seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tank-tank dan lain-lainnya, ujian-ujian ini akan dibuat.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Ada perkara yang baru iaitu peluru-peluru yang dibeli daripada Korea. peluru-peluru senapang yang moden ini lebih kurang bermilion yang sub-standard. Betul atau tidak perkara ini berlaku yang dibeli daripada Korea.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak notis?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat itu dapat membuktikan kepada Kerajaan.

Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, berbangkit daripada soalan tambahan daripada saudara saya tadi dan tidak dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, dapatkah Kerajaan pada masa yang akan datang membeli alat-alat untuk tentera ini tidak lagi cara tender tetapi dengan urusan oleh Kerajaan sendiri sebab kebanyakan alat-alat seperti tank-tank ini adalah melalui tender. Tender dibuat oleh syarikat tempatan dengan consultation syarikat di luar negeri. Dapatkah tender-tender ini dihapuskan tetapi Kerajaanlah mesti membelinya daripada tempat alat-alat dan

juga apa-apa sahaja berkenaan dengan alat tentera oleh Kerajaan sendiri, bukan melalui tender.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebanyak perkara inipun telah dilaksanakan iaitu dalam peringkat pembelian sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum kita ada tiga cara, yang pertama ialah melalui open tender, kemudian melalui close tender dan juga negotia'ed tender yang mana dibuat terus dengan pihak yang berkenaan yang membekalkan alat-alat itu dan sebahagian besarnya kalau perkara ini dilakukan ada backing ataupun support daripada Kerajaan yang berkenaan.

PERTUKARAN SYARAT TANAH DARI PERTANIAN KE PERUMAHAN

4. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pertukaran syarat tanah daripada pertanian ke perumahan memakan masa yang sangat lama dan setengah-setengah negeri telah menetapkan hanya 10 ekar sahaja yang boleh ditukarkan syarat; jika sedar, bolehkah Kerajaan membuat satu dasar negara untuk menetapkan masa bagi pertukaran syarat ini tidak lebih dari 6 bulan dan boleh menukar syarat lebih daripada 10 ekar tetapi tidak lebih daripada 100 ekar oleh kerana sangat kekurangan rumah.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedar bahawa penukaran syarat tanah daripada pertanian kepada perumahan memakan masa yang agak lama. Untuk mengatasi masalah ini Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telahpun memaklumkan hal ini kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Perkaranya ini juga telah dibincangkan dalam Mesyuarat Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri Semenanjung Malaysia. Oleh kerana masalah ini adalah masalah polisi negeri-negeri berkenaan, maka Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa mutlak untuk memaksa negeri-negeri berkenaan bagi melulus atau menolak mana-mana permohonan ubah

syarat tanah di dalam masa 6 bulan. Kebanyakan negeri-negeri ada jawatankuasa masing-masing bagi mempercepatkan segala urusan pentadbiran tanah, termasuk proses penukaran syarat tanah kepada perumahan.

Kajian yang dibuat oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah selanjutnya menunjukkan bahawa kebanyakan Kerajaan-kerajaan Negeri berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai dalam usaha-usaha penukaran syarat dari pertanian ke perumahan yang berjalan sekarang.

Adalah diperhatikan bahawa ada beberapa tuan tanah yang ingin memajukan tanah mereka untuk perumahan walaupun telah mendapat kelulusan penukaran syarat kerana lebih ingin mencari untung yang lebih mudah dengan menjual tanah itu dengan conversion status, iaitu secara hawking dan dengan cara itu melambatkan pembangunan perumahan. Masalah tanah-tanah pertanian yang mempunyai kelulusan 10 ekar ke bawah sahaja yang dibenarkan ubah syarat oleh pihak Berkuasa Negeri adalah merupakan dasar negeri itu sendiri dan Kementerian ini tidak boleh campurtangan dalam hal itu melainkan dengan cara memberi nasihat sahaja.

Mengenai masalah ini Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tidak menerima apa-apa surat rasmi dari Kerajaan Negeri berkenaan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya faham iaitu tanah dipunyai oleh Negeri, itu sesiapa pun dalam Dewan ini faham di atas perkara ini tetapi oleh kerana hendak meringkaskan, kalau tidak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tidak ada apa gunanya sebab tidak ada kuasa, kuasa dipegang oleh Negeri, buat apa Kementerian ini. Saya kata ini bukan yang lain-lain tetapi polisinya, dasar negara yang kita kehendaki. Boleh atau tidak dibuat dasar negara. Dia hendak conversion tanahnya itu hal dia tetapi mestilah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang bertanggungjawab ini hendak namanya sahaja, orang ini tidak ada apa gunanya. Dengan sebab itu dikehendaki, iaitu ada polisi, ada dasarnya mengatakan 5 ekar boleh tukar syarat, sama ada orang hendak jual atau tidak jual itu fasal lain, sayapun tak ada bertanya orang hendak jual atau tidak hendak jual. Negeri kita adalah free country, kalau tidak abolish segala-galanya, itu tidak menjadi apa

hal. Yang saya tanyakan, boleh atau tidak Kerajaan Federal kita membuat satu dasar keseluruhannya, katakan tidak boleh 100 ekar, 50 ekar sahaja seluruh negeri kita. Yang ini 10 ekar boleh, yang ini 1,000 ekar boleh, yang ini 5 ekar boleh, itulah yang saya hendak tanya, boleh atau tidak berunding—kalau tidak pun dapat berunding, sebab saya faham benar iaitu tanah dipunyai oleh Kerajaan Negeri (land belongs to the State), itu saya faham sangat. Boleh atau tidak dirundingkan di atas perkara ini?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, keputusan yang dibuat ini adalah dasar dan perbezaan antara perlaksanaan di peringkat Negeri-negeri juga adalah dasar dan kuasa yang diberi kepada Kerajaan Negeri juga adalah dasar dan tidak ada soal perhitungan apa yang harus digunakan untuk merubah ataupun menentukan dasar. Apa yang telah saya kemukakan tadi ialah dasar dan dalam batasan dasar itulah maka masalah dan kemudahan berlaku. Perubahan kepada tidak lebih dari 10 ekar itu telah dibuat kerana memperhitungkan masalah-masalah semasa dan perlu atau tidak adanya Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tidaklah bergantung kepada kuasa Kementerian ini untuk campur tangan dalam hal Negeri dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mempunyai tugas-tugas dan dasarnya sendiri tanpa kuasa tanah di peringkat Negeri dipindahkan kepada Kerajaan Pusat. Jika ini mahu diubah maka isunya harus dibahaskan di peringkat lain.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menggunakan jasa baik Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah kerana sekarang ini Perancang Desa sahaja pun tidak kurang setahun dalam fail baru dikatakan tidak lulus, kemudian DID dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menggunakan Kementerian sebagai jalan perantaraan daripada begitu lama, tidak kurang 6 bulan dan jumlah yang dihadkan 10 ekar itu boleh dibesarkan kepada angka-angka yang lebih daripada 10 ekar. Boleh atau tidak Kementerian ini menggunakan jasa baiknya dan berjanji kepada Dewan ini akan menyampaikan kepada Kerajaan Negeri dengan mempengaruhi Kerajaan Negeri supaya berbuat demikian?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berbunyi lainlah sedikit. Bolehlah kita menggunakan jasa baik untuk menyampaikan pandangan Datuk yang bertanya asal dan soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Tan Sri kemudian dan perjuangan untuk mengubah satu-satu dasar boleh dilaksanakan sentiasa dan saya sendiri walaupun tidak ada di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah akan menyampaikan hasrat dan cita-cita Ahli-ahli Yang Berhormat.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, walaupun sudah banyak penjelasan, di sini ada dua soalan.

- (i) Berapa jenis taraf atau kelas-kelas tanah-tanah dalam Malaysia ini?
- (ii) Apakah jenis taraf tanah yang tidak boleh dipersoalkan rancangannya oleh tuannya tanah?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memerlukan jawapan yang tersendiri kerana cerita mengenai taraf ini adalah banyak dan saya mintalah supaya Ahli Yang Berhormat bertanya lain kali.

PENDIDIKAN PRA-SEKOLAH

5. Puan Rahmah binti Othman minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan yang beliau telah ambil mengenai cadangan-cadangan dari memorandum yang dimajukan oleh badan-badan, pertubuhan-pertubuhan dan agensi-agensi lain khususnya berkaitan dengan pendidikan pra-sekolah dalam perkara-perkara menyelaraskan pendidikan pra-sekolah di seluruh negara dalam bidang pentadbirannya, kurikulum dan kemudahan pelajaran dan perbelanjaan.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Memorandum-memorandum yang telah dihantar kepada Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan telah dikaji, diteliti dan diambil perhatian. Tetapi oleh kerana pendidikan pra-sekolah tidak termasuk di dalam dasar pelajaran kebangsaan maka Kementerian Pelajaran hanya dapat memberi perkhidmatan menasihati dan menyampaikan contoh-contoh bahan kurikulum sahaja.

Berhubung dengan soal pendidikan pra-sekolah, Jawatankuasa Kabinet juga telah menentukan pendiriannya terhadap perkara tersebut, iaitu pendidikan pra-sekolah bukanlah merupakan sebahagian dari pendidikan yang diberi menerusi sistem formal persekolahan pada ketika ini.

Namun demikian Kementerian Pelajaran sentiasa memberi perhatian dan bantuan professional kepada semua pra-sekolah dari segi kurikulumnya.

Puan Rahmah binti Othman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana perkara ini tidak dimasukkan di dalam perbincangan Jawatankuasa Kabinet, maka saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada Kementerian akan mengambil tindakan di masa akan datang untuk hendak menyamakan kurikulum di sekolah-sekolah ini kerana pada hari ini terdapat perbezaan di antara mata-mata pelajaran yang sebenarnya diberikan di sekolah-sekolah jenis ini. Ada yang begitu serius sekali sehinggakan anak-anak yang masuk ke darjah I sekarang ini sudah tidak mahu lagi memasuki kelas-kelas itu dan ini menimbulkan soalan dan kegelisahan ibu bapa kerana kalau dimasukkan anak-anak ini di sekolah-sekolah yang ada di bandar-bandar hari ini tingkatan pelajaran di sekolah-sekolah jenis ini begitu tinggi sekali sehinggakan anak-anak itu tidak mahu masuk mengikuti kelas-kelas darjah I kerana ada setengah-setengah sekolah itu dalam masa 6 bulan anak-anak yang kecil-kecil ini sudah boleh membaca suratkhbar dan sebagainya. Oleh itu, tidakkah ada usaha daripada Kementerian ini untuk hendak menyelaraskan sistem ataupun mata pelajaran untuk pra-sekolah pada masa akan datang?

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya akui bahawa pada masa ini tidak wujud menyelarasan berhubung dengan kurikulum dalam bidang pra-persekolahan. Ini adalah kerana Kementerian Pelajaran sedang memberi perhatian kepada meningkatkan mutu pelajaran di sekolah rendah, sekolah menengah dan pelajaran tinggi dan kita ada cadangan seperti mengurangkan nisbah guru/murid, mengurangkan saiz kelas, menghapuskan dua sidang dan sebagainya. Oleh itu, perkara-perkara ini belum lagi diselesaikan, maka pada masa ini Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk dijadikan pra-persekolahan

ini sebahagian daripada tanggungjawab Kementerian ini sekadar untuk meluluskan pendaftaran pra-sekolah sahaja.

Berhubung dengan apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menyatakan bahawa dengan cadangan untuk mengubahsuaikan kurikulum sekolah rendah maka murid-murid yang cergas yang kebanyakan daripada mereka telahpun mendapat pelajaran peringkat pra-sekolah akan dapat mencapai kemajuan pelajaran yang lebih tinggi, maka mereka ini bolehlah melangkah ke tahap kedua setahun lebih awal daripada murid-murid yang lain.

JET PEJUANG TENTERA UDARA DI RAJA MALAYSIA

6. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) Jenis Jet Pejuang yang akan dibeli untuk menggantikan Jet Tebuan yang sudah lama dipakai;
- (b) sama ada jet-jet itu merupakan pesawat-pesawat baru ataupun yang sudah dipakai; dan
- (c) jumlah wang yang dikhaskan untuk menggantikan Jet-jet pejuang ini dalam Rancangan Malaysia ke Empat.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), Tentera Udara Di Raja Malaysia akan dilengkapi dengan pesawat pejuang jenis A4 Skyhawk untuk menggantikan Jet Tebuan yang telah lama digunakan.

Mengenai soalan (b), Pesawat-pesawat A4 Skyhawk ini adalah yang telah dipakai, tetapi akan diperbaharui atau 'refurbish' dan diubahsuai sebelum digunakan.

Sebagai jawapan kepada soalan (c), jumlah wang yang dikhaskan untuk memperoleh serta memperbaharui dan mengubahsuai pesawat ini ialah sebanyak \$1,039 juta.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam mesyuarat yang lalu saya telah bertanya di atas perkara ini berkenaan dengan kapalterbang ini juga, bila Menteri menjawab katakan kapalterbang ini baru. Saya bertanya adakah kapalterbang ini dibeli daripada

Israel, kerana kapalterbang yang tidak digunakan oleh Israel itu oleh kerana lambat perjalanannya maka Israel tidak gunakan untuk memerangi Arab lalu ia menggunakan kapalterbang yang lebih pantas lagi. Dengan sebab itu dijawabnya tidak. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri ia itu kapalterbang ini adakah kalau dibeli baru lebih murah daripada dibeli lama, oleh kerana kapalterbang ini dibeli second-hand dan ditukar engine dan tukar segala-galanya lebih mahal lagi daripada membeli baru. Betulkah begitu?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak betul. Sebenarnya harga kapalterbang Skyhawk ini kalau dibeli yang baru ialah dalam lingkungan \$14-\$15 juta pada hal kapalterbang ini apabila semuanya diperbaiki dan diubahsuai hanya memakan belanja \$7-\$8 juta sahaja.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan saya belum dijawab iaitu adakah kapalterbang ini dibeli daripada Israel. Memang ianya dibeli daripada Amerika tetapi setelah Israel tidak gunakan. Adakah betul atau tidak? Ada orang bercakap demikian, sebab itu saya hendak menafikan orang yang bercakap seperti itu.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kapalterbang ini dibeli daripada Amerika sama ada digunakan di Israel ataupun semasa Korean war, saya tak dapat hendak pastikan.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kapalterbang pejuang bagi negara kita ini adalah satu senjata yang paling penting pada masa ini yang boleh mengejar musuh dengan serta merta di laut, gunung, bukit dan lain-lain. Sebab itu saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apabila kita meminta jawapan, dia mengakui yang dia baru sangat berkhidmat, jadi saya hendak bertanya, adakah pesawat pejuang 4A yang diprakarakan begitu kukuh dan kuat ini dapat menjamin kedaulatan negara kita daripada ancaman komunis atau pun ancaman musuh daripada luar melalui laut, melalui pantai negara kita atau pun melalui udara. Soalan kedua, adakah pesawat pejuang yang lain daripada 4A, takkanlah Malaysia menggunakan pesawat 4A dikatakan koman, negara lain menggunakan berpuluh-puluh pesawat, kita baru satu

jenis sahaja. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan dapat menyatakan bahawa pesawat pejuang tanahair kita juga bukan satu jenis, barangkali ada beberapa jenis.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Kerajaan ber-setuju membeli pesawat Skyhawk ini ialah untuk memastikan bahawa TUDM kita dapat mempertahankan negara kita daripada serangan-serangan yang kita harap tidak akan berlaku di masa-masa yang akan datang tetapi adalah sebagai persediaan untuk mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara kita ini. Setakat itulah Kerajaan dapat membuat persediaan tetapi bagi masa yang akan datang kita akan menengokkan keadaan ini.

Bagi menjawab soalan yang kedua, setakat ini kita juga mempunyai pesawat-pesawat pejuang yang lain termasuk Tebuan, Northrop jenis F5E, Northrop jenis F5B iaitu 3 jenis yang lain selain daripada Skyhawk.

Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa malu bahawasanya negara kita membeli Skyhawk yang second-hand, yang kemudian kita ubah, tambah sana, tambah sini. Kita hendak menjaga negara kita sedangkan ini satu rahsia Kerajaan yang patut disembunyikan, tetapi oleh sebab ianya sudah terbuka, saya bukannya bolehkah Kerajaan ber-cadang lain kali jangan beli barang yang second-hand ini, sebab dalam akhbar ada dinyatakan kapalterbang second-hand, orang Vietnam tahu kita gunakan second-hand, kita kata kita kuat, negara kita kaya, sepatutnya tak keluar rahsia ini, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sayangnya, tak mengapalah, sudah keluar, kita keluarkanlah. Bolehkah kita menjamin pada masa hadapan supaya jangan beli lagi barang second-hand, sebab second-hand ini ada 3 benda yang tak boleh kita beli; Pertama kereta lembu Benggali; Kedua, basikal Keling dan Ketiga, janda Arab tak boleh dibeli.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahaja sudah cukup, cukup, soalan tambahan sahaja.

Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah Kerajaan pada masa akan datang pertama sekali jangan beli barang second-hand.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahaja, cukuplah Ahli Yang Berhormat.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya pun kalau dapat yang tak suka juga "second-hand" dan bagi masa-masa yang akan datang, kita akan ambil perhatian apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan setakat mana yang kita boleh, kita akan laksanakan. Yang sebenarnya sebahagian besar daripada alat-alat yang kita beli ialah alat baru, cuma dari segi Skyhawk ini adalah alat yang lama tetapi sebenarnya dengan kerjasama daripada Kerajaan Amerika Syarikat mereka telah memberi kita melalui credit line ataupun FMS Credit dan memberi kita dengan harga yang sangat memuaskan.

KUMPULAN FANATIK UGAMA

7. **Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menghapuskan sama sekali kumpulan-kumpulan fanatik agama yang membawa ajaran sesat ke negeri ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua agama mengajar penganut-penganut supaya berbuat baik. Walaupun ada perbezaan dari segi akidah dan cara beribadat antara agama-agama tetapi sekadar adanya keadaan perbezaan sahaja belumlah bererti sudah ada ancaman kepada keselamatan negara.

Perkataan yang perlu penjelasan di dalam soalan Yang Berhormat ialah "fanatik". Jika "fanatik" itu bererti tahap amalan atau penghayatan agama yang sudah sampai ke tingkat yang paling tinggi maka seseorang itu pasti menjadi seorang yang baik dan tidak merupakan ancaman kepada keselamatan negara.

Tetapi jika "fanatik" itu dianggap sebagai amalan yang menekankan satu aspek atau cara beribadat dengan penonjolan yang ketara dalam usaha untuk membezakan diri atau kumpulan daripada orang lain atau kumpulan lain maka sekadar membezakan diri dari kumpulan lain belumlah menjadi satu ancaman kepada keselamatan negara.

Jika "fanatik" itu difahamkan sebagai sifat yang tidak toleransi terhadap orang-orang yang menganuti agama lain maka ianya tidak

patut digunakan sebagai sifat nama bagi agama kerana agama tidak patut digunakan sebagai sifat nama bagi agama kerana agama membenarkan kita supaya saling bertoleransi. Oleh itu jika diambil kebiasaan maksud "fanatik" sebagai tiadanya toleransi maka pertentangan maksud di dalam perkataan "fanatik" dan perkataan "ugama" menyebabkan istilah itu patut dielakkan.

Di dalam keadaan orang-orang yang beragama yang saling bertoleransi maka kumpulan-kumpulan yang bangkit untuk membuat huru-hara atas nama agama adalah sebenarnya kumpulan ajaran-ajaran sesat bagi satu-satu agama. Tetapi oleh kerana pada hakikatnya tiap-tiap agama mendakwa ugamanya sahajalah yang benar dan mempunyai tafsiran masing-masing ajaran yang mana sesat pada pandangan ugamanya, maka perkataan sesat itu hanya boleh dipakai dalam erti penyelesaian penganut dari agama masing-masing sehingga hilang sifat-sifat toleransi pada penganut agama itu.

Di dalam negara yang memberi kebebasan kepada rakyatnya untuk beragama, maka terserahlah kepada kalangan agama masing-masing untuk membetulkan ajaran dan penganut agama mereka supaya tidak menyeleweng.

Oleh kerana Islam adalah agama rasmi negara maka Majlis Hal Ehwal Uagama Islam adalah bertanggungjawab untuk mengawasi sebarang penyelewengan dikalangan penganut agama Islam dari Islam.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan bertindak apabila perbezaan antara agama-agama dikalangan rakyat berbilang agama dan perbezaan tahap penghayatan dikalangan penganut-penganut satu-satu agama, ditingkatkan kerana hilang fikiran dan toleransi menjadi bidang pertentangan yang boleh mencetuskan keadaan huru-hara yang mengancam keselamatan negara.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Tuan V. V. Aboo menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan sama sekali kumpulan fanatik. Adakah kumpulan yang di Batu Pahat itu dikatakan kumpulan fanatik yang diragukan oleh Ahli yang bertanya tadi, kerana itu adalah ajaran sesat, orang sudah naik takut dan bimbang. Jadi adakah kumpulan yang di Batu Pahat itu fanatik kerana

saya baca dalam suratkhbar iaitu orang Islam yang fanatik dia sembahyang, mengaji, tidak peduli hal orang dan sebagainya. Pertanyaan saya adakah kumpulan ini sesat? Dan itulah sebabnya akhbar *Tamil Malar* menyiarkan orang Islam sudah begitu gayanya dan difikirkannya tidak elok, dikatakan Islam mengajar pembohong dan ajaran tidak betul, ajaran sesat, jadi betulkah kumpulan yang di Batu Pahat itu mengamalkan ajaran sesat?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Sena'or V. V. Aboo tidak menjelaskan mengenai mana-mana satu agama, oleh kerana perkara ini adalah perkara yang akan menjadi isu yang penting untuk masa-masa yang akan datang, maka pihak Kementerian terpaksa memberi definasi yang jelas mengenai kumpulan mana dikatakan fanatik, jenis mana yang dikatakan sesat dan yang mana menyeleweng.

Bagi menjawab soalan tambahan Ahli Yang Berhormat yang khusus berkaitan dengan kumpulan di Batu Pahat ini, bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah kumpulan ajaran menyeleweng dan mereka telah datang ke Balai Polis dan menyerang. Ini tidak dapat dipandang sebagai satu tanda kurang pengawasan ataupun tidak ada langkah untuk menjaga supaya pihak yang membawa ajaran menyeleweng ini dari mengancam Balai Polis kerana pihak Polis begitu hormat kepada orang yang menggunakan nama agama dan kelihatan beragama, sehinggakan apabila kumpulan di Batu Pahat ini datang ke Balai Polis, truck yang ada di pintu Balai Polis pun telah memberi jalan kepada mereka untuk masuk ke Balai menyerang, dan apabila mereka masuk ke dalam Balai barulah mereka mengeluarkan pedang mereka sedangkan pihak Polis memikirkan orang-orang yang kelihatan beragama, kelihatan warak ini adalah orang-orang yang datang untuk mendapat bantuan Polis ataupun untuk membuat laporan mengenai sesuatu perkara.

Kejadian di Batu Pahat ini tidaklah boleh di jadikan satu kejadian di mana kita harus mengatakan kita terpaksa menghapuskan semua kumpulan-kumpulan fanatik agama kerana yang kita mahu hapuskan ialah kumpulan ajaran menyeleweng seperti yang berlaku di Batu Pahat.

Perbezaan antara soalan tambahan tadi ialah definisi sahaja, tetapi kalau maksudnya ke Batu Pahat kita memang sedang dalam proses sekarang untuk tidak menganggap lagi orang-orang yang bergerak atas nama agama ataupun orang-orang yang kelihatan warak sebagai beragama atau warak.

Dato' Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah kumpulan fanatik beragama dan juga menyeleweng beragama ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyatakan adalah rasa saya Kerajaan perlu pandang berat kerana boleh membawakan akibat sebagai satu langkah mengancam ketenteraman negara.

Saya ingin bertanya adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bercadang iaitu mengadakan satu undang-undang khas seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam gerakan agama yang fanatik ataupun penyelewengan agama ini di masa hadapan dalam negara kita.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak perlu mengadakan undang-undang khas untuk menangkap orang-orang yang menyeleweng sehingga menjadi ancaman kepada keselamatan negara, sekarang pun kita sudah tangkap di bawah ISA orang-orang yang masih hidup yang terlibat di dalam kes menyerang Balai Polis Batu Pahat di bawah ISA. Dan kita tidak perlu mengadakan undang-undang lain cukuplah dengan undang-undang yang ada sekarang ini, kita boleh bertindak. Cuma di Batu Pahat kalau kita bertindak awal orang kata kita menyalahgunakan kuasa bila dia sudah serang kita tembak orang mengatakan kita terlambat, tetapi sebenarnya kita ada kuasa untuk bertindak dan kita akan bertindak.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun meneliti dan memahami apa Yang Berhormat Timbalan Menteri cakapkan tadi, tetapi oleh sebab ia bercakap dengan panjang saya rasa susah dan saya hendak bertanya dengan ringkas dua perkara sahaja.

Pertama, mengenai orang-orang yang mengajar ajaran sesat apakah hukumannya kepada seseorang manusia yang membawa pengajaran sesat dalam negara kita ini tidak kira apa agama sekalipun. Tetapi oleh sebab agama rasmi negara ini ialah agama Islam

kita mesti tegas mengatakan di Dewan ini bahawa mengikut ajaran Islam seseorang yang mengajar ajaran sesat ini apakah hukumnya.

Kedua, satu tohmah agama, ini juga termasuk dalam soalan ini, macam di Pulau Pinang seperti disiarkan dalam akhbar merendahkan agama lain, dia beragama lain, orang lain merendahkan pula agama orang dan lebih-lebih lagi negara yang diduduki ini di bawah langit dan bumi tempat dia berpijak, agama yang rasmi negara ini dia berani mengatakan tidak baik, tidak betul, adakah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mahu diam sahaja, inipun hendak menggunakan diplomasi lagi dan ini tidak salah. Mengikut undang-undang tubuh negara kita ini sebarang kecemaran agama rasmi dalam negara kita tidak dapat dielakkan, ini adalah menyalahi peraturan undang-undang dalam negara kita, apa lagi mengikut Rukunegara yang kita tetapkan. Mengapa ini tidak diambil tindakan tegas di saat ini, perkara ini juga kita hendak maklumkan dalam Dewan ini bukan kita hendak melencong-melencong atau bertolak-ansur sehingga agama kita dileceh. Sebenarnya amat mengejutkan kita.

Ketiga, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan "ya" atau "tidak" bahawa dalam negeri kita ini banyak dakwah-dakwah yang menyalahi peraturan agama Islam, jikalau "ya" sebagai sifat seorang Timbalan Menteri yang bertanggungjawab dalam negeri ini bertindak atas nama yang menjaga keselamatan dan ketenteraman dalam negeri apakah yang dibuat?

Tuan Sanusi bin Junid: Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana mengatakan kami tidak tegas dalam menghadapi orang-orang yang menghinakan Islam sebagai *Tamil Malar* kerana setakat ini yang kami dengar mengatakan kami terlalu tegas. Jadi barangkali Yang Berhormat ingin supaya kita bertindak ke atas mereka ini dengan cepat lagi daripada yang sudah kita buat tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum kita mesti tegas tetapi kita tidak boleh terburu-buru dan kita tidak boleh menghukum orang-orang takut nanti terkena yang tidak bersalah. Tetapi saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sikap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menghadapi orang-orang yang menghina Islam begini tidak ada tolak ansur sama sekali.

Mengenai ajaran sesat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak ada kemampuan untuk menentukan satu-satu ajaran itu sesat atau tidak. Yang menentukan ajaran itu sesat atau tidak ialah Majlis Hal Ehwal Ugama Islam. Kita bukan sahaja ada orang sesat dalam negara ini tetapi kita ada orang gila, ada orang munafik, ada macam-macam orang tetapi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berminat apabila kerana kesesatan dan penyelewengan itu maka dia bangun bertindak sehingga berlaku huru-hara dan mengancam keselamatan negara. Tetapi kita tidak boleh nafikan ada kerjasama antara Majlis Ugama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Mengenai ada atau tidak dakwah yang menyeleweng, kalau dakwah dia tidaklah menyeleweng. Kalau yang menyeleweng itu kita tidak mengangap dakwah; kita katakan ajaran menyeleweng ataupun ajaran songsang. Kita tidak dapat nafikan ada, malah bukan di kalangan orang-orang yang tidak erti ugama sahaja ada penyelewengan. Sekarang Ahli Yang Berhormat sedia maklum Parti Komunis Malaya juga campur tangan dalam hal ugama Islam sehingga mereka tubuhkan PAPERI (Partai Persaudaraan Islam): orang Sosialis pun mengeluarkan buku teori baru Islam; mereka mengatakan Tuhan berfirman kita ini dijadikan supaya berparti-parti, walaupun dari zaman Nabi Adam sampai ke Nabi Muhammad tidak seorangpun Nabi masuk parti politik dan kita juga tahu ada di universiti sekarang orang yang mempopularkan Islam sains, Islam progresif, Islam tulin, Islam sosialis; seolah-olah Islam itu sahaja tidak cukup dan di kampung-kampung pula ramai sangat orang yang teringin hendak jadi nabi, hendak jadi Imam Mahadi dan hendak jadi Khalifah. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pun sedar ada orang yang menggunakan politik untuk mengabdikan diri demi kepentingan ugama, ada orang yang menggunakan ugama untuk kepentingan politik. Semua ini kita sedar tetapi apabila orang-orang ini bangun untuk buat huru-hara waktu itu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan bertindak.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih mendengar ucapan daripada sebelah Pembangkang dan juga sebelah Kerajaan akan tetapi soalan yang sebenarnya tidak dijawab. Jadi saya hendak tanya kepada Yang

Berhormat Timbalan Menteri supaya dijawab soalan ini. Soalnya: “. minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menghapuskan sama sekali kumpulan-kumpulan fanatik ugama yang membawa ajaran sesat ke negeri ini.” Jadi saya hendak bertanya, dengan alat-alat negara yang penuh di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini, ugama orang Tionghua adakah yang fanatik, ugama Kristian adakah yang fanatik—mengikuti soalan ini. Hanya saya rasa Islam sahaja yang fanatik. Jadi oleh sebab alat negara penuh ditangannya, tolong nyatakan dalam Dewan ini adakah ugama Hindu itu juga ada fanatik ugama, orang Tionghua, Buddha juga ada fanatik ugama dan lain-lain ugama di negeri ini mengikuti soalan ini. Kalau sekiranya dijawab apa yang saya tanya ini, penuhlah maksud apa yang disoal oleh rakan saya yang Berhormat Tuan V. V. Aboo.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, barangkali kerana jawapan saya terlalu panjang, jadi Yang Berhormat sudah lupa bahawa saya sudah menjawab soalan ini. Ada dua hal dalam menjawab soalan ini. Yang pertama penyelewengan daripada satu-satu ugama, yang kedua penyelewengan daripada ugama Islam.

Penyelewengan dalam satu-satu ugama yang akan membetulkan penyelewengan ialah orang-orang alim dalam bahagian ugama itu sendiri. Ini telah saya jawab dengan ayat: “di dalam negara yang memberi kebebasan kepada rakyatnya untuk beragama, maka terserahlah kepada kalangan ugama masing-masing untuk membetulkan ajaran dan penganut ugama mereka supaya tidak menyeleweng”.

Dalam soal menyeleweng daripada ugama Islam, jawapan saya berbunyi: “Oleh kerana Islam adalah ugama rasmi negara maka Majlis Hal Ehwal Ugama Islam adalah bertanggungjawab untuk mengawasi sebarang penyelewengan di kalangan penganut ugama Islam dari Islam.” Itu bab penyelewengan.

Kemudian bab buat kacau—dibuat atas nama ugama sama ada dia beragama Hindu ataupun dia beragama Buddha ataupun dia beragama Islam kita tangkap dia kalau sekiranya dia mencuba untuk membuat huru-hara. Tetapi bukan semua orang yang menyeleweng menjadi ancaman kepada negara.

Saya sudah jawab tadi bahawa penyelewengan dalam berbagai bentuk; kemunafikan juga penyelewengan, kejahatan juga satu penyelewengan, gila juga satu penyelewengan, memeralatkan agama juga satu penyelewengan, kita tidak ambil tindakan mengikut undang-undang dalam penyelewengan-penyelewengan tersebut. Tetapi apabila orang-orang yang menyeleweng tersebut bangun untuk membuat huru-hara dan mengancam keselamatan negara, waktu itu kita telah ada macam-macam undang-undang yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini untuk kita tangkap dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam masa 2-3 minggu yang lepas kita sudah tahan Padri, kita telah tahan orang warak Hindu dan kita telah tahan orang Islam.

UDA—PEJABAT CAWANGAN DI PERLIS

8. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada UDA akan membuka pejabat cawangannya Perlis untuk memudahkan para pengusaha Bumiputra mendapat khidmat nasihat dan bantuan.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) tidak ada cadangan untuk membuka sebuah pejabat cawangannya di Perlis. Ini ialah kerana UDA sudahpun mempunyai sebuah pejabat cawangan di Pulau Pinang untuk memberi khidmat kepada pengusaha-pengusaha bumiputra di kawasan Utara termasuklah Perlis, Kedah dan Pulau Pinang dan para pengusaha bumiputra yang ingin mendapat bantuan-bantuan atau khidmat nasihat daripada UDA bolehlah berhubung dengan pejabat cawangan tersebut.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dengan sebab tidak ada Pengerusi UDA maka cawangan UDA di Perlis tidak perlu diwujudkan? Adakah begitu maksudnya?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita ada Pengerusi sementara iaitu Ketua Setiausaha Kementerian saya sendiri untuk mempengerusikan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Kalau sementara itu maksudnya tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dijawab.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Jadi tidak ada maksudnya tetapi dia tidak mahu mengaku tidak ada itu, itu yang susah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Khalid bin Haji Abdullah: Saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam di dalam tiga buah negeri ini Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan bolehlah dimasukkan Seberang Prai hanya ada satu Pejabat UDA untuk mengawasi ketiga-tiga buah negeri. Adakah pada pendapat Kementerian ini menilik daripada tanggungjawab UDA sebagaimana ia telah ditubuhkan memadai dengan ada hanya satu Pejabat UDA di Pulau Pinang untuk 3 buah negeri.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini mengikut jangkaan-jangkaan projek yang akan diadakan di ketiga negeri ini adalah mencukupi.

PINJAMAN MEMBELI RUMAH

9. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar kakitangan Kerajaan yang telah membuat pinjaman membeli rumah dengan agensi-agensi kewangan yang bukan Kerajaan akan diberi subsidi sebanyak 3¼% daripada faedah yang dikenakan dan jika benar bagaimana-cara bagi mendapatkan subsidi itu dan apakah orang yang mendapat subsidi itu boleh pula membuat pinjaman kepada Kerajaan untuk membeli rumah yang lain.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan Yang Berhormat, memang benar bahawa di bawah Sekim Pinjaman Perumahan sebelum 1hb Julai, 1980 mereka yang telah mengambil pinjaman perumahan daripada agensi-agensi kewangan bukan Kerajaan boleh memohon subsidi faedah jika baki hutang mereka adalah lebih daripada kelayakan mereka atau oleh kerana sebab-sebab tertentu permohonan mereka untuk pinjaman perumahan tidak dapat dipertimbangkan. Mulai 1hb Julai, 1980 amalan pemberian

subsidi ini telah diberhentikan. Mereka yang telah dan sedang menikmati subsidi ini boleh membuat pinjaman kedua mengikut peruntukan di dalam Pekeliling Perbendaharaan mengenai pinjaman perumahan yang sedang berkuatkuasa sekarang.

IKTISAD BUMIPUTRA

10. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telah memasukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat semua keputusan yang telah diambil oleh persidangan Kongres Bumiputra yang lalu mengenai kemunduran iktisad bumiputra di dalam semua lapangan memandangkan tidak lama lagi tempoh 20 tahun yang dijanjikan itu akan habis; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan memperuntukkan 51% daripada semua saham iktisad untuk kaum Bumiputra.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, dalam merangka Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan mengambil kira pandangan-pandangan yang disuarakan oleh semua pihak dan ini termasuklah keputusan-keputusan yang telah diambil oleh Persidangan Kongres Bumiputra yang lalu.

Menjawab kepada soalan (b), pada masa sekarang Kerajaan sedang meneliti rumusan Kongres Ekonomi Bumiputra Ketiga yang telah disampaikan kepada Kerajaan. Rumusan itu termasuklah perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada pendapat saya Menteri yang berkenaan menjawab longgar sangat. Kongres Bumiputra ini diadakan oleh seluruh rakyat Bumiputra di tanah-air kita. Kalau begitulah jawabnya oleh Menteri yang berkenaan macam satu daripada beberapa perkara lain keputusan Kongres itu sama ada Kerajaan hendak buat atau tidak buat. Kalau ini saya fikir matlamat Kerajaan tidak boleh dicapai. Saya ingin bertanya berapa persenkah sekarang ini yang telah tercapai Dasar Ekonomi Baru kepada bumiputra.

Nombor dua, adakah pada pendapat Kerajaan dalam tahun 1990 tercapai matlamat Dasar Ekonomi Baru walaupun hendak ditegaskan keputusan Kongres Bumiputra yang baru.

Ketiga, baiklah Kerajaan tegaskan adakah hendak dijalankan keputusan Kongres Bumiputra itu atau sebaliknya, kalau dijalankan insya Allah akan dapat persetujuan Kerajaan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Menjawab kepada soalan pertama, mengenai dengan hakmilik dan penguasaan bumiputra, atau dengan lain pekataan, penglibatan bumiputra di bidang perusahaan dan perniagaan telah meningkat daripada 4.3% dalam tahun 1971 kepada 11.6% dalam tahun 1980.

Menjawab soalan kedua, seperti saya terangkan tadi, Kerajaan tidaklah mengeneipkan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Kongres tetapi seperti menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi, Kerajaan mengambil kira pandangan-pandangan dan juga keputusan-keputusan yang dibuat oleh Kongres Bumiputra dalam masa kita merangkakan Rancangan Malaysia Keempat. Mengenai dengan keputusan-keputusan secara keseluruhan, ini adalah masih di dalam kajian Kerajaan.

Menjawab soalan tambahan ketiga, sama ada Kerajaan yakin atau tidak boleh dicapai objektif yang telah dipersetujui itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yakin kita akan mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru itu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya penghabisan sekali iaitu oleh kerana soalan (b) tadi sama ada Kerajaan akan memperuntukkan 51% daripada semua saham-saham iktisad untuk kaum bumiputra pada hari akan datangnya. Masanya lagi 9 tahun untuk sampai ke tahun 1990, cuma ada 9 atau 10 tahun lagi. Cuma yang dikatakan tadi kalau betul, oleh kerana UDA, MARA, PERNAS ini tidak dimasuk kira oleh kerana itu adalah saham-saham yang dibeli oleh Kerajaan kalau kita ada duit baru boleh kita beli, kalau tiada kita tidak dapat, tetapi kiralah bumiputra 11.4%. Apa yang saya katakan ini bukanlah kerana perkauman, tidak, ini kerana saya hendak bercakap oleh kerana bumiputra kita ini yang habis terkebelakang, sebab itu saya hendak bertanya boleh atau tidak, sebab Menteri Perdagangan

dan Perindustrian apabila ditanyakan mengatikan 30% diberi kepada bumiputra, asal apapun approval, approval sesuatu lesen 30% untuk bumiputra. Jadi dengan sebab itu sekurang-sekurangnya 30% untuk dicapai pada tahun 1990, maknanya sekurang-kurangnya 70% atau 80%. Bolehkah Kementerian yang bertanggungjawab dan pegawai-pegawai Kerajaan yang di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberi jaminan tidak berdasarkan 30%. Apabila ditanya apa fasal tidak ambil 50% dikhaskan kepada bumiputra, mereka akan berkata tidak boleh cuma 30% sahaja. Jawapan ini saya sendiri mendapatnya. Saya tanya dari mana saudara atau encik tahu begini, dia kata tidak mahu lebih daripada 30%, saya mahu 30% sahaja. Ini kalau Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian tidak percaya saya boleh tunjukkan, dia bertengkar dengan saya, saya kata tak usah bertengkar. Jadi itu sebabnya saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh atau tidak lebih daripada 51% bukan kita hadkan 30% sebab pada tahun 1990 kita cuma hendak 30% bukan hendak lebih, boleh lebih kalau diberi, ini cuma had 30%. Jadi pada hari ini lebih sebab cuma 11.4%, jadi 19% ada lagi, hendak mencapai 19% dalam 9 tahun teruk juga. Boleh atau tidak diberitahu kepada Kementerian yang bertanggungjawab sekurang-kurangnya 51% lebih diberi kepada bumiputra tetapi jangan merampas hak orang lain. Boleh atau tidak dibuat begitu?

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, had 30% adalah dasar yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, saya ambil ingatan kata-kata yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bagi kajian lanjut.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No 11 hingga 25 adalah diberi di bawah ini)

BAS MINI—PERKHIDMATAN

11. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pengangkutan menyatakan tindakan yang diambil terhadap bas-bas mini yang membawa penumpang lebih daripada yang dihadkan dan juga tidak memperdulikan keselamatan penumpang-penumpang dan pengguna-pengguna jalanraya yang lain kerana pemandu-pemandu bas ini membawa

kenderaan terlalu laju dan juga memotong kenderaan-kenderaan yang lain mengikut sesuka hati mereka sendiri.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa bertugas untuk mengawasi perkhidmatan kenderaan-kenderaan awam khususnya teksi dan bas mini. Apabila didapati sesuatu bas mini itu melakukan kesalahan seperti membawa penumpang lebih, memendekkan perjalanan dan memandu dengan tidak cermat tindakan tegas telah diambil bukan sahaja terhadap pemandu tetapi juga kondakter dan pemegang permit. Tindakan-tindakan yang diambil ialah mendenda mereka (kompaun) dan jika diulangi kesalahan-kesalahan tersebut lesen-lesen kereta Perkhidmatan Awam mereka akan digantung, seterusnya bagi mereka mengulangi kesalahan-kesalahan tersebut akan diperakukan kepada Lembaga Pelesenan untuk pembatalan permit mereka. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengangkutan Jalan juga sering membuat pemeriksaan mengejut mengenai keadaan sesebuah kenderaan untuk menentukan supaya ianya adalah selamat dan selesa digunakan oleh orang ramai.

DASAR PERINDUSTRIAN

12. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan apakah dasar perusahaan Malaysia sebenarnya.

Dato' Lew Sip Hon: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar perindustrian Malaysia adalah dirangka berasaskan kepada keperluan-keperluan negara serta berpandukan kepada matlamat-matlamat yang hendak dicapai. Dasar berkenaan adalah disesuaikan mengikut keadaan yang berubah dari masa ke semasa.

Dalam tahun 1950an dahulu dasar perindustrian negara mengutamakan pengilangan barang-barang gantian impot (impot substitution) kerana keperluan untuk memperbagaikan ekonomi yang bergantung kepada hasil getah dan bijih timah sahaja. Dalam tahun 1960an pula, Kerajaan mula menggalakkan pelaburan-pelaburan asing untuk menubuhkan syarikat usahasama yang bercorak "export oriented" dan "labour intensive". Ini adalah

diperlukan untuk menambah lagi pertukaran mata wang asing serta mewujudkan seberapa banyak peluang pekerjaan yang boleh.

Semenjak tahun 1970an pula, dasar perindustrian negara adalah berpandukan kepada pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru, iaitu menghapuskan kemiskinan serta menyusun semula masyarakat. Di samping itu Kerajaan juga menggalakkan perkembangan industri-industri yang berasaskan sumber-sumber asli serta bahan-bahan mentah tempatan seperti getah, kelapa sawit, kayu-kayan, bahan-bahan galian, petroliam dan gas. Kerajaan juga menggalakkan penubuhan industri asas dan industri berat (basic and heavy industries) yang mengeluarkan beberapa bahan pengilangan "intermediate" yang perlu untuk membuka peluang kepada pertumbuhan pelbagai industri yang berkaitan.

Secara ringkasnya adalah dijelaskan bahawa dasar perindustrian negara adalah dirangka mengikut keperluan-keperluan semasa.

PERKHIDMATAN BAS DI PULAU PINANG

13. Tuan Oh Siew Aun minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perkhidmatan bas di antara Georgetown dan Balik Pulau, Jelutong; Gelugor; Sungai Nibong; Bayan Lepas; Telok Kumbar dan Simpang Empat adalah tidak mencukupi dan tidak memuaskan dan jika sedar nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Dato Lee San Choon: Saya memang sedar perkhidmatan bas sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat adalah kurang memuaskan. Sebenarnya perkara ini telahpun diambil tindakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan setelah mendapat sungutan daripada orang ramai. Pengurus syarikat yang bertanggungjawab memberi perkhidmatan ini telahpun dipanggil dan mereka telah menjamin akan memperbaiki perkhidmatan yang berkenaan. Jabatan Pengangkutan Jalan sedang memerhati kesan daripada perjumpaan yang telah diadakan, dan saya difahamkan yang sekarang ini terdapat perkhidmatan bas dilaluan antara Georgetown dan Telok Kumbar hingga ke Simpang Empat tiap-tiap 15 minit sekali.

Walau bagaimanapun, usaha sedang dipergiatkan lagi untuk menentukan syarikat yang bertanggungjawab memberi perkhidmatan yang memuaskan.

BARANG KEPERLUAN— KEKURANGAN

14. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa negara kita selalu sahaja mengalami kekurangan barang-barang keperluan satu demi satu, misalnya, kekurangan minyak tanah, kemudian diesel, mancis dan gula.

Dato' Lew Sip Hon: Kekurangan barang-barang keperluan di negara ini bukanlah satu perkara yang hanya berlaku kepada negara ini tetapi ia merupakan satu fenomena seluruh dunia terutama sekali apabila wujudnya keadaan ketidak-seimbangan antara pembekalan dan permintaan sesuatu barang itu. Terdapat beberapa faktor yang telah menyebabkan keadaan kekurangan bekalan untuk setengah-setengah barang.

Pertama, kita harus memahami bahawa "trade cycle" yang menyebabkan turun naik setengah-setengah barang komoditi seperti gula adalah diakibatkan oleh ketidak-seimbangan pengeluaran dan permintaan. Komoditi-komoditi itu tidak dapat dikeluarkan dengan cepat seperti barang-barang perkilangan kerana pengeluarannya adalah bergantung kepada berbagai-bagai faktor yang setengahnya di luar kawalan manusia seperti iklim, bencana, banjir dan kemarau. Oleh sebab itu harga dan bekalan barang-barang ini adalah dipengaruhi oleh keadaan pasaran antarabangsa. Adalah sukar untuk negara kita mengelakkan diri dari keadaan ini kerana kita bergantung kepada import barang-barang ini.

Kedua, krisis tenaga yang berlaku sejak tahun 1973 telah menyebabkan kos pengeluaran barang-barang perkilangan meningkat. Kenaikan kos ini telah memaksa setengah-setengah industri mengurangkan pengeluarannya terutama sekali bagi barang-barang yang harganya tidak dapat dinaikkan dengan sesuka hati oleh pihak pengilang seperti barang-barang kawalan. Sebaliknya untuk barang-barang yang harganya ditetapkan oleh kuasa permintaan dan penawaran secara bebas, pada praktiknya pembekalan dan permintaan akan mencapai suatu keseimbangan

dengan sendirinya. Memandangkan betapa pentingnya setengah-setengah barang keperluan kepada pengguna, Kerajaan telah mencampurtangan dalam penetapan harga barang-barang itu dengan tujuan untuk meringankan beban yang akan ditanggung oleh pihak pengguna dengan keuntungan yang diperlukan oleh pengilang-pengilang. Dan ini bukanlah satu perkara yang senang kerana ia melibatkan berbagai-bagai faktor yang setengah-setengahnya melibatkan amalan-amalan yang tidak sihat seperti penyeludupan, penyorokan barang dan sebagainya. Faktor-faktor inilah yang telah menimbulkan kekurangan bekalan barang-barang itu.

BAHAN PENGELUARAN PETROLIAM— PEMBEKALAN

15. Tuan M. Mahalingam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan sedang mengambil langkah untuk mengekalkan pembekalan bahan pengeluaran petroliam memandangkan keadaan huru-hara di Timur Tengah.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Kerajaan memang sedar bahawa sebarang pengurangan bekalan minyak mentah dunia sama ada disebabkan oleh huru-hara di Timur Tengah atau sebab-sebab lain, sedikit sebanyak akan menjejaskan bekalan minyak mentah bagi menemui keperluan negara kerana negara ini mengimport sebahagian besar minyak mentahnya dari luar negeri.

Bagi memastikan bekalan bahan petroliam negara tidak terjejas, langkah-langkah telah dan terus dijalankan oleh Kerajaan yang mana antara lainnya adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah mengawasi stok bekalan minyak mentah di kilang-kilang penapis syarikat-syarikat minyak di negara ini, untuk memastikan Kerajaan sentiasa mengetahui kedudukan minyak mentah negara. Butir-butir seperti stok semasa, bekalan yang akan diterima dan lain-lain maklumat dikumpul dan dianalisa setiap minggu. Di samping itu syarikat-syarikat minyak telah diarahkan untuk melaporkan segera kepada Kementerian tersebut sekiranya mereka mendapati ada tanda-tanda menunjukkan kekurangan bekalan minyak mentah. Walau bagaimanapun sehingga

kini tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan negara akan mengalami kekurangan bekalan. Stok simpanan semasa minyak mentah syarikat-syarikat minyak adalah berada ditahap yang memuaskan.

- (ii) Sebagai langkah jangka panjang Kerajaan telah mengarahkan PETRONAS supaya meningkatkan penglibatan mereka di dalam pengurusan bahan-bahan petroliam. Sementara itu dua buah kilang penapis minyak akan didirikan, satu di Trengganu dan satu lagi di Melaka bertujuan bagi memenuhi keperluan pengguna-pengguna di Semenanjung Malaysia.
- (iii) Kerajaan juga telah mengadakan satu dasar untuk melindungi (conserve) simpanan minyak negara. Mengikut dasar tersebut pengeluaran minyak dari telaga-telaga minyak negara adalah dikawal. Kawalan ini di samping memberi peluang pelaburan yang baik kepada kontrektor-kontrektor PETRONAS, juga menjamin simpanan minyak mentah tidak kering dengan cepatnya.
- (iv) Kerajaan juga telah melancarkan kempen penjimatan tenaga pada 2hb Disember, 1980 dengan tujuan untuk menyedar dan mendapatkan kerjasama yang penuh daripada rakyat bagi menjimat penggunaan bahan-bahan petroliam. Ini disebabkan negara bergantung kepada lebih kurang 85% dari bahan-bahan petroliam untuk sumber tenaga.

OPERATOR TELEFON— PEMBAGIAN KERJA

16. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menerangkan sama ada Kementeriannya sedar bahawa pembahagian tugas operator-operator telefon kini tidak seimbang di mana operator-operator perempuan ditugaskan pada waktu siang sahaja dan operator-operator lelaki diwaktu malam sahaja dan jika sedar nyatakan:

- (a) Sama ada rancangan pembahagian tugas ini dapat dibuat supaya operator lelaki dan perempuan ditugaskan bergilir-gilir siang dan malam kerana gaji mereka sama; dan
- (b) Jika ada nyatakan bila dikuatkuasakan dan jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Kementerian saya memang sedar bahawa pembahagian tugas Telefonis di Jabatan Telekom dibuat berdasarkan kepada jantina Telefonis tersebut. Sejak beberapa tahun dahulu sehingga sekarang, Telefonis Wanita adalah ditugaskan pada waktu malam.

Untuk makluman Yang Berhormat sistem kerja antara Telefonis Wanita dan Lelaki adalah sama sahaja iaitu mengendalikan papan suis untuk melayan panggilan, pertanyaan dan aduan dari orang ramai; tetapi purata laluan trafik panggilan setiap jam di siang hari adalah sekali ganda lebih besar daripada purata laluan trafik panggilan setiap jam di malam hari, ini bererti Telefonis Lelaki mengendalikan bilangan laluan trafik panggilan yang kecil jika dikendalikan dengan laluan trafik panggilan yang dikendalikan oleh Telefonis Wanita.

Berdasarkan kepada faktor di atas persetujuan telah dicapai beberapa tahun dahulu agar Telefonis Wanita bekerja di siang hari dan Telefonis Lelaki bekerja di malam hari. Walau bagaimanapun, jumlah jam bekerja tiap-tiap seorang Telefonis adalah sama iaitu 39 jam purata setiap minggu. Semua Telefonis sama ada wanita atau lelaki bekerja secara bergilir-gilir dalam lingkungan antara 7 pagi hingga 6 petang untuk wanita dan antara 6 petang hingga 7 pagi bagi kaum lelaki.

- (a) Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dengan kerjasama Jabatan Telekom telah memulakan kajian untuk mengubah semula susunan pembahagian kerja yang ada sekarang. Di dalam kajian tersebut beberapa faktor telah diambil kira dalam menimbang untuk menyusun pembahagian kerja yang baru itu, termasuklah faktor rumah tangga, tanggungjawab setiap Telefonis, kesesakan tempat bekerja waktu malam, bilik rehat di Ibusawat dan lain-lain lagi. Laporan awal mengenai kajian ini dijangka siap tidak lama lagi.
- (b) Sehingga hari ini pihak Kementerian saya masih belum dapat memutuskan dengan tepatnya bilakah susunan pembahagian kerja yang baru ini dapat dilaksanakan.

KEMALANGAN JET TEBUAN

17. Datuk Haji Mohd Din bin Jaafar minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab Jet Tebuan terhempas di Kuantan pada 24hb September, 1980 dan pada 18hb Mei 1979 dan nyatakan juga jumlah juruterbang TUDM yang memandu pesawat tersebut yang terkorban dan sama ada Kementerian Pertahanan akan terus menggunakan pesawat Tebuan itu.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Kemalangan yang berlaku ke atas Jet Tebuan yang jatuh terhempas pada 18hb Mei, 1979 telah mengakibatkan dua orang juruterbang terkorban. Hasil penyiasatan dari pihak TUDM, kemalangan itu adalah disebabkan "disorientation" yang dialami oleh juruterbang dalam manuver penerbangan rendah. Manakala kemalangan yang berlaku pada 23hb September, 1980 yang lalu juga telah meragut dua jiwa juruterbang. Sebab-sebab sebenar kemalangan masih belum diketahui kerana penyiasatan masih dijalankan.

Walaupun beberapa kemalangan telah berlaku, Kementerian saya berpendapat pesawat Tebuan masih selamat digunakan bagi latihan penerbangan kerana rancangan baik-pulih TUDM untuk pesawat ini adalah mencukupi dan memuaskan. Di samping itu, setakat ini Kementerian saya tidaklah boleh memberhentikan keseluruhan perkhidmatan Jet Tebuan ini kerana akan menjejaskan rancangan latihan juruterbang-juruterbang TUDM. Pihak TUDM mempunyai jadual senggaraan yang tetap bagi semua kapalterbang TUDM untuk menjamin kapal-kapal itu berada di dalam keadaan yang memuaskan untuk digunakan.

PELAJAR LULUSAN STP/HSC KE UNIVERSITI

18. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa paratuskah pelajar-pelajar lulusan STP (Sijil Tinggi Pelajaran) dapat melanjutkan pelajaran tinggi ke universiti-universiti yang menggunakan Bahasa Inggeris dan apakah cara-cara untuk mengatasi hal ini.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 1980 dari sejumlah 5,501 pengambilan ke universiti-universiti

tempatan, 3,405 adalah pelajar-pelajar lulusan STP/HSC dan ini adalah merupakan 61.9% dari jumlah kemasukan pada tahun tersebut. Pada masa ini hanya Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama. Adalah menjadi matlamat Kerajaan supaya mulai daripada tahun 1983 kelima-lima buah universiti-universiti tempatan akan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dan langkah-langkah sedang diambil ke arah menjayakan matlamat ini.

Buat masa ini kursus-kursus dalam Bahasa Inggeris ada diberikan kepada pelajar-pelajar kita untuk memperbaiki kemahiran mereka dalam bahasa ini.

BALAI-BALAI POLIS— PENGAWALAN KESELAMATAN

19. Tuan K. Kumaran minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada:

- (a) beliau berpuashati dengan keselamatan balai-balai polis di seluruh Malaysia dari serangan hendap seperti peristiwa di Batu Pahat baru-baru ini;
- (b) beliau berpuashati dengan kawalan di pintu pagar Balai Polis Batu Pahat sebelum berlakunya peristiwa tersebut, jika ya, nyatakan bagaimana penyerang-penyerang Balai Polis Batu Pahat boleh memasukinya; dan
- (c) beliau bersetuju dengan kenyataan Menteri Besar Johor yang pihak komunis mungkin terlibat dalam serangan tersebut, jika ya, jelaskan kenyataan tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammed Ghazali bin Shafie): Jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (a) Pada keseluruhannya saya berpuashati dengan peraturan keselamatan yang diselenggarakan di semua balai-balai polis kerana di samping untuk menjaga keselamatan, balai-balai tersebut juga sentiasa memberi perkhidmatan kepada orang ramai.
- (b) Saya juga berpuashati dengan pengawasan keselamatan Balai Polis Batu Pahat kerana bukan sahaja sentiasa

mengambil kira aspek-aspek keselamatan, tetapi juga kepentingan dan kesenangan komunikasi dengan orang ramai. Bagaimanapun kejadian di Batu Pahat itu adalah satu kejadian di luar dugaan dan tidak disangka-sangka. Anggota-anggota Polis yang melihat penyerang berpakaian puteh itu masuk, menyangka mereka datang untuk membuat laporan atau meminta derma kebajikan. Niat durjana mereka hanya diketahui apabila mereka mula mengeluarkan pedang-pedang dan menyerang anggota-anggota polis dan kakitangan awam yang berada di dalam balai. Berikutan dengan serangan tersebut, pihak Polis telah mengambil tindakan sewajarnya untuk mempertahankan diri dan balai.

- (c) Hasil siasatan setakat ini, tidak menunjukkan yang pihak komunis terlibat dalam peristiwa tersebut.

KEMAS—KENAIKAN ELAUN/GAJI PEGAWAI DAN KAKITANGAN

20. Tuan Abdulilah bin Salleh minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan akan menaikkan elaun/gaji kepada penyelia-penyelia, guru-guru dan kakitangan Jabatan KEMAS sepertimana kakitangan Kerajaan yang lain.

Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman): Untuk makluman Yang Berhormat perkara ini ada dalam pertimbangan Kerajaan.

FIRMA BINAAN

21. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Kerajaan akan menggalakkan firma-firma binaan supaya mempunyai saham pemutus (controlling shares) dalam firma perunding bagi menjalankan kerja-kerja projek Kerajaan apabila projek itu dijagai oleh firma perundingnya sendiri.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan tidak akan menggalakkan firma-firma binaan supaya mempunyai saham

pemutus dalam firma perunding. Akta yang berkenaan berkehendakkan supaya semua saham-saham dalam firma perunding hendaklah dipunyai oleh jurutera-jurutera professional yang berdaftar.

JEJAMBAT LEBUHRAYA PERSEKUTUAN DI KAWASAN KAMPUNG KERINCHI

22. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah jejambat yang menyeberangi Lebuhraya Persekutuan akan didirikan untuk penduduk-penduduk di Kampung Kerinchi.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Projek pembinaan sebuah jejambat (overhead pedestrian bridge) untuk menyeberangi Lebuhraya Persekutuan di kawasan Kampung Kerinchi adalah sebahagian dari kontrak di dalam Skim Pembaikan Lebuhraya Persekutuan Jalan II. Kontrak untuk membina jejambat tersebut telahpun ditawarkan kepada kontraktor yang berkenaan dan kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula tidak berapa lama lagi.

DASAR BELIA NEGARA

23. Tuan Haji Ibrahim Abdullah meminta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan sama ada Kerajaan mempunyai satu Dasar Belia Negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato Mokhtar bin Haji Hashim): Tindakan-tindakan sedang diambil untuk menggubal satu Dasar Belia Negara dalam bentuk sebuah piagam. Majlis Perundingan Belia Negara telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk menyediakan piagam ini dan jawatankuasa ini sedang bergiat menjalankan tugas-tugasnya.

Ini bukanlah bermakna Kementerian saya bergerak tanpa landasan selama ini. Sebenarnya dalam bidang pembangunan belia kita telahpun mempunyai prinsip, objektif yang tertentu sebagai asas segala perancangan dan program.

PANCURAN AIR DI LAPANGAN- TERBANG ANTARABANGSA SUBANG

24. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan memperbaiki pancuran air di Lapanganterbang Antarabangsa Subang.

Dato Lee San Choon: Pancuran air di Lapanganterbang Antarabangsa Subang adalah masih dalam keadaan baik dan tidak memerlukan apa-apa kerja pembaikan. Oleh kerana pada masa ini kerja-kerja pembesaran Lapanganterbang sedang dijalankan, maka pancuran air tersebut terpaksa dihentikan buat sementara waktu sehingga kerja-kerja pemasangan alat bawah tanah diselesaikan.

PERAYAAN UGAMA

25. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada boleh atau tidak perayaan-perayaan ugama sepertimana yang selalu diraikan oleh orang-orang China diadakan di tempat-tempat tertentu dan tertutup supaya tidak mengganggu ketenteraman orang-orang lain.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sebagai sebuah negara yang mengamalkan kebebasan beragama, Kerajaan tidak menghalang sebarang perayaan-perayaan ugama yang diadakan oleh semua keturunan di negara ini. Bagaimanapun, perhimpunan atau perarakan yang diadakan di tempat-tempat awam adalah memerlukan kelulusan pihak polis sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 27 Akta Polis No. 41/67. Sebarang perhimpunan atau perarakan tidak akan dibenarkan jika ianya akan memudaratkan kepentingan keselamatan dan mengganggu ketenteraman awam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (15hb Disember, 1980).

Perbahasan disambung semula.

3.41 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyambung ucapan saya semalam, berkenaan dengan Belanjawan 1981. Pertahanan

adalah satu perkara yang penting. Dahulu orang kita mengatakan oleh sebab negeri kita kecil tidak payah beli kapal terbang, tidak payah beli kapal terbang, kalau misalnya negeri China, Russia, orang Puteh atau Amerika hendak melanggar apa hendak buat? Ini pemikiran orang kita dahulu! Kalau begitu terserah kepada Tuhan sahaja-lah jangan berikhtiar langsung, serahkan sahaja bulat-bulat sebab kita tidak payah mempertahankan negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, tahu atau tidak pada hari ini Amboyna II oleh kerana kekuatan kita tidak ada, Amboyna II di pulau Amboyna sungguhpun kecil, biarpun pulau itu satu inci lebarnya, pulau itu telah diambil alih oleh Vietnam. Oleh sebab kita memikirkan perkara pertahanan adalah tidak penting oleh kerana kalau negara besar hendak masuk melanggar bila-bila boleh masuk melanggar. Dari itu kita kaji kedudukan Asia Tenggara ini benar-benar. Bagaimana pergolakannya, persiapan tenteranya, bagaimana tentera-tentera Vietnam? Dia punya standing army sahaja beratus milion, dia punya tank dan kapal terbang berapa banyak? Siapa di belakang Vietnam.

Kita tengok pula negeri China, berapa banyak? Dengan sebab itu walaupun kita dapat bertahan seminggu, 10 hari, sebulan atau dua bulan kita pertahankan negeri kita dari musuh sampai ada kawan datang untuk menolong kita. Takkan kita di Malaysia ini tidak ada kawan langsung. Jiran kita Indonesia, sementara askar Indonesia datang ke mari, sementara misalnya ada kawan-kawan yang lain datang menolong dalam komanwel kita juga mesti bersiap sedia. Takkan kita tidak payah lagi pakai baju sebab baju ada sehelai, pedulikan baju-baju yang lain. Kalau ada anggapan begitu, anggapannya sudah salah pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu kuasa-kuasa yang hendak melanggar negeri kita adalah kuasa-kuasa komunis. Komunis ini sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri ini adalah musuh kita. Baikpun subversive communist di dalam parti kita, di bawah tanah, di sekolah di manapun ada. Itu musuh yang ada di dalam negeri. Kita baru tangkap beberapa orang, orang kita bumiputra yang menjadi alat komunis yang menjadi international communists yang bernabikan Russia begitu juga Cina komunis yang ada di hutan pada hari ini. Kita jangan lupa iaitu dekat sahaja,

di hutan Kuala Kubu ada komunis. Dekat sahaja dengan kita. Tidak berapa jauh, bila-bila masa kalau ada huru-hara di dalam negeri kalau pertahanan kita tidak kuat, mereka akan masuk menakluk atau buat huru-hara di negara kita.

Itu sebabnya saya kata tadi, kita bukan kerana apa-apa, tidak, barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini, apa sebab kita hendak beli senjata-senjata yang moden. Pada hari ini pun tentera ini beratus-ratus ribu, kalau senapang dahulu, tidak guna juga, dia mesti ada senjata-senjata moden yang otomatik picit sahaja butang, meletup." Ini kita beli kapal terbang second hand—Skyhawk second hand, kita tidak kira datang dari mana, saya nyatakan buatan Amerika. Tetapi kapal terbang second hand yang sudah dibeli oleh Israel kemudian tidak dipakai, Israel jual. Walaupun itu bukan Amerika, tetapi second hand. Tadi saya tidak dapat hendak membincangkan secara panjang lebar dengan Menteri atas perkara ini, tetapi apa gunanya kita beli sayap, badannya kemudian kita letakkan mesin? Lebih baik kita beli baru, kalau \$14 juta pun lebih baik, dia boleh terbang lebih laju lagi. Maintenance-nya tidak ada.

Pada suatu masa dahulu dijawab oleh Menteri mengatakan kita hendak guna kapal terbang yang laju, kita cuma hendak sedikit laju sahaja. Mana boleh sedikit laju. Saya pun tidak mengerti kalau hanya dapat menembak 20 batu, sedangkan musuh ada 50 batu. Kita hendakkan kapal terbang yang lebih laju yang setaraf dengan orang lain punya, yang lebih kuat dan kencang. Kerana bukan sebarang musuh yang kita hendak lawan ini.

Kalau fikir hendak lawan komunis di sini, tidak payah; helikopter sudah cukup. Tetapi yang kita hendak lawan ini, Tuan Yang di-Pertua, musuh yang kuat betul, kita tahu Vietnam dan kita tidak boleh sandarkan sangat harapan dengan jiran yang sebelah atas. Kita tahu apa telah jadi semasa peperangan Dunia Kedua. Kita tidak boleh sandarkan harapan itu sangat. Ini sebabnya defence adalah mustahak.

Saya dapat tahu bahawa defence kita lebih-kurang 13% budget kita tahun ini kita gunakan kepada defence. Ini bagus. Ini harapan

kita semua sebab inilah dia kita berkehendakkan pertahanan kita kukuh betul, apabila pertahanan kukuh rakyat dalam negeri pun senang lenang dan tidur pun nyenyak.

Apa yang kita buat pada hari ini mendirikan kilang, membuat projek perumahan dan sebagainya. Pelaburan asing pun suka sebab adanya pertahanan yang kuat, tidak gentar, baik pun di dalam negeri ataupun luar negeri. Sebab itu kita berkehendakkan askar yang lebih banyak, pertahanan yang betul betul baik.

Saya dengar kita ada beli kapalterbang atau kapalperang yang boleh menembak sasaran 20 batu tepat kena targetnya. Itulah yang sepatutnya kita beli, roket-roket begini yang betul-betul kencang, kuat dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong benar-benar soal pertahanan ini, oleh kerana segala-galanya bergantung kepada pertahanan terutamanya dan untuk kestabilan negara kita supaya bangsa asing datang melabur dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi satu perkara lagi apabila kita membeli senjata, Timbalan Menteri tadi barangkali pada masa itu belum lagi Timbalan Menteri, ataupun belum lagi menjadi Ahli Parlimen, sebab inilah semasa saya di Dewan Rakyat dahulu membincangkan mengenai penyelewengan membeli senjata. Caranya seperti kata Timbalan Menteri tadi, ada testnya tetapi kita beli barang-barang yang tidak begitu baik. Ini membazir.

Saya ingat lagi, Tuan Yang di-Pertua, dahulu Mesir melawan Israel. Sebab dia beli kapalterbang, kapalterbang second hand akhirnya Mesir habis jahanam, rajanya, Raja Farouk lari ke Italy langsung mati. Oleh kerana semua pertahanannya tidak betul, membeli senjata yang tidak betul. Saya yakin dan percaya negeri kita tidak akan berlaku begitu oleh kerana kita memang beli senjata-senjata yang baik, cuma baharu-baharu ini kita beli skyhawk yang second-hand sahaja, tetapi pada masa akan datang perkara seperti ini jangan berlaku. Dan juga berkenaan dengan pertahanan kita beli senjata yang habis baik dengan harga yang murah, barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mendengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Hussain tadi memang benar oleh kerana memang sudah ada agennya membeli senjata ini, bukan membeli antara Kerajaan

dengan Kerajaan. Kalau dijawab iaitu ini bukan antara negeri dengan negeri, ini daripada kompani dengan kompani. Kalau dengan syarikat itu, jenis itu juga disyorkan, misalnya, MiG atau Skyhawk memang dibeli Skyhawk terpaksa itu sahaja yang dibeli. Ini yang kita tidak mahu oleh kerana syarikat itu monopoli sahaja.

Saya tidak hendak mengatakan siapa yang monopoli tetapi cuba siasat benar-benar siapa yang monopoli perkara itu. Balik-balik itu sahaja yang dapat, baik pelurunya, baik apa sekalipun. Jadi ini mestilah ditengok supaya jangan ada korupsi-korupsi yang besar berlaku di dalam perkara pembelian senjata ini. Hari itu ada pihak Pembangkang mengeluarkan bermacam-macam, kita terpaksa mempertahankan perkara ini supaya pihak Pembangkang jangan dapat lagi mengatakan seperti itu. Kalau perkara itu berbanding betul-betul, specificationnya betul-betul elok itu tidak menjadi apa hal. Tetapi ada harga yang bermillion rendah yang betul mengikut specification tidak dapat oleh kerana macam-macam terjadi. Oleh itu, orang-orang yang menjadi ahli-ahli tender biarlah orang-orang yang betul-betul jujur, yang betul-betul lurus baharulah boleh jadi, kalau tidak begitu penyelewengan-penyelewengan akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan tadi iaitu perkara defence ini saya sokong di atas perbelanjaan 13% daripada Budget 1981 ini, kalau boleh 20% tidak menjadi apa-apa asalkan negeri kita kuat di dalam negara-negara ASEAN. Kita tidak mahu bergantung kepada sesiapa.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, pelabuhan-pelabuhan, baik pelabuhan military seperti Naval Base di Lumut ini adalah mustahak. Naval Base di Lumut ini menjaga Selat Melaka dan Lautan Hindi, itu bagus oleh kerana pantai kita panjang iaitu daripada Lumut ke Labuan, ke Sandakan dan juga Sebatek. Jadi Naval Base di Lumut memang bagus sebab pelabuhannya elok, tenang dan sebagainya tetapi kita berkehendakkan naval base bukan satu sahaja. Kita berkehendakkan beberapa buah naval base terutama di Sabah dan Sarawak. Di Labuan misalnya sungguhpun ada tetapi itu bukan navel base yang benar-benar, kita berkehendakkan navel base oleh kerana di Lautan China musuh-musuh kita banyak. Kita boleh buat naval base di Kuantan misalnya atau di Kota

Bharu sungguhpun lautan di situ bergelora. Misalnya, Taiwan di Kauchu Selatan dibuat naval base walaupun thypoon dan gelombang-bangnya kuat masih boleh dibuat naval base yang dalam yang mana kapal 200,000 tan atau 500,000 tan boleh masuk ke dalam naval base di Taiwan itu. Jadi, ini dijangka kita boleh buat.

Berkenaan dengan pelabuhan tadi, iaitu pelabuhan military, pelabuhan-pelabuhan non-military juga dikehendakki. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak berkehendakan pelabuhan-pelabuhan ini—Tuan Yang di-Pertua pun faham iaitu kita telah rugi membuat Pelabuhan di Kuantan beratus million ringgit. Kita dikehendaki berjimat, disuruh orang berjimat, jangan makan gula banyak-banyak, hari-hari TV mengatakan jangan makan gula banyak-banyak nanti sakit perut, sakit jantung, sakit hati dan segala-gala penyakit datang daripada gula, baikpun benar atau tidak itu lain pasal. Pada masa dahulu perkara ini tidak ada sebelum harga gula naik, Tetapi beratus million ringgit habis begitu sahaja. Consultantnya orang Belanda. Kontraktornya orang Perancis tetapi pelabuhan habis jahanam. Dahulu sebelum orang bercakap, saya ada bercakap di Dewan ini, barangkali Tuan Yang di-Pertua ada di sini, dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tidak betul apa yang dikatakan oleh Raja Nong Chik itu. Tidak apalah kerana bila kita bercakap dijawab tidak betul, tidak apalah, sebab ini dalam Parlimen kalau bercakap dijawab, bercakap dijawab, tetapi perkara ini mestilah disiasat. Kalau ada tuduhan Ra'a Nong Chik ditengok dan disiasat betul atau tidak, jangan kata tidak betul sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sudah tidak ada lagi. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Oktober tahun ini akan dibuka Pelabuhan Kuantan itu tetapi sampai sekarang tidak dibuka, kapal tidak boleh masuk, wang beratus-ratus million ringgit hilang begitu sahaja.

Saya bercakap ini untuk menjimatkan wang Kerajaan. Sekarang diperuntukkan \$19 million dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk memperbaiki pelabuhan itu. Jangkanya kontraktor itu mesti kita dakwa, consultant itu mesti didakwa sebab consultant itu pandai, dia orang Belanda, tentulah dia survey, dibuat soil survey, kalau ada lumpur di sebelah bawah mengalir dia mesti survey itu semua. Dia orang pandai, bukan macam

kita. Kita mengambil consultant bangsa Malaysia sebab dia tidak pandai. Kita ambil orang Belanda. Kontraktorpun begitu juga kita tidak ambil orang kita sebab orang kita tidak pandai, kita ambil orang Perancis, tetapi jahanam!

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mestiah betul-betul bertindak terhadap kontraktor dan consultant ini sebab kita telah rugi banyak. Kalau kita hendak mendapatkan balik wang ini berapa ribu tong minyak kita jual baharu dapat kita duit ini balik, lebih baik kita beri kepada orang miskin untuk membasmi kemiskinan daripada diberikan kepada kontraktor ini. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan ini bukan leteran tetapi ini fact, kebenaran yang patut kita hancurkan. Kita bukan Pembangkang, tetapi daripada kejujuran kita, kita bentangkan. Yang Berhormat mengambil ingatan apabila kita memberitahu bagi pihak kita sesama kita terpaksa kita telan sama-sama. Pil yang pahit ini kita telan sama untuk membaiki kita—bukan kita tidak sahaja.

Jadi pada hari akan datang oleh kerana Pelabuhan Johor pun hendak buat, lain-lain pelabuhan pun hendak dibuat macam Pelabuhan Bintulu hendak dibuat, \$300 million untuk Pelabuhan di Bintulu dan lain-lain tempat, ini juga mesti dijaga oleh Kementerian yang bertanggungjawab supaya jangan perkara ini berlaku lagi. Itu sebabnya saya hendak bertanya betul atau tidak lagi \$19 million ini untuk Pelabuhan Kuantan untuk memperbaiki lagi dan \$19 million ini cukup untuk memperbaiki pelabuhan ini, jangan besok diminta lagi, tak cukup lagi. Dan adakah Kerajaan mendakwa di Court of Justice terhadap kontraktor-kontraktor yang bertanggungjawab yang telah merugikan kita sebegitu banyaknya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, negeri kita pada hari ini banyak pemuda-pemuda kita pergi belajar keluar negeri dan balik. Consultant bangsa kita (Malaysia) cukup banyak, apa sebabnya tidak digunakan consultant kita, apa sebab diambil consultant bangsa luar, bangsa asing, kita ambil orang Jerman. Cuba tengok yang membuat rumah berpuluh-puluh tingkat kita tidak pakai consultant orang Jerman, orang Itali, kita boleh buat rumah yang tinggi-tinggi ini, local contractor boleh buat apa sebabnya kita berkehendak kontraktor-kontraktor luar negeri, consultant luar negeri. Pada hari akan

datang saya minta kepada Kerajaan oleh kerana ini untuk membangunkan bangsa sendiri, kalau adapun keuntungan dapat kepada bangsa sendiri, dapat kepada consultant sendiri. Kalau kita tidak cukup pengetahuan, consultant Malaysia dengan consultant asing ini boleh buat joint-venture membuat satu-satu projek macam di Lumut Project. Apa sebab Blooming-Bosch menjadi consultant di Lumut Project tidak dengan sesiapa, dia sahaja consultantnya. Thesan Construction Company adalah juga mempunyai saham 60% dalam Bloomin-Bossh, iaitu consultant Jerman 60% dipunyainya, dia masuk tender di atas perkara ini dan Kerajaan diamanahkan begitu, Kerajaan tidak kata apa-apa, diamanahkan dia tetapi kalau consultant ini orang Asia, orang Melayu, orang Malaysia, Mingco Consultant kita tidak boleh.

Misalnya, PERNAS masuk syer 30% sahamnya dalam Mingco Consultant ini, disuruh tarik balik oleh akitek-akitek. Association of Architects negeri kita mengatakan tak boleh, unethical, sebab dia sama dia juga, walaupun PERNAS tidak boleh Pernas-Mingco sebab Mingco itu consultant, tetapi kenapa dibiarkan pula consultant Jerman dengan kontraktornya. Kalau diberi kepada dia akhirnya bertambah naik, consultant dia dengan dia juga boleh berunding. Perkara ini berlaku di negeri kita begini sepatutnya kita boleh check dan re-check di atas perkara ini supaya nanti jangan orang lain mengatakan, tengok, kalau begitu dibenarkan consultant kita juga dan kontraktor kita joint-venture. Kalau ada kerja biar dia buat begitu sesama dia, consultant dan kontraktor, kalau perkara ini boleh berlaku. Ini mestilah ditengok baik-baik oleh Kerajaan supaya jangan perkara ini berlaku, ini belum hendak berlaku tetapi akan berlaku jikalau tidak kita beringat-ingat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkapalan MISC (Malaysia International Shipping Corporation), juga ini ialah national shipping company. Dahulu dikatakan apa sebabnya national shipping company ini boleh pula orang Hongkong masuk saham. Bolehkah kita benarkan national shipping kita bangsa asing masuk? Kalau kita tidak ada pengetahuan kita ambil orang-orang ini kita gajikan, itu tidak menjadi apa hal tetapi masuk saham dalam MISC ini yang kita tidak setuju. Apa sebab saya timbulkan perkara ini? Saya timbulkan di sini kerana loan

aggreement, minta duit, hendak pinjam between Malaysian International Shipping Corporation Berhad and Malayan Banking Berhad, dated 17th Mac, 1980—Government guarantee. Macam mana Kerajaan mesti guarantee 15%, 7-10% dipunyai oleh orang Hongkong. Kalau orang Malaysia tak apa jugalah ini orang Hongkong. Kalau 10 kapalnya ini berapa million?

Saya baca di sini, minta izin:

“The Agreement is made on the 17th of March between the Malaysian International Shipping Corporation Berhad, a company incorporated in Malaysia and having its registered office at second floor WISMA MISC, Jalan Conlay, Kuala Lumpur.”

Mujur Malayan Banking Berhad a company incorporated in Malaysia—tak apa. Jadi ini Agreement on the loan, section 101:

“At the request of the borrower, the bank has agreed to grant, on the terms and conditions herein contained in the form of approval, an unconditional guarantee of the Government of Malaysia.”

Kalau national shipping kita punya 100% tak apa—Government of Malaysia.

“The Government of Malaysia to the borrower a loan not exceeding a maximum aggregate principal sum of Ringgit \$40 million, herein called the “Loan” for the purposes of financing the purchase of new ships.”

Jadi bagaimana kita hendak mengkayakan Hongkong, kita menjamin—anih sekali oleh kerana kalau misalnya bumiputra untuk ditarik masukkan saham ada juga, itu memang untuk Dasar Ekonomi Baru, ini tidak.

Dahulu di sini kita bincangkan MISCnya berapa pekerja bumiputra di sana, dahulu Chairmannya kita kata tidak ada bumiputra, orang-orang lain semuanya, jawatan-jawatan tinggi semua orang lain, apa sebabnya. Bila kita goncang di sini sekarang barulah ada. Ini saya sedih sedikit, bukan kerana apa-apa—tidak, ini hari penghabisan saya di Dewan ini kerana akan bersara—Tuan Yang di-Pertua juga akan bersara bersama-sama cukup bulan ini. Jadi persaraan ini hendak ditunjukkan bukan kerana kita bercakap di sini kerana hendak bercakap, kerana dapat \$2,000 hendak bercakap—bukan, kerana kebenaran saya tak takut hendak bercakap

untuk memberi ingat kepada Kerajaan. Jangan kita sorok-sorokkan kepada Kerajaan kita yang busuk, yang tak elokpun kita kata betul, sebab saya tak ada ambition, sudah pencen hendak ambition apa? Kalau hendak jadi Menteri pun tak ada lagi. Tak ada apapun ambitionnya, barangkali tiga tahun lagi kita akan mati sebab kita sudah tua jadi tak ada fasallah. Apa yang boleh dicakap—cakaplah kalau perkara yang benar, kalau membohong tidak boleh, salah pada ugama Islam, ini dakwah-dakwah menyeleweng perginya. Jadi bercakap perkara yang benar, iaitu ini tak boleh, tetapi dibenarkan.

Misalnya loan Lembaga Pelabuhan Kelang, itu tak apa hallah, Employees' Provident Fund Board pun tak apa, Holiday Villages of Malaysia, inipun barangkali semua Kerajaan punya, tak apa hal. Tetapi perkara yang saya fikir tidak boleh, pada hari akan datang Kerajaan mesti berfikir sebab kalau perkara ini berlaku, kalau ia betul ada, saya bersetuju MISC ini dipunyai oleh orang Hongkong, sebab itu saya keluarkan perkara ini, kalau tidak begitu tidak menjadi apa.

Selain daripada itu, Tuan Yang diPertua, berkenaan dengan bandaraya Kuala Lumpur sebab kita beri banyak wang kepada bandaraya Kuala Lumpur. Kita tengok bandaraya Kuala Lumpur sebab dalam Budget banyak wang diberi kepada bandaraya Kuala Lumpur tetapi pergi tengok bandaraya Kuala Lumpur, kita boleh bercakap di sini—bukan saya sahaja bercakap, tetapi semua orang bercakap berkenaan dengan bandaraya Kuala Lumpur, dengan rumputnya yang panjang, jalannya tidak betul, kalau dibandingkan Kuala Lumpur dengan bandar lain tidak usah bandingkan.

Tetapi kita tengok Singapura, kita bukan pro Singapura—tidak, kita dihenyak oleh Singapura. Kita hendakkan bandaraya Kuala Lumpur macam bandaraya Singapura, bersih, elok, lalang dan rumputnya dipotong, longkangnya dielakkan, tembok-tembok yang pecah di tampal, di belakang-belakangnya di tengokkan, tetapi Kuala Lumpur tengok! Ini bukan apa—tidak, tetapi sesiapa pun menengok. Ini bukan saya mengampu, tidak; tetapi tidak ada apa pun saya lihat dalam bandaraya Kuala Lumpur ini. Malu kita sebab bandaraya Kuala Lumpur adalah sebuah bandaraya contohan kepada bandar-bandar

yang lain. Assessment begitu banyak diambil, apa yang boleh dibuat, diburu juga penjaja yang miskin, diruntuhkan rumah-rumah orang-orang miskin, itu kerjanya.

Orang-orang yang tidak berumah yang datang daripada kampung-kampung, datang daripada new villages untuk duduk di Kuala Lumpur dengan gaji \$200 apa hendak dibuatnya, Kerajaan pun tidak buat rumah; mereka ini yang diburu, hari-hari dihentam, dilanyak, dipukul, dikejar dan sebagainya sedangkan bandar tidak bersih dan tidak ada pula kerjasama hendak membuat sungai supaya jangan bah (flood).

DID dengan bandaraya Kuala Lumpur tidak secukup bahkan di tepi-tepi tebing itu ada dibuat rumah-rumah setinggan. Orang-orang setinggan kata: baiklah kalau dibuat barracks murah ataupun rumah-rumah sementara, kami pindah. DID kata: baik, saya boleh buat, hendak melurus dan mengelokkan sungai. Bandaraya Kuala Lumpur tidak boleh. Sekarang itu sebabnya setengah dibuat, setengah tidak dibuat. Bukan kerana setinggan-setinggan itu tidak mahu keluar sebab kalau dibuatskan barrack panjang mereka keluar, itupun tidak boleh bekerjasama. Itu sebab bah di Kuala Lumpur ini.

Ini yang kita tidak tahu apa kerja yang sebenarnya, cuma hendak pergi mesyuarat, hendak menghalau setinggan-setinggan yang miskin-miskin. Setinggan-setinggan miskin ini membuat rumah ada sebab-sebabnya. Ini penyakit kita bersama, penyakit Bandaraya Kuala Lumpur bersama, penyakit society kita sebab baru sekarang kita hendak membasmi kemiskinan baik apa bangsa yang duduk di Kuala Lumpur ini sama ada Melayu, Cina India. Dalam Malaysia ini—kadang-kadang saya mengatakan untuk bumiputra oleh kerana kita hendak mengatasi sampai 30%, itu sebabnya saya bercakap berkenaan bumiputra. Tetapi bagi seluruh Malaysia ini, sebagai rakyat Malaysia saya tidak hendak menengok orang Malaysia duduk bersestinggan di tepi-tepi sungai sebab dia orang Malaysia, dia mengatakan dia rakyat Malaysia, dia menjadi warganegara Malaysia, dia juga mesti mendapat tempat. Ini dia dihalau dan sebagainya, hawkers kita yang kecil-kecil yang menjual makanan dengan harga yang murah kepada taxi driver, driver, mereka inilah yang dihentam, kadang-kadang tidak dapat lesen. Apa dia hendak buat?

Ada seorang bekas askar yang telah berkhidmat berpuluh tahun menyerahkan jiwanya kepada negeri ini, bekas askar menyerahkan nyawanya mempertahankan negara dengan gaji yang kecil. Ada dikatakan dalam suratkhbar berhampiran dengan Wisma Stephens dibuatnya pondok untuk mejual sedikit sebanyak makanan di situ, tempat orang makan murah-murah, di belakang Hiltonkah ataupun apa, tetapi ada gelarannya; dihalau, akhirnya dia meradang dibakarnya sendiri gerainya itu. Sepatutnya orang yang seperti ini terpaksa Kerajaan menolong. Itu sebabnya kita dapat ada bekas-bekas askar dalam hutan. Apa sebabnya, bukan kerana apa, tetapi layanan terhadap mereka yang telah berjuang berpuluh-puluh tahun mempertahankan negara, apa yang mereka dapat? Dikatakan hak istimewa ada diberi, tidak ada dan payah hendak mendapatnya. Ini sebabnya perkara ini mestilah Kerajaan menengokkan bandaraya Kuala Lumpur ini betul-betul bersih, betul-betul elok dan mendirikan lebih banyak lagi rumah-rumah murah untuk orang-orang yang miskin.

Saya hendak bercakap sedikit lagi, tidak berapa panjang sebab saya sudah berjanji dengan Tuan Yang di-Pertua tidak hendak bercakap banyak, hendak bercakap dua tiga jam tidak bolehlah, sebab orang lain pun hendak bercakap, tetapi saya berjanji dalam 1½ jam sahaja.

Berkenaan dengan pertanian semalam saya telah bercakap tetapi ini berkenaan dengan orang yang menangkap ikan. Sekarang ini orang yang menangkap ikan hidup meleset tetapi hari ini harga ikan sudah mahal. Ikan parang \$3.80 sekati, ikan tenggiri begitu juga, udang sampai \$4-\$5 sekati, ikan bawal sampai \$8 sekati, udang yang besar-besar sampai \$12 sekati. Jikalau betul-betul MAJUIKAN melayani perkara ini saya tidak nampak pada hari ini, kalau orang yang menanam padi—betul sebab padinya terpaksa dibeli oleh Kerajaan \$28, \$30 dan sekarang \$38 sepikul tetapi sekarang ikan-ikan di pasar tidak begitu, harganya naik terus menerus sampai \$3.80, \$8.00, siapa hendak makan ikan dia belilah. Ikan yang gatal iaitu ikan kembung ini pun \$1.80 hingga \$2.00 sekati. Jadi kalau ditangkap lima kati sudah \$10.00. Menangkap ikan di laut itu senang kalau 20 kati dia sudah dapat berapa banyak? Saya ingat orang-orang yang menangkapkan tidak menjadi soal kehidupannya

oleh kerana harganya sangat tinggi, cukup tinggi; harga beras dikontrol tetapi ikan tidak. Dengan sebab itu orang-orang yang bergaji \$200, \$300 ini payah hendak makan ikan, udang dan sebagainya. Tidak mengapa perkara itu tetapi negara berkehendakkan lagi sebab negeri yang moden—kita bukan hendak ke belakang, kita hendak menuju ke hadapan, dengan sebab itu saya menengok negeri-negeri—kita buang negeri Jepun sebab kalau kita contohkan Jepun dia terlalu maju (advanced). Nanti dikatakan Raja Nong Chik bercakap mengenai negeri Jepun tetapi Jepunlah yang lebih pandai menangkap ikan.

Kita tengok di Taiwan, negerinya miskin, negerinya tak ada apa, gunung ganang di tengah sampai ke sebelah timur gunung sahaja, sebelah sahaja yang boleh pakai tetapi perusahaan menangkap ikan cukup maju, bot-bot ikannya ada, kapal-kapal ada, kapal-kapal di tepi laut ada tetapi ada kapal 300-400 tan untuk menangkap ikan di lautan dalam, itu boleh dibuat. Apakah sebab kita tak boleh buat? Apakah sebab kita hendak beli bot-bot 2 tan, 3 tan, 5 tan atau 10 tan—datang angin ribut, datang gelombang, datang musim tengkujuh tak boleh menangkap ikan langsung cuba diberi bot 300-400 tan, barulah mereka maju dan adakan koperasi nelayan sesama menangkap ikan, masukkan dalam tin dan dijual. Ini bukan angan-angan Mat Jenin tetapi ini angan-angan yang betul, bukan macam Mat Jenin panjat kelapa dan sebagainya, it is not a dream, it is a fact tetapi perkara yang betul boleh dibuat—sampai sekarang tak dibuat, daripada dahulu semasa Dewan Rakyat saya ucapkan begini tetapi tak boleh dibuat, hendak meninggikan taraf orang miskin, tetapi tak dibuat perkara ini, cuma ada bantuan diberikan bot kecil, mana boleh jadi, cara dahulu juga, itu tak boleh maju. Jadi terpaksalah diberi bot yang besar dan juga cara menangkap ikan yang moden supaya dapat mereka itu menangkap ikan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya tak hendak bercakap panjang cuma ada dua perkara sahaja iaitu mengenai dengan bumiputra.

Seperti kata Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh bahawa adalah benar orang Melayu atau bumiputra yang beragama Islam tidak mahu menampung tangan sahaja—ini bukan ajaran Islam, untuk menampung tangan dan meminta: Ya Tuhan berilah aku rezki,

amin. Oh! Tuhan, berilah aku anak banyak, amin. Ini bukan kerja orang Islam. Orang Islam disuruh sembahyang, kita semua mesti sembahyang tetapi walaupun orang Islam disuruh sembahyang, dan berterima kasih kepada Tuhan kerana kalau udara ini 5 minit sahaja tidak ada, kita semua akan mati. Dengan sebab itu kita berterima kasih, kita dapat hidup di dunia ini. Jadi dengan sebab itu kita mestilah berterima kasih kepada Tuhan tetapi hidup hendaklah berikhtiar, jangan menampung tangan sahaja bawa tempurung buruk dengan menjadi buruh kasar, atau bawa tempurung buruk seperti di bank-bank orang, jadi watchman dengan tak menggunakan kepala, lulus dari universiti misalnya sudah cukup untuk kerja dengan Kerajaan, sudah cukup goyang kaki—tak boleh macam itu, macam mana hendak maju. Tengok orang yang maju bukan dia begitu, lulus universiti sudah bergaya atau lulus universiti konon berjaya.

Kalau di Jepun, negeri yang maju, tukang sapu dan jaga pintu hotel itu semua pass universiti dari Tokyo University atau Wasida University dan sebagainya tetapi dia dapat meningkat sampai jadi manager. Jadi itulah sebab kita terpaksa memakai otak, jangan pula dengki mendengki di antara satu dengan lain, jatuh menjatuh di antara satu dengan lain, sebab itu ajaran Islam mengatakan: Jangan kamu jatuh menjatuhkan, hei umat Islam kamu semua adalah adik beradik, orang Islam bersaudara di antara satu dengan lain; adik beradik (brotherhood) tetapi kita setiap hari dengki mendengki, khianat, jatuh menjatuh antara satu dengan lain. Jadi sebab itu orang lain peduli apa kalau bangsa Melayu jatuh, jahanamlah bangsa Melayu lebih baik bagi mereka.

Saya sebagai penghabisan kata kepada bangsa saya orang Melayu, dan kepada orang lain juga terpaksa bekerjasama dengan bumiputra untuk kesejahteraan negeri ini oleh kerana kita berkehendakkan negeri ini maju jaya baik bumiputra atau tidak mestilah bekerjasama berjabat tangan untuk kemajuan negeri kita ini tetapi kepada bumiputra yang beragama Islam, ikut ajaran Islam, jangan nama sahaja Islam tetapi tidak mengikut ajaran Islam bukan sembahyang sahaja bukan puasa sahaja Islam, kalau tak puasa akan ditangkap. Jadi terpaksalah orang Islam ini atau orang Melayu bekerja kuat. Saya berbangga betul kepada orang-orang lain yang kita jadikan contoh, misalnya orang-orang Cina dan

orang-orang India, mereka datang bukan bawa harta tetapi apakah sebab mereka jadi senang lenang, mereka bukan ada MARA, bukan ada PERNAS dan sebagainya. Adakah mereka datang dengan bantuan PERNAS atau UDA, tidak ada hubungan, malahan UDA jadi kuda, tetapi mengapa mereka itu senang lenang dan sebagainya, membuat pembalakan, membuat mining, membuat perlombongan, membuat kedai-kedai, factory dan sebagainya. Ini disebabkan mereka ber-tenaga. Saya tidak hairan, saya tidak dengki dengan mereka, saya sendiri belajar di negeri China tetapi orang Melayu kalau hendak hak miliknya, hak mereka mesti bekerja kuat bukan semata-mata bergantung kepada MARA sahaja dan saya tidak bergantung kepada MARA, saya tak pinjam satu sen pun daripada MARA, saya tak minta satu sen pun, daripada UDA, tak meminjam apa pun, saya bekerja, saya contact di luar negeri. Kalau hendak menantikan pertolongan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian minta pertolongan daripada Menteri, mana ada dapat peluang. Contact mesti ada, kalau tidak ada contact bagaimana hendak berniaga, berapa banyak modal, berapa banyak dipinjam daripada Bank Bumiputra tak boleh jadi. Contact dan pengetahuan mesti ada dan sebagainya. Barulah orang Melayu boleh maju di dalam tempoh yang dikatakan 20 tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta bukan sahaja modal tetapi juga dari otak dan tenaga yang sihat mestilah ada pada orang Melayu. Inilah modal yang besar sekali, kemahuan orang Melayu mesti ada, moga-moga bangsa kita, orang Islam dan orang Melayu dapat maju dan saya juga minta kepada orang bukan Melayu yang menjadi warganegara negeri ini betul-betul tidak ada syak wasangka terutama sekali dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru betul-betul mempunyai sangkaan yang baik iaitu kalau hendak hidup di sini, taat setia di sini, tidak guna mengaku taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong hanya pengakuan di mulut, sumpah di mulut—itu tidak berguna, kalau sembahyang takut kepada pak haji, pak lebai, pak imam, tidak berguna. Saya kalau sembahyang, saya sembahyang betul-betul kepada Tuhan. Begitu juga kepada orang lain betul-betul hendak menolong kepada bumiputra untuk mencapai tujuan dalam Dasar Ekonomi Baru tadi. Baru boleh jadi. Kalau tidak jadilah dia

sebagai derebar, jadi watchman dan sebagainya. Mana boleh begitu. Kita berkehendakkan kalau joint-venture jangan jadi joint-venture untuk jadi Chairman atau Raja Nong Chik jadi Chairman, sebab dia Senator dia jadi Chairman. Yang sebenarnya jadi peon, disuruhnya jumpa Menteri itu, Kementerian ini, Kementerian itu. Jadi peonlah kita, diberinya \$1,000 sebulan. Hendak begitu?

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya lebih suka menjadi manusia satu hari daripada menjadi hamba seribu tahun, sebab kita sudah lama sangat menjadi hamba, lebih baik menjadi manusia satu hari, Tuan Yang di-Pertua, daripada menjadi hamba seribu tahun. Kita mestilah mulai daripada sekarang supaya dipandang orang mulia sedikit, ini kita dipandang orang macam 'jongos' buat apa disuruh-suruh, bukan kita budak-budak lagi. Jadi hendaklah bersama-sama, kalau tidak ada modal pun lebih baik engkau pinjamkan modal kepada aku ataupun pinjam daripada bank, kita mestilah bekerjasama, selepas itu kalau tidak ada modal, keuntungan po ong bertahun-tahun baru kita boleh bersuara, ini tidak ada bersuara, apa hendak buat? Saya minta kepada warganegara Malaysia ini supaya kita tidak mahu lagi kejadian buruk berlaku di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya sudah bercakap sampai 4.30 petang daripada 3.30 petang tadi iaitu lebih kurang satu jam, oleh sebab saya fikir mesyuarat ini cuma 12 hari sahaja, kalau hendak merepek panjang lagi boleh direpekan dan bermacam-macam boleh direpekan, dengan sebab itu saya fikir kepada Tuan Yang di-Pertua juga kerana bersama di sini sudah lama selama 6 tahun dalam Dewan Negara ini dan banyaklah telah saya perlakukan, kadang-kadang sakitkan hati orang dan mengingatkan Raja Datuk Nong Chik mengkomen dan sebagainya. Di sini saya cuma hendak menunjukkan supaya dikatakan kita ini betul-betul berparlmen, betul-betul negara kita ini bebas, demokrasi yang benar-benar tulin, kita tidak military

democracy, komunis demokrasi, sosialis demokrasi—tidak. Ini betul-betul demokrasi yang tulin dan kita boleh memberi fikiran kita jangan kita apa sahaja, kalau kita hancurkan fikiran kita nanti kalau kita hendakkan lesen teksi tidak dapat kerana Menteri dendam—jangan. Kalau ada fikiran begitu memang tidak boleh bercakap, takut, kalau bercakap nanti ditangkap, kalau ada fikiran begitu tidak dapat kita menghancurkan buah fikiran kita yang sebenarnya. Jadi saya minta maaf daripada Yang Berhormat Menteri-menteri dan juga tuan-tuan yang kadang-kadang merasa tersinggong di atas apa yang saya buat selama ini, begitu juga Tuan Yang di-Pertua; kalau ada perasaan ini adalah perkara biasa di dalam Parlimen yang kita mengamalkan sistem demokrasi terpaksa kita tonjolkan apa yang kita fikirkan baik untuk negara kita, kita tonjolkan, saya tahu akibat pendirian saya, saya tahu akibat saya kata komunis ada dalam Kerajaan, saya mahu tonjolkan dalam Dewan ini. Tetapi saya fikirkan perkara ini benar dan betul sebab apa hendak melawan, tetapi perkara ini memang betul ada - tidak boleh dinafikan—bukankah begitu? hendak menyelamatkan macam mana telah terjadi seperti di Afghanistan yang dikatakan Islam tidak boleh diseludupi oleh komunis, tidak boleh masuk, tetapi apa yang terjadi? Lebih-lebih lagi fanatik terhadap ugama Islam, harus hari itu kalau tidak dikeluarkan perkara ini memang ada rancangan pada tahun 1980 memang niat mereka ini akan mengambil kuasa negeri kita, ini rancangan. Tetapi kalau tidak dikeluarkan orang ini kita tidak dapat tangkap lagi, akibatnya memang buruk kepada diri saya sendiri, tetapi ini tidak ada dalam perjuangan mesti dihapuskan kepala dipotong, dimasukkan ke dalam jel, keluar jel—ini perjuangan. Apa boleh buat kalau melangkah dalam politik terpaksa kena bermacam-macam.

Saya banyak berhutang budi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri yang lain dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat semua oleh kerana kita dapat bertukar fikiran di sini dan dengan penghabisan di sini saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, sampaikan salam saya kepada dia dan juga salam kepada semua sekali. Terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

Perbahasan disambung semula.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin.

4.36 ptg.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbekalan 1981.

Saya menyokong penuh atas Anggaran Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah di Dewan yang mulia ini pada hari semalam, dan rasa saya tidak keterlaluan kalau saya katakan di sini bahawa Belanjawan negara bagi tahun 1981 ini adalah merupakan belanjawan rahmat terutama sekali kepada rakyat atau golongan

berpendapatan rendah seperti kaum buruh, petani-petani, pekebun-pekebun kecil, nelayan hinggalah kepada para pekerja di sektor swasta dan kakitangan Kerajaan peringkat pertengahan dan tingkat bawahan.

Rakyat jelata khususnya mereka di kampung-kampung rata-rata menduga sama sekali bahawa pengumuman Anggaran Belanjawan negara bagi tahun 1981 memberi manfaat dan faedah besar kepada mereka dari berbagai sudut seperti mengenai kenaikan subsidi harga padi, tambahan bantuan tanaman semula bagi pekebun-pekebun kecil dan lain-lain lagi yang tidak perlu rasa saya, saya sebutkan satu persatu di sini agar tidak merugikan peluang masa yang keemasan ini kepada rakan-rakan saya yang kemudian daripada ini.

Dari segi kenaikan subsidi harga padi dan tambahan kepada kadar bantuan tanaman semula getah bagi pekebun-pekebun kecil sahaja sudah cukup membuktikan bahawa butir-butir Belanjawan 1981 ini adalah sama sekali di luar daripada dugaan rakyat jelata. Ini bukan sahaja pandangan peribadi saya sendiri, malah sebagai seorang yang terlibat secara langsung dengan parti pemerintah. Saya seringkali didatangi oleh rakyat dan dalam perjumpaan-perjumpaan umum menerima sanjungan dari rakyat terhadap belanjawan kita pada kali ini.

Hakikat ini tidak dapat dinafikan oleh sesiapa melainkan golongan-golongan atau puak-puak yang sentiasa mencari kesalahan Kerajaan atau golongan-golongan yang menyimpan dendam terhadap Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang ini. Saya berharap pihak-pihak yang berkenaan yang saya nyatakan ini dalam menilai sesuatu tidak seharusnya mereka menggunakan emotion sebagai peribadi mereka itu sendiri. Kita tinggalkanlah dan biarkanlah golongan-golongan ini dengan sikap mereka sebagaimana yang saya nyatakan tadi. Saya percaya rakyat akan dapat meneliti terhadap kesungguhan Kerajaan dalam memberi bantuan-bantuan dan pembangunan-pembangunan kebendaan dan keagamaan yang dijalankan oleh Kerajaan kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti sahabat saya Raja Datuk Nong Chik, saya juga akan turut menyentuh beberapa perkara yang dirasakan perlu mendapat perhatian kita semua berhubung dengan pergolakan-pergolakan yang ada

di sekitar kita sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama saya sentuh di sini mengenai ajaran sesat. Ajaran sesat semenjak kebelakangan ini issue dakwah songsang atau ajaran sesat diperkatakan di merata-rata tempat di tanah air kita. Perkara ini lebih menjadi ketara dan lebih menjadi gempar apabila berlakunya peristiwa berdarah di Batu Pahat sedikit masa yang lalu di mana kumpulan yang dikatakan dari penganut-penganut ajaran sesat telah menyerang Balai Polis Batu Pahat yang mencedera parahkan orang-orang yang tidak berdosa.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat hendak menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang di dalam Dewan Rakyat tempoh hari tetapi suka saya mengutarakan di sini ialah tentang peranan dan kuasa Majlis-majlis Hal Ehwal Ugama Islam dan Jabatan-jabatan Ugama Islam setiap negeri dalam Malaysia. Pihak-pihak Majlis Hal Ehwal Ugama Islam dan Jabatan-jabatan Ugama di negeri-negeri sepatutnya memberi perhatian serius terhadap kegiatan dakwah songsang dan ajaran sesat itu semenjak dari awal-awal lagi bagi mencegah perkara ini dari merebak seperti yang berlaku sekarang. Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak tersebut walaupun mengetahui dari awal-awal lagi enggan membuat penyiasatan rapi atau enggan mengambil tindakan-tindakan membenterasnya dengan alasan katanya pihaknya belum menerima aduan atau laporan rasmi secara bertulis dari orang ramai atau penduduk-penduduk kampung yang berkenaan.

Inilah kerap kali alasan yang kita telah dengar di merata-rata. Tuan Yang di-Pertua, sikap menunggu laporan rasmi yang diamalkan oleh setengah-setengah Majlis Hal Ehwal Ugama Islam mengakibatkan berlakunya peristiwa berdarah di Batu Pahat tempoh hari dan juga jika sikap ini diteruskan pada masa yang akan datang saya kluatir kegiatan ajaran sesat dan dakwah songsang itu akan lebih berleluasa lagi. Barangkali bukan sahaja berdarah di Batu Pahat, mungkin akan berdarah juga di negeri-negeri lain atau ditempat-tempat lain.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menimbulkan berbagai soalan. Apakah dari segi kuasa pihak Majlis Ugama Islam tidak mempunyai untuk bertindak menghapuskan

kegiatan ini kerana kita dapati ada di setengah-setengah tempat di mana terbukti adanya kumpulan tersebut, tindakan ke atas mereka dilengah-lengahkan. Jika soalan saya itu dijawab dengan menyatakan Majlis-majlis Ugama atau Jabatan-jabatan Hal Ehwal Ugama tidak mempunyai kuasa yang cukup untuk bertindak mencegah berlakunya lagi keadaan atau peristiwa seperti itu, maka saya berharap kuasa-kuasa Majlis Ugama setiap negeri di semak semula dan jika perlu hasil dari semakan itu, jika kuasanya tidak cukup maka hendaklah diberi kuasa tambahan supaya pihak yang saya sebutkan tadi dapat bertindak terus dengan tidak payah menunggu laporan bertulis dari orang kampung, dengan tidak payah menunggu itu dan menunggu ini, dapat bertindak terus supaya keadaan yang ada ini dapat kita hentikan dalam jangka masa yang agak segera.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini hendaklah diberi perhatian berat oleh semua pihak kerana soal agama adalah sensitif bukan sahaja kepada rakyat atau kepada masyarakat Islam malah kepada lain-lain bangsa juga yang percayakan Allah. Maka marilah kita sama-sama, saya merayu menerusi Dewan yang mulia ini, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahuwataala semoga dijauhi daripada mala petaka berhubung dengan agama ke atas rakyat dan negara Malaysia yang kita kasih ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, saya ingin sentuh di sini ialah mengenai pelajaran. Saya tidak bercadang hendak bercakap mengenai pelajaran ini atau mengenai dasar pelajaran dan sebagainya tetapi ada satu aspek lain yang saya hendak sentuh mengenai pelajaran ini ialah kalau kita ke mana-mana pun sekarang ini di dalam Malaysia, kita terdengar sungutan-sungutan dari rakyat terhadap apa yang dipanggil atau apa yang disebut pada masa ini ialah sekolah terkawal di kawasan bandar. Sekolah-sekolah terkawal ini adalah terdiri dari sekolah-sekolah yang peratusan peperiksaan di kalangan murid-muridnya adalah cemerlang dan menjadi rebutan ibu bapa untuk mendapatkan tempat di sekolah-sekolah terkawal atau sekolah-sekolah yang berkenaan bagi anak-anak mereka baik sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Tetapi ada setengah sekolah terkawal ini sebahagian besar muridnya terdiri daripada kanak-kanak dari keluarga yang berada atau yang berpangkat. Ini mungkin

boleh menimbulkan salah faham di kalangan rakyat bahawa sekolah-sekolah yang baik ini untuk anak-anak keluarga berada sahaja. Di-harapkan sebelum isu-isu ini "ditengak" oleh anasir-anasir sabversif, saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan dapat memperbaiki atau mengimbangkan taraf kehidupan murid-murid di sekolah-sekolah berkenaan supaya tidak dianggap dimonopoli oleh anak-anak golongan berada sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dasar Kerajaan atau dasar Kementerian Pelajaran kita tidak membeza-bezakan taraf kehidupan murid-murid bagi memasuki sesebuah sekolah itu, perkara ini harus diberi perhatian. Pada pendapat saya murid-murid di sekolah-sekolah di luar kawasan bandar juga seperti di kampung-kampung boleh mencapai kecermerlangan mereka di dalam peperiksaan Penilaian Darjah V, SRP, SPM, dan STP umpamanya sekiranya lebih banyak guru-guru yang berijazah, guru-guru yang berpengalaman, guru-guru yang penuh dengan latihan di tempatkan di sekolah-sekolah di luar bandar. Saya merasakan kiranya pihak Kementerian yang berkenaan melaksanakan apa yang saya menyuarakan ini, perkara salah faham ataupun percakapan sebagaimana yang saya sebutkan tadi tidak akan timbul lagi dan anasir-anasir yang cuba hendak memutar belitkan keadaan yang sebenarnya tidak akan terbukti dan bagi ibu bapa yang mempunyai anak di luar bandar tidak merasa apa-apa keraguan kerana bila-bila peperiksaan yang diadakan itu barangkali tidak akan ada perbezaan yang jauh di antara sekolah luar bandar dengan sekolah-sekolah di dalam bandar.

Saya tidak bercadang hendak bercakap lebih panjang mengenai pelajaran, cuma itulah satu daripada perkara yang saya dapati yang telah dicakapkan hari ini oleh rakyat jelata.

Perkara yang ketiga, saya suka hendak sentuh di sini juga mengenai agensi-agensi Kerajaan atau badan-badan berkanun Kerajaan. Di Dewan yang mulia ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan dan syabas yang telah menubuhkan berbagai-bagai agensi dalam usaha membantu bumiputra dan hendak mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, tetapi apa yang mendukacitakan ada setengah-setengah agensi Kerajaan dalam kegiatannya lebih merupakan persaingan dengan ahli-ahli perniagaan yang terdiri daripada bumiputra.

Kalau kita membuat tinjauan atau membuat kajian maka sudah pasti perkara ini akan nampak terang pada kita.

Agensi-agensi itu sekarang nampaknya mengambil dan merebut peluang-peluang yang ada kepada bumiputra sedangkan peluang-peluang seperti itu tidak seharusnya agensi-agensi Kerajaan hendak berkecimpung sama. Apa yang menjadi harapan besar barangkali menerusi dasar utama Kerajaan menubuhkan agensi ialah kalau apa yang sudah diusahakan oleh bumiputra umpamanya, janganlah cuba hendak merebut peluang hendak bertanding, hendak bersaing dengan dia malah sepatutnya mereka memberi khidmat nasihat untuk panduan sahaja bukanlah mencebur secara langsung dalam bidang-bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, saya ada beberapa contoh yang boleh saya sebut di Dewan yang mulia ini, kalau tidak barangkali mereka menyatakan cakap atas awang-awangan sahaja tetapi saya percaya rakan-rakan saya yang lain juga sama nampak dengan saya peranan-peranan agensi-agensi Kerajaan. Satu daripada contoh, yang saya dapat kemukakan di sini, dalam perusahaan tembakau.

Saya bercakap mengenai tembakau walaupun barangkali ada pihak-pihak yang kurang mengetahui secara mendalam berapa banyakkah rakyat yang terlibat dengan tembakau, barangkali sedikit sahaja walaupun kita merokok, bagi orang yang merokok tetapi kita tidak pernah mengkaji ataupun tidak terdapat kepada kita dari mana tembakau yang dibuat rokok dan sebagainya. Dalam perusahaan tembakau ini, Tuan Yang di-Pertua, kurang lebih 120,000 rakyat luar bandar terlibat secara menanam tembakau di seluruh Malaysia dikecualikan Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Ini sahaja negeri yang tidak ada menanam tembakau. Perusahaan tembakau yang saya titik beratkan di sini, ialah perusahaan tembakau Virginia yang dibuat rokok seperti yang dijual di pasaran Malaysia daripada pengilang atau kompeni Malayan Tobacco, Rothman, RGR dan dua tiga kompeni yang dianggap kecil-kecil sedikit iaitu kompeni tempatan daripada Perak.

Sejak akhir-akhir ini Kerajaan mula memasuki bidang tersebut, bidang yang saya sebut 120,000 lebih kurang jumlah rakyat

kita yang terlibat di dalam perusahaan tembakau, 365 buah syarikat memproses daun tembakau hijau kepada daun tembakau kering sebelum dibuat rokok yang telah terkenal dengan nama pengawit-pengawit tembakau yang juga dari rakyat luar bandar kalau saya tidak silap tidak kurang daripada 90% adalah bumiputra, orang Melayu yang mengusahakan sebagai pengawit-pengawit tembakau. Di segenap ceruk dalam Malaysia ini kecuali dua tiga negeri yang saya sebutkan tadi. Di samping itu ada lagi berpuluh-puluh ribu rakyat yang terlibat secara langsung sebagai buruh sebagai penjual kayu api dan sebagainya yang terlibat di dalam industri ini.

Jadi sejak akhir-akhir ini saya katakan tadi Kerajaan mula memasuki bidang tersebut—apa tujuannya. Sedangkan pengawit-pengawit tembakau yang sedia ada saya sebutkan 365 buah syarikat ini mampu untuk mengeluarkan daun tembakau kering yang dikehendaki oleh pengilang rokok berasaskan kepada supply and demand. Tetapi akhir-akhir ini seperti saya katakan tadi, agensi-agensi Kerajaan telah mula melangkah malah ada Kerajaan Negeri yang sanggup membuat kontrak perjanjian dengan pihak Malayan Tobacco Company berasas kepada membuat projek printis menanam tembakau dan pengawit. Ada Kerajaan pula yang membuat joint-venture dengan Lembaga Pertubuhan Peladang. Ini secara langsung atau secara tidak langsung tentu akan menjejaskan perusahaan yang sedang dan telah dibuat oleh rakyat kita di kampung-kampung, kerana soal pokok yang saya sebutkan tadi pengeluaran tembakau tempatan ini berasaskan kepada quota dan quota itu berasaskan kepada permintaan daripada pengilang-pengilang rokok, yang ada kalanya turun naik, itu menjadi mainan dia. Sekiranya ramai yang menghisap rokok barangkali market cigaretnya naik, maka banyakkah daun yang dikehendaki, begitulah keadaannya.

Pada masa ini pengawit-pengawit tembakau merasa gelisah dengan tindak tanduk Kerajaan mengambil peluang dalam perusahaan tembakau, perusahaan yang ada pada masa ini atau pengusaha-pengusaha yang ada pada masa ini mampu untuk mengeluarkan daun tembakau kering sebagaimana yang dikehendaki oleh pengilang-pengilang.

Pada pendapat saya, kalau Kerajaan memikirkan tidak ada projek-projek yang lain, ataupun tidak ada benda-benda lain yang patut diusahakan oleh Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan, mengapa tidak Kerajaan-Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan membentuk sebuah kilang membuat rokok, memproses rokok di Malaysia ini bagi maksud mencari keuntungan sebagaimana yang kita dapati berpuluh-puluh million ringgit tiap-tiap tahun keuntungan yang didapati oleh pengilang-pengilang rokok yang ada di Malaysia kita pada masa ini, di mana pengilang-pengilang rokok yang ada di Malaysia kita pada masa ini, modal tempatan, itu belum diambil kira bumiputra atau bukan bumiputra, modal tempatan hanya 19%; 80.1% lagi adalah dimodali oleh negara luar daripada Malaysia.

Saya bukan merasa iri hati tetapi sekiranya Kerajaan memikirkan yang ia hendak masuk campur sama dalam perusahaan tembakau, mengapa itu tidak diusahakan, mendirikan kilang, kita tahu katakanlah di Pantai Timur pengeluaran tembakau yang banyak, didirikan sebuah kilang rokok di Pantai Timur. Dan perkara seperti ini bukan mustahil boleh dibuat. Kalau kita lihat negara jiran kita Thailand umpamanya, kilang rokok dipunyai oleh Kerajaan Thailand sendiri dengan namanya Thai Tobacco Monopoly sama juga dengan Korea, Korea Tobacco Monopoly. Berapa untung kepada Kerajaan dan Kerajaan dapat pengalirkan wang itu untuk pembangunan kerana rakyat. Tetapi oleh sebab kita barangkali pada masa ini berdasarkan free enterprise, dan atas hasrat tadi jika Kerajaan memikirkan ia hendak masuk campur, mengapa itu tidak dibuat. Saya percaya kalau hendak dibuat kilang rokok tentu tidak mampu dibuat oleh rakyat kita atau penduduk luar bandar dari segi modalnya, dari segi pengalamannya atau dari segi apa sekalipun. Barangkali kalau kita buat kilang pada masa itu kita boleh mengambil 80% atau 90% daripada bumiputra bekerja sedangkan dalam kilang-kilang yang ada di Malaysia kita pada masa ini, kakitangan yang dianggap sebagai Pengurusan atau Executive cuma 32.1% sahaja yang lain semuanya bukan daripada bumiputra, di

peringkat-peringkat lain juga jika dijumlahkan tidak sampai 50%. Jadi kalaulah Kerajaan berhajat maka saya kira biarlah mengambil peluang yang bukan boleh dibuat oleh rakyat itu sendiri.

Satu lagi contoh, Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkhidmatan Bas Ekspres MARA. Saya masih teringat ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, Menteri yang bertanggungjawab mengenai MARA pada tahun 1965 yang lepas, beliau berkata MARA mendapat lesen untuk menjalankan bas ekspres sementara sahaja, apakala MARA fikir perjalanan cara ini boleh menguntungkan dan tidak merugikan maka kita akan serahkan kepada rakyat yang mahu atau mampu menjalankan perusahaan itu.

Sekarang ini kita lihat banyak bas-bas ekspres yang dijalankan oleh rakyat sendiri satu atau dua buah bagi satu-satu syarikat kepunyaan bumiputra kita tetapi MARA masih juga pegang tidak lagi menyerahkan kerana barangkali untungnya baik jadi MARA hendak cari untung disitu. Jadi, kalau perkara ini dipegang selama-lamanya maka matlamat yang kita hendak tuju, matlamat 30% yang kita hendak capai tidak akan tercapai kerana banyak peluang-peluang perniagaan yang baik-baik ada semua di tangan agensi Kerajaan. Jadi sampai bila rakyat yang ada kebolehan tetapi tidak diberi peluang. Kalau adapun peluang yang sudah berjalan sekarang ini ia cuba pula hendak masuk bersaing dengan perusahaan itu. Saya berharap dua perkara contoh yang saya sebutkan tadi jelas kepada saya dan diharapkan pihak-pihak yang berkenaan atau Kerajaan sendiri cuba mengkaji keadaan ini supaya matlamat kita hendak mencapai 30% Dasar Ekonomi Baru akan dapat kita capai sebelum-bolehnya sebelum daripada masa atau atau target yang kita cadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima saya suka hendak sentuh di sini mengenai cukai. Inipun ada kaitan dengan contoh yang saya beri tadi. Saya tidak hendak banyak bercakap mengenai perkara ini, cuma saya hendak kaitkan satu contoh mengenai cukai rokok atau cukai tembakau.

Saya mengalu-ngalukan pengumuman Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dan Anggaran Belanjawan 1981 yang menaikkan cukai import tembakau dan rokok

yang diimport sebanyak 20% bagi cukai dalam Belanjawan kita 1981. Saya percaya dan penuh yakin dengan hasrat untuk menjaga kepentingan perusahaan tembakau di negara ini. Itulah barangkali kepercayaan saya, keyakinan saya tujuan dinaikkan cukai import tembakau dan rokok ialah untuk hendak menjaga industri tembakau yang ada di Malaysia pada masa ini, yang saya sebutkan tadi angka-angka keterangan mengenai perusahaan tembakau. Tetapi pada pendapat saya ada sedikit yang tidak berapa seimbang, cukai tembakau yang diimport dinaikkan 20% kalau dibandingkan dengan tahun 1980, bagus. Tetapi cukai rokok 20% juga dinaikkan. Apa yang saya hendak utarakan di sini kalau benarlah telahan saya, hasrat Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan hendak menjaga kepentingan industri tembakau di Malaysia maka cukai rokok yakni rokok-rokok yang dibuat daripada luar negeri yang dibawa ke Malaysia patut dinaikkan bukan sahaja 20% hingga 40% baharulah seimbang dan kemasukan rokok luar negeri dan perusahaan tembakau dalam negeri tetap dengan sendiri akan bertambah. Sebab saya yang diimport dari luar negeri ini bukan daripada kalangan rakyat jelata biasa atau penuh yakin bahawa orang yang merokok atau orang kampung, orang-orang kampung barangkali hisap rokok 555 tetapi orang yang merokok; saya pun tidak ingat nama setengah-setengah rokok ini, iaitu rokok Lucky Strike umpamanya, Winston dan macam-macam lagi cap-cap rokok yang mahal, barangkali orang-orang yang dikalangan atas sedikit, orang yang berada. Jadi samalah saya teringat kelmarin dalam masa taklimat kita ada satu soalan yang dibuat oleh rakan sejawat saya, Tuan Yang di Pertua, kenapa cukai kereta disel dinaikkan tinggi sehingga sampai 5 kali ganda. Jawapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mengatakan bahawa orang yang memakai kereta disel yang besar-besar seperti 300D itu ialah terdiri dari orang yang berada, jadi saya pun hendak ibaratkan rokok tadi samalah. Maknanya orang yang menghisap rokok Lucky Strike, Winston dan apa benda lagi rokok yang mahal-mahal itu tentulah orang yang berada, orang ini kalau mahal pun tidak mengapa. Jadi, hasrat Kerajaan yang sebenar untuk hendak menjaga industri tembakau yang terlibat rakyat kita sebanyak 120,000 seperti saya katakan tadi daripada

penanam-penanam tembakau, 365 buah syarikat pengawit, berpuluh-puluh ribu pekerja yang terlibat dengan perusahaan tembakau ini dengan sendiri akan berkembang dari semasa ke semasa untuk meninggikan taraf hidup rakyat jelata kita yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara perkhidmatan Bomba, sedikit sahaja saya hendak sentuh. Saya juga ingin menyentuh tentang perkhidmatan bomba memandangkan kepada masa ini kerap berlaku kebakaran besar di negara kita ini. Perkhidmatan bomba di seluruh negara hendaklah diperbesarkan dan dilengkapi dengan alat-alat moden serta kakitangan-kakitangannya hendaklah diberi latihan yang cukup cekap dan bermutu tinggi seperti yang erdapat di bandar-bandar besar di dunia ini. Kerajaan tidak harus memandang ringan terhadap beberapa kebakaran besar yang berlaku ke atas beberapa bangunan seperti Kompleks Campbell, bangunan Bank Bumiputra, kilang-kilang perusahaan semenjak kebelakangan ini. Memandangkan kepada perkembangan pembangunan negara kita yang begitu pesat, sepatutnya perkhidmatan bomba di seluruh negara diperkemaskan lagi. Dalam hal ini di tiap-tiap daerah, terutama di daerah-daerah selain daripada bandar-bandar besar yang saya katakan tadi, terutamanya di daerah-daerah pendalaman juga perlu balai-balai bomba dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan pemadam api.

Tuan Yang di-Pertua, kebakaran 16 buah pintu kedai 2 tingkat di Bandar Gua Musang baru-baru ini, yang akhir sekali kita tengok dalam suratkhbar—16 buah pintu kedai 2 tingkat di Bandar Gua Musang, Kelantan baru-baru ini telah dimakan api. Pada hemat saya kebakaran itu tidak mungkin berlaku sebesar itu jika perkhidmatan bomba yang lengkap diadakan di daerah yang terpencil itu. Pada masa ini di Gua Musang cuma ada satu unit kecil bomba dengan 3 orang anggota dan sebuah lori kecil untuk membawa jentera pam air. Saya tidaklah mahu hendak menceritakan lanjut, kalau saya cerita barangkali ketawa Dewan yang mulia ini, dengan alat yang ada dan apa terjadi sewaktu kebakaran 16 buah pintu itu. Cukuplah barangkali saya katakan sekiranya alat ini cukup tak mungkin 16 buah pintu itu boleh habis kebakaran ini boleh berlaku juga tetapi mungkin barangkali satu atau dua buah pintu sahaja, yang lain dapat di selamatkan. Tuan Yang di-Pertua sendiri pun cukup kenal

dengan negeri Kelantan barangkali, lebih-lebih lagi Gua Musang, sebagai seorang Jeneral, perhubungan lain tidak ada, apa hendak tolong api itu—tidak ada, hendak panggil fire brigade daripada Kota Bharu, daripada Kuala Krai tak mungkin datang, daripada Kuala Lipis tempat Tan Sri pun tak boleh, jauh sekali, hendak panggil dari mana? Hendak panggil helikopter barangkali hendak datang tolong buat apa, rumah itu bukan 16 tingkat sebagaimana Bank Bumiputra, itupun lambat datang dan orang lain dulu datang. Ini keadaannya.

Kita sekarang ini sedang membangun. Kawasan-kawasan pendalaman sedang membangun, dalam masa kita membangun kita tidak merancang benda itu, sama juga macam kata bandar besar kita ini, kita ada orang yang boleh fikirkan hendak buat bangunan setinggi 29 tingkat ataupun barangkali dalam masa 1-2 tahun lagi 50 tingkat, tetapi tak fikir apakah akan jadi kalau berlaku kebakaran sebagaimana 6 atau 7 orang pegawai-pegawai di Bank Bumiputra yang tersepit baru-baru ini, nasib baik bekas Senator kita ini sempat turun ke bawah. Kalau tidak dia pun berjumlah jadi 8. Berada dalam tersepit tak tahu apa hendak buat, hendak turun tak boleh, hendak naik tak boleh, hendak terjun mustahil. Jadi kita pandai mereka bangunan besar, bangunan tinggi tetapi kita tidak tahu hendak membeli alat moden, hendak kata tak tahu pun susah juga barangkali, ada di antara pegawai-pegawai kita yang pergi ke luar negeri—tengok. Anihnya saya dengar cerita ada sejenis alat moden yang tersimpan di balai bomba tetapi tidak boleh dibawa keluar pada masa berlaku kebakaran Bank Bumiputra, sama ada betul atau tak betul—wallahualam, saya dengar orang bercakap, kerana belum ada perintah (order) boleh bawa keluar benda ini. Jadi kalau hendak tunggu perintah itu manusia sudah habis mati, rumah susah terbakar, macam mana?

Ini juga saya sentuhkan dalam ucapan saya berkenaan dengan perkhidmatan bomba di mana kita berharap benar-benar daripada sekarang ini supaya Kerajaan memandang serius dan memikirkan secara perincian bagaimana kalau berlaku kebakaran apa alat untuk penyelamatan, kalau tidak, jangan kita luluskan bangunan-bangunan tinggi yang hendak dibina atau pun jangan kita bangunan di mana-mana bandar kecil yang

hendak kita bangunkan kalau kita tidak ada mempunyai alat. Kejadian ini bukan boleh tentu, barangkali mana-mana kebakaran ini sudah hendak cari dari mana punca api, tidak dapat hendak cari, kalau daripada manapun orang itu mati senyap-senyap sahaja—tak dapat. Ini kita anggap satu malapetaka, jadi perlu kita ada alat untuk mempertahankan sekiranya berlaku malapetaka seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah berkenaan dengan bahan-bahan binaan. Para kontraktor binaan bumiputra sering kali kita mendengar mereka menghadapi kesulitan dalam mendapatkan bahan-bahan binaan dalam melaksanakan projek-projek Kerajaan sehingga setengah-setengah orang barangkali merasa bosan mendengarkan para-para kontraktor bumiputra kita, pihak suratkhbar gunakan perkataan “gulung tikar bantal”, perkataan ini sering terdengar.

Dalam keadaan sekarang ini masalah sebenar, Tuan Yang di-Pertua, yang mereka hadapi bukan kesulitan mendapatkan bahan-bahan binaan tetapi masalah yang sebenar tidak mendapatkan kemudahan kredit atau pinjaman dari pihak-pihak pembekal bahan-bahan binaan yang mana kita semua maklum sebahagian besar daripada bahan-bahan ini adalah di tangan satu golongan.

Saya sendiri boleh membuktikan, satu hari saya sedang membaiki sedikit rumah saya sendiri tetapi oleh sebab saya tidak mempunyai kepandaian untuk membaiki sendiri maka saya berkira dengan sahabat saya sebagai kontraktor tolonglah buatkan baiki sedikit ini dengan upahannya sekian, jadi dia buatlah perlahan-lahan dahulu, kemudian berhenti. Bila saya balik saya pun bertanya kenapa berhenti? Jawabnya, tidak ada simen.

Saya kata takkanlah tidak ada simen? Bukan kita hendak ratus-ratus beg simen. Barangkali banyak-banyak pada hemat saya yang tidak mengerti dalam segi kontrak ini sehabis-habis banyak saya kata dalam sepuluh beg sahaja takkanlah tidak ada, tidak boleh dapat simen. Saya pun bertengkarlah dengan kontraktor yang membuat rumah saya itu langsung saya kata begini. “Biar saya pergi cari simen, esok awak hantar orang bekerja.” Dia kata, “baik boleh”. Saya pun terus keluar daripada rumah saya terus pergi ke kedai, berjumpa seorang kawan, Encik

Chan namanya. “Chan, tolong beri simen kepada saya sedikit”. “Apa hendak buat haji?” “Adalah, hendak membaiki rumah sedikit.” “Berapa beg hendak?” Saya kata dalam sepuluh beg. “Kamu hendak bawa dengan apa”, itu soalan kepada saya. Saya kata hantarlah dengan van ke rumah saya “Baiklah, awak balik dahulu, kemudian saya hantar”. Itu jelas membuktikan bukan tidak ada barang binaan tetapi tidak dapat kredit, barangkali kontraktor yang hendak bekerja itu dia hendak berhutang tidak boleh, orang tidak mahu bayar atau tidak mahu beri maka dia jawab kepada saya barangnya tidak ada, barang sebenarnya ada. Inilah hakikat yang sebenar saya kata para kontraktor bumiputra kita yang dihaif itu.

Saya rasa sampailah masanya Kerajaan mencari satu jalan keluar untuk mengatasi apa yang saya sebutkan tadi dengan harapan kita pada masa akan datang pihak-pihak pembekal tidak melakukan diskrimasi dalam memberi kemudahan kepada para kontraktor binaan sekalipun ada tender-tender atau tawaran-tawaran yang dikeluarkan oleh Kerajaan khusus untuk bumiputra sahaja yang boleh memasuki tawaran-tawaran itu. Jadi saya berharap pihak Kementerian berkenaan hendaklah sentiasa mengawasi agar para kontraktor kita tidak dipersalahkan semata-mata apabila gagal daripada menyiapkan satu-satu projek Kerajaan ataupun projek yang ditawarkan kepada kontraktor bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua perkara sahaja lagi, perkara pengangguran. Ingin saya menyentuh sedikit masalah pengangguran di kalangan belia. Saya berpendapat masalah ini tidak menjadi titik bengik sekiranya para kita sendiri menukar sikap tidak terlalu memilih kerja dengan hanya berhasrat untuk makan gaji kepada Kerajaan atau swasta semata-mata. Walaupun pendapatannya tidak begitu lumayan, para belia hendaklah menyedari bekerja di bidang pertanian juga mempunyai pendapatan yang kadangkala lebih belia kita sendiri menukar sikap tidak terlalu Kerajaan atau dengan swasta. Sungguhpun negara kita dalam membangun, kalau sikap ini dapat kita ubah sebagaimana kita tengok negeri-negeri yang sudah maju pada masa ini tetapi saya percaya pada ketika itu mereka pun belum maju.

Dalam tahun 1961 saya telah diberi peluang untuk melawat Jepun selama sebulan dan dalam masa sebulan saya di sana, kebanyakannya duduk di ladang ataupun di bendang-bendang di mana tempat penanaman bermacam-macam dibuat.

Pada tahun 1961 saya sendiri membuat kajian secara saya pergi ke Jepun sewaktu peluang diberi kepada saya, pendapatan kaum tani di negeri Jepun adalah lebih tinggi daripada orang-orang atau belia-belia yang makan gaji dengan Kerajaan Jepun sendiri. Ini saya ada figures pada tahun 1961 dan kalau kita pergi pula ke rumah-rumah—saya juga diberi peluang untuk pergi ke rumah petani ini, TV ada, motokar ada, tetapi kerjanya, pagi pakai seluar, pakai baju dengan sarung tangan bertanilah dia. Habis dia bertani, balik, tukar pakaian, dia hendak pergi joli, dia hendak enjoy, enjoylah, itu keadaan belia-belia di sana pada tahun itu.

Saya tidak hendak buat perbandingan secara detail sangat tetapi kalau sikap belia-belia kita ini boleh kita ikhtiar, menukarkan dia, saya percaya masalah penghijrahan belia-belia daripada luar bandar ke bandar dapat kita atasi, dapat kita halangkan dengan keadaan itu dan pendapatan rakyat sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan kita dapatkah pula rakyat akan tercapai dengan cepat sekiranya keadaan belia kita sanggup mengubah sikap sebagaimana yang saya katakan tadi.

Keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak RISDA, LPP, KADA, MADA boleh memainkan peranan penting dalam gerakan untuk menarik para belia kita menceburkan diri secara tetap di bidang pertanian.

Saya penuh yakin satu daripada usaha iaitu dengan kita cuba seberapa boleh menggunakan jentera-jentera moden di bidang pertanian adalah merupakan salah satu daripada usaha yang boleh menarik minat para belia kita ke arah pertanian. Barangkali belia kita ini sepatutnya bila dia lulus daripada sekolah sama ada SPM/MCE atau LCE misalnya, dia merasakan satu keadaan yang terlalu berat dia hendak bawa lembu hendak pergi bajak sawah, lebih-lebih lagi hendak pikul cangkul hendak mencangkul, tetapi kalau kita cuba menarik dia ke arah dia pergi duduk di atas traktor jaga stering sahaja, saya rasa jauh dengan apa yang dia takut, dia pun boleh pakai seluar, boleh pakai

seluar dengan tidak cepat kotor, boleh pakai baju, pakai topi dan sebagainya, saya rasa itu satu daripada perkara yang kita boleh menarik minat. Dengan mahu tidak mahu perkara ini dapat kita laksanakan kerana kita sendiri sedar bahawa sebanyak mana pun jawatan Kerajaan yang boleh kita wujudkan berbanding kepada tiap-tiap tahun anak-anak muda kita yang keluar daripada bangku sekolah. Jadi sekali lagi saya menyeru pihak-pihak yang ada hubungan secara langsung dengan pertanian hendaklah memainkan peranan cuba menarik dengan cara menggunakan seberapa boleh jentera-jentera moden untuk menarik minat belia-belia kita ke arah memasuki dalam bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, ini perkara yang berlaku hangat saya rasa seperti sahabat saya Raja Datuk Nong Chik sebut, saya hendak sebut juga sedikit mengenai gula sebab kami khususnya yang tinggal di Pantai Timur masalah gula inipun dirasai lebih berat barangkali kalau hendak dibandingkan dengan orang yang tinggal di Pantai Barat, kerana jauh perjalanan daripada tempat mengedar atau mengeluarkan gula hendak sampai ke negeri Kelantan, Trengganu dan sebagainya. Rasa saya tidak berapa lengkaplah kalau saya tidak sentuh sedikit mengenai gula ini. Saya berharap Kerajaan mengkaji perkara gula ini dengan dua cara walaupun dalam akhbar tiga empat hari yang lalu, ada empat cadangan daripada pegawai Kerajaan atau mana-mana pihak yang akan diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Saya rasa di antara 4 cadangan itu satu daripada cadangan itu amat menyedihkan saya iaitu hendak mengelakkan gula daripada diseludup ke negara lain hendaklah dinaikkan harganya. Ini saya rasa tak sesuai kerana kalau dinaikkan harga gula, Ahli-ahli Dewan Negara inipun terlibat sebab kita semua makan gula, ada yang makan sedikit atau banyak, tetapi perkara ini melibatkan ekonomi rakyat jelata, kerana kenaikan 75 sen sekarang inipun sudah dirasakan begitu tinggi harganya. Kalau hendak mengatasi penyeludupan itu hendak dinaikkan harga atau lebih daripada negeri jiran kita, pendirian ini akan ditanggung oleh rakyat jelata. Jadi saya ada cadangan ataupun suka hendak mencadangkan iaitu daripada 4 cadangan itu ada juga cadangan dicatitkan di sini iaitu pilih satu, Kerajaan boleh membuat satu

kajian atau banci oleh sebab gula itu mustahak, setiap orang kena makan gula kalau tak makan gula tak ada kekuatan dalam badan, kata setengah-setengah pakar—saya bukan pakar—kita mengkaji setiap rumah rakyat berapa banyak keperluan gula mereka bagi tempoh sebulan bagi setiap keluarga. Katakanlah kita ambil contoh keperluannya 10 kati sebulan, baiklah awak berhak dapat 10 kati dalam sebulan. Dengan cara setelah dibuat kajian kita buat catuan sebagaimana pernah Kerajaan buat selepas Perang Dunia Kedua, kita tidak ada gula pada masa itu Kerajaan mengadakan catuan gula, rakyat hendak membeli gula menggunakan kad catuan. Ini satu daripada ikhtiar kita untuk mengatasi kekurangan gula. Jadi orang yang kita hendak amanahkan besok untuk menjadi retailer hendaklah orang yang kita fikir boleh diamanahkan. Janganlah kita serahkan, catuan tak sampai tetapi gula ada di sebelah Thailand.

Cara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi penyeludupan itu hukuman yang berat mesti diberi, mesti dibuat, mesti dijatuhkan kepada mana-mana juga rakyat yang disabitkan, yang menjadi petualang atau pengkhianat yang menyebabkan kurangnya gula, maka kita hukum dengan sekerasnya atau seberat-berat hukuman sebagaimana yang kita pernah buat kerana berlaku rompakan di sana-sini kita menghukum perompak yang memakai senjata tanpa lesen seberat-beratnya. Pihak penyeludup itu-pun bolehlah dianggap sebagai musuh negara maka jatuhkan hukum berat. Kalau peraturan atau undang-undang yang ada sekarang ini tidak boleh dijalankan, buatlah pindaan dan sebagainya biarlah ada undang-undang yang keras seperti itu untuk mengelakkan daripada kesiksaan rakyat kita pada keseluruhannya. Jadi itulah cadangan saya mengenai gula, Tuan Yang di-Pertua, iaitu dua pandangan saya di Dewan yang mulia ini dan saya berharap sekali lagi supaya tidaklah, saya percaya pun tidaklah dan saya berharap tidaklah Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk mengelakkan daripada kekurangan gula kerana dipercayai diseludup ke negara jiran itu dinaikkan lebih tinggi harganya daripada harga gula di negara jiran dan saya rasa kalau itulah yang berlaku tak setimpal dengan usaha kita memberi subsidi bagi menolong

rakyat jelata kita supaya senang sedikit hidup menjaga keluarga, membasmikan kemiskinan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja—lah ucapan saya dalam perbahasan Anggaran Belanjawan 1981 itu dan saya mohon menyokong.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Yang Berhormat Tan Sri Dato Haji Abdul Razak.

5.46 ptg.

Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya ghairah pada petang ini berucap menyokong Belanjawan negara untuk tahun 1981 dan tidak syak bahawasanya saya akan menyokong dengan sepenuh hati, akan tetapi sebelum saya memberikan sokongan saya terpaksa saya bercakap sepecah dua kerana ada beberapa pandangan saya yang saya fikir patut ditimbang oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengalu-alukan kehadiran lantikan sahabat-sahabat saya Senator baru yang telah mengangkat sumpah pada hari permulaan sidang ini dijalankan. Saya bersama-sama dengan Tuan Yang di-Pertua mengalu-alukan juga pandangan dan buah fikiran mereka kelak bukan sahaja untuk Kerajaan dan negara akan tetapi untuk Dewan ini sendiri. saya tidak lupa juga mengucapkan selamat bersara kepada sahabat-sahabat yang habis tempoh dan meninggalkan Dewan ini, terutama kepada sahabat saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak, walaupun pada hari yang akhir ini beliau tetap berada di sini, tempoh dua hari digunakan sebaik-baiknya. Walaupun kata-kata yang pergi itu adalah wasiat tetapi pandangannya patut juga difikirkan oleh Kerajaan, apa buah fikirannya yang telah dihaburkan hendaklah ditimbang. Kepada mereka yang tidak sempat hadir kerana tempohnya telah tamat terlebih dahulu daripada sidang ini dijalankan, saya terasa kehilangan kawan tetapi saya beruntung juga mendapat kawan baru yang mungkin lebih mesra daripada kawan yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, daripada hari pertama persidangan kita telah membahaskan satu usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atau yang lebih tepat Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengemukakan satu usul seperti berikut:

- (i) mempersembahkan suatu Ucapan Tahniah yang tidak sepertinya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu' Adzam Shah, di atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong; dan
- (ii) mempersembahkan Lafaz Taat Setia Dewan ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri bersama dengan Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri dalam ucapan ini, walaupun saya tidak berpeluang berucap, akan tetapi hasrat dan ingatan saya adalah sama dengan tuan-tuan sekalian. Saya mengingatkan pada Kerajaan lantikan itu dibuat pada 10hb Julai, 1980, ucapan tahniah dizahirkan pada 15-12-1980 iaitu sesudah lima bulan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong duduk di atas takhta setelah ditakhtakan sebagai Yang di-Pertuan Agong. Saya rasa perkara ini pun baik, tetapi tidakkah terfikir oleh Kerajaan supaya mengadakan satu sidang tergepar selepas beberapa hari lantikan diwujudkan, dizahirkan supaya Dewan Negara dan Dewan Rakyat boleh bersama membahaskan ucapan tahniah.

Saya terpaksa menegur Tuan Yang di-Pertua, walaupun cubit peha kanan, peha kiri sekit juga, tetapi kadangkala kita ini koyak baju dek lenggang, pesok songkok dek lonjak, robek kasut dek hentak, tidak terfikir perkara yang rumit ini boleh terjadi, sudah sejok air itu tidak masak kembali. Perkara ini adalah lima tahun sekali, yang lepas tidak boleh ditarik balik, yang lepas akan pergi jauh, tetapi yang akan datang inilah yang saya mohon pada Kerajaan supaya apabila sesuatu lantikan itu dibuat hendaklah diadakannya sidang tergepar Dewan Rakyat dan

Dewan Negara bersidang serentak sekali gus supaya air yang masih panas itu tidak payah banyak menggunakan tenaga dan kena pada tempatnya. Saya tidak membangkitkan perkara ini dengan tujuan mengerohkan suasana, akan tetapi pada pandangan saya yang cetek ini sudah lima bulan lamanya perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka baru lah wujudnya ucapan tahniah. Saya berharap bersama dalam Dewan ini ada seorang Menteri yang kita kenal baik, mempunyai pengalaman jauh akan boleh menyampaikan kepada Kabinet khasnya kepada pihak yang lebih bertanggungjawab dalam masalah ini. Biarlah sekali beranak puru, jangan dua kali kita beranak puru, yang lepas biarlah lepas, tidak boleh ditarik kembali, tetapi yang ke hadapan akan jadi ingatan kepada kita semua kerana kita manusia ini sudah jadi lumrah alam kadangkadangkang tersilap.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus bertanya sebab kekuatan singa dalam penjara kadangkala tikus sahaja yang boleh membuka penjara, bukan ertinya harimau sama harimau di luar boleh membukanya—tidak. Harimau yang terperangkap atau singa yang terperangkap dalam penjara tikus yang kecil dan hina sahaja boleh mengigit sedikit demi sedikit robekkan penjara itu akan pecah dan tanggal. Kita hendaklah ikut rasmi padi, dan saya harap walaupun perbahasan saya agak pedih dan tak patut, tetapi terimalah ia sebagai kuinin yang boleh membaiki demam kura.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut juga difikirkan saya bangkitkan dalam Dewan ini, walaupun sepatutnya saya tidak payah bangkit. Kerusi Melayu di Universiti Malaya diwujudkan adalah daripada gagasan guru-guru Melayu dalam tahun 1952, berjalanlah kutipan itu di antara guru-guru Melayu yang dhaif bagi mengujudkan kerusi Melayu di Universiti Malaya kerana pada masa itu tidak ada Jabatan Pengajian Melayu di buat dalam zaman penjajahan, terkumpul lah \$400,000 lebih akhir-akhirnya duit ini disimpan hampir \$700,000 dan pihak universiti sendiri pun mulalah membuka papan tanda yang dibuka oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Tetapi kadangkala kita lupa kepada orang yang berbudi kepada kita orang yang berusaha yang aktif yang masih hidup berselerak di tanahair tidak pun dipanggil, sekurang-kurangnya layangkanlah kad sekeping untuk hadir menyaksikan pembukaan

rasmi yang dibuka oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, papan tanda dibuka, disebut di sana yang memeterikan hasrat guru-guru Melayu supaya wujud kerusi Melayu di Universiti Malaya. Tetapi pihak penjajah lebih bijak sebelum wangnya terkumpul banyak kerusi Melayu diwujudkan dan Professor Zaaba dilantik mempengerusikan kerusi Melayu. Kisah ini, Tuan Yang di-Pertua, kerusi dibuka tetapi ada orang yang bersama-sama yang masih hidup tidak banyak lagi tidak pun di panggil. Saya tidak menyalahkan pihak universiti, dan tidak menyalahkan pihak Menteri Pelajaran, tetapi saya menyalahkan kepada mereka yang bertanggungjawab, mengapa mereka lupa kepada orang yang patut dijemput?

Pada zaman penjajahan dahulu, Tuan Yang di-Pertua, mengumpulkan duit \$400,000-\$500,000 bukan perkara yang senang, lebih-lebih lagi daripada orang-orang Melayu. Kita sedar Lee Rubber sudah pun menderma lebih \$50 million, tetapi dia mempunyai satu kekayaan yang betul-betul dan dia berupaya menderma daripada mula hingga ke hari ini berjumlah lebih \$50 million untuk tabung universiti tersebut. Tetapi guru-guru Melayu pada zaman penjajahan perkara inilah sahaja yang dizahirkan dari hasrat dan cita-cita, jadi hendaknya janganlah "Rumah sudah pahat berbunyi" pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang meninggal-dan Dewan ini sudah menjadi lumrah alam, tidak akan dia kekal menjadi Ahli dalam Dewan ini. Sebelum Tuan Yang di-Pertua, pergi meninggalkan Dewan ini, apa salahnya pihak TV yang mengeluarkan gambarnya, mengeluarkan gambar Tuan Yang di-Pertua akan bersara pada 31hb Disember, 1980. Hati kecil mana yang tidak tercuik, mengapa tidak biarkan sampai 31hb baru zahirkan gambar Tuan Yang di-Pertua—Tun Haji Omar Yoke-Lin Ong akan bersara. Sekarang ini masih menjadi Tuan Yang di-Pertua. Maknanya kubur masih merah, harta pesaka sudah mula hendak dibahagi, begitu kurang sekali budi orang, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu siapa yang hendak saya marahkan, kepada Menteri Penerangankah, kepada orang yang memasukkan gambar itukah atau Angkasapurikah tidak patut perkara itu berlaku. Tun masih menjadi Tuan Yang di-Pertua, mengapa gambarnya dizahirkan akan bersara pada 31hb Disember, ertinya sudah tidak guna, sudah kondem! Begitu tujuannya

walaupun tidak begitu maksudnya. Saya bukan hendak menjolok atau hendak mengangkat Tun tidak, saya pun hendak keluar juga hanya menunggu masa sahaja, tetapi belum sampai masanya bertahanlah dan saya bukan niat dendam bukan supaya kita ingat pada masa yang akan datang; bila sampai waktunya baru zahirkan, saya harap pihak TV boleh dengar perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap masalah TV—Filem Negara, dalam rancangan "Hari Ini Dalam Sejarah" balik-balik itu juga gambarnya, gambar Birch, tidak ada gambar lain. Dia ambil hanya selepas tahun lima puluhan sahaja, diambil masa dia hidup sahaja, mengapa tidak boleh sebut lama sedikit. Pahlawan-pahlawan negeri kita ada seperti Kelantan, Trengganu, Pahang, Johor, Melaka, Perak dan Kedah. Mengapa rumah Tun Razak dilahirkan tidak ditunjukkan rumahnya di kampung Langgar tempat tinggalnya, mengapa gambar semasa dia kecil pakai kopiah tidak ditunjukkan umpamanya—begitulah sejarah "Hari Ini Dalam Sejarah"? Kalau kurang perpustakaan, kita tambahkan. Saya berterima kasih kepada Arkib Negara yang menyimpannya. Ini bukan salah Arkib tetapi salah orang TV, dia yang mengeluarkan gambar itu dan saya marah inipun kerana gambar saya pun tidak keluar. Asal marah tidak keluar—mana boleh "jack" selalu?

Tuan Yang di-Pertua, saya minta ubah sedikit, carilah gambar yang lain apa salahnya. Siapa dia orang India yang mula-mula sampai ke Malaya ini? Cungkil orang India yang mula-mula sampai ke Malaya; orang Cina—Yap Ah Loy; orang yang membuka bandar Kuala Lumpur—Raja Abdullah. Siapa dia orang India yang mula-mula sampai? Inilah kerja Majlis Perpaduan Negara, bukan keluar kalender macam ini. Sepatutnya gambar Yang di-Pertuan Agong ada, Perdana Menteri ada. Ini ada dalam barisan yang terpaksa pakai cermin mata baru boleh nampak. Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam masalah ini saya harap perkara ini akan dapat ditibangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1967 barulah segala undang-undang diterjemah, dibuat ibu undang-undang itu dalam Bahasa Kebangsaan tetapi sebelum itu undang-undang kita masih dalam bahasa Inggeris. Mengapa Jabatan Kehakiman tidak hendak menambah

penterjemahan, orang yang menterjemahkan undang-undang. Sebab 22 tahun kita merdeka sejak tahun 1957, mula-mula 4, bertambah 2 baru 6 orang. Undang-undangnya masih itu juga, hak lama belum siap, hak yang baru keluar ini belum siap, hak lama lagi belum siap. Jadi bagaimana caranya mahkamah kita boleh menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan sepenuhnya jikalau undang-undang ini tidak diterjemahkan.

Jadi masalah yang timbul sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kemampuan Jabatan Kehakiman kerana Kementeriannya sudah tidak ada sekarang ini. Saya mohon kepada Kerajaan supaya ditubuhkan satu badan penterjemah yang lebih luas skopnya dipengerusikan oleh seorang yang khusus menterjemahkan undang-undang yang ada di dalam negara ini. Kalau tidak nanti kepincangan kita dari segi kehakiman, dari segi membicarakan kes-kes, dan dari segi rakyat negeri kita supaya dapat membicarakan dalam Bahasa Kebangsaan dengan lebih teratur dan licin kerana undang-undangnya dapat dirujuk dalam Bahasa Kebangsaan.

Ini dirasakan oleh peguam-peguam kita sendiri, kelewatan perbicaraan dalam mahkamah dan ini adalah disebabkan kekurangan majistret umpamanya, bahkan baru-baru ini Tunku sendiri telah bercakap bahawa dia kena dua kali, perbicaraan tidak dapat dijalankan kerana majistret tidak ada. Dikeluarkannya dalam suratkhbar yang dibaca oleh semua rakyat bahawa kelemahan Kerajaan kita dalam mengatasi masalah kekurangan hakim atau kekurangan majistret. Jadi saya menyarankan supaya Jabatan Kehakiman menubuhkan satu Biro Penterjemahan yang skopnya lebih luas dan saya tahu, Tuan Yang di Pertua, ada seorang pensyarah Undang-undang Universiti Malaya dan sekarang ini telah ditukarkan ke ITM, dia pernah berkata kalau dia diberi mengetuai Jabatan Terjemahan itu dalam tempoh 5 tahun dia boleh terjemahkan semua undang-undang yang ada, dengan syarat hendaklah dia diberikan kuasa, pegawai yang berpengalaman dan sebagainya. Orang itu masih ada sekarang ini, menjadi Pengetua di ITM yang baru ditukarkan daripada Universiti Malaya dan ini dibuat ucapan dalam Convention yang dihadiri oleh beratus orang. Saya tidak tahu mengapa dan sejauh mana langkah yang dibuat sekarang ini. Menteri boleh jawab

tetapi hakikatnya sekarang ini umum mengetahui bahawa undang-undang kita masih tidak diterjemahkan lebih-lebih lagi undang-undang yang sebelum tahun 1967.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Kementerian Pelajaran. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengisytiharkan bahawa Kementeriannya akan mewujudkan satu dasar baru iaitu dasar 3M—"M" yang pertama Membaca, "M" yang kedua Menulis, dan "M" yang ketiga Mengira. Setelah 21 tahun lamanya dasar penjajahan dahulu, inilah dasar semasa pemerintahan British dahulu iaitu Membaca, Menulis, dan Mengira. Oleh sebab cuba punya cuba, kurikulum bertukar dari semasa ke semasa, hasilnya ramai budak-budak kita yang tidak boleh membaca dan lemah dalam Ilmu Hisab. Jadi sekarang ini Kerajaan bercadang hendak mengubah dasar ini kepada dasar 3M dan akan dimulakan pada tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kita kepada jalan yang lebih baik adalah satu amalan yang baik akan tetapi menanti tahun 1983 terlampau lambat. Masalah kekurangan guru, kurikulum, alat dan latihan itu boleh kita atasi dan kalau boleh langkah ini harus dipercepatkan daripada tahun 1983. Inilah permintaan daripada saya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya memikirkan masalah ini.

Berbalik kepada Anggaran Belanjawan tahun 1981, saya fikir cukai-cukai yang dikenakan sekarang ini adalah menasabah akan tetapi saya cuma merayu kepada Kementerian Kewangan supaya pelepasan cukai perseorangan itu dipertingkatkan sedikit, sekarang ini tiap-tiap seorang suami \$3,000 dan isteri \$2,000 supaya dinaikkan kepada \$5,000 dan isteri kepada \$3,000 atau \$4,000. Walaupun ada rebate yang lain-lain itu tetapi saya mohon oleh sebab masalah kenaikan harga serta tanggungjawabnya lebih dalam mendapatkan masalah pelajaran dan sebagainya jadi adalah menasabah kalau Kerajaan memikirkan cukai pendapatan pelepasan kepada suami dinaikkan sedikit daripada anggaran \$3,000 kepada \$5,000 dan dari \$2,000 kepada \$3,000 atau \$4,000 kepada isteri. Saya tidak menafikan ada rebet-rebet yang disediakan oleh Menteri Kewangan tetapi saya kata ini tidak cukup dan ini satu rayuan yang saya fikir akan dapat pandangan yang baik daripada semua pihak yang terlibat.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, tadi sahabat saya ada bercakap dalam masalah cukai kereta diesel 300D. Sekarang ini cukai itu sudah meningkat $5\frac{1}{2}$ kali ganda. Cukai sahaja \$5,500 lebih kurang belum termasuk insuran lebih kurang \$1,000 lebih dan sebuah kereta yang terpaksa ditanggung hampir-hampir \$7,000 dan ini bermakna mesti ada \$600 sebulan untuk membayar cukai kepada Kerajaan. Ini kereta yang tidak bergerak, tiada berjalan tiada apa-apa \$600 sebulan. Perkara ini dikemukakan kepada Menteri kononnya kerana tidak hendak memberi subsidi kereta diesel kepada orang berada. Ini bukan masalah orang berada, masalah firm yang menjual kereta sekarang sudah tiada orang hendak membeli kereta 300D. Kereta terdampar, ejen-ejen motokar sekarang ini terdampar berhubung dengan kereta diesel 300D dan 240D kerana tiada orang hendak membeli. Cukai \$5,500 setahun belum termasuk insuran. Terpaksa membelanja \$600 sebulan hendak simpan untuk membayar cukai untuk Kerajaan. Ini kerana tidak hendak memberi subsidi kepada orang yang berada, ini tidak patut, negeri kita ini negeri aman, negeri mewah, rakyat memegang teraju, patut diberi juga sebab orang yang berada dia membayar cukai juga, bukan cukai jalan sahaja cukai lain pun dia kena. Tidak menasabahlah kalau dia tidak dapat sedikit pelepasan cukai ini. Dia bayar cukai kereta dan cukai lain dia kena, saya fikir banyak yang kena daripada yang tidak kena. Saya tidak tahulah barangkali ini kehendak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya hendak tanya Penasihat khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apa dia buat? Kita beri \$5,000 sebulan itu? Patut berilah pandangan yang sihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cuba memikirkan kalau kita gunakan kereta yang terdampar, syarikat penjualan kereta, Tuan Yang di-Pertua, tiada orang hendak membeli kereta diesel sekarang, dia ada kaki-tangan yang mana mereka patut diberi gaji, kononnya kereta kita tidak beri subsidi orang ini kita denda, ini tidak betul, sebab cukai ini bukan sahaja cukai kereta yang dia kena bayar, yang lain-lain cukaipun dia kena bayar, dia tidak lari daripada income tax. Jadi saya harap melalui Dewan yang mulia ini, kepada pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan supaya memikirkan masalah ini, kerana sedikit sangat yang menggunakannya bukan banyak peratusnya. Ini

maknanya tidak hendak memberi orang pakai diesel, tidak memberi orang pakai "Mercedez" sebab mercedez ini kelas. Walau macam manapun dia pakai juga. Walaupun boleh beli kereta berpetrol tetapi yang lama orang tidak hendak beli macam mana kita hendak jual.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada masalah Suruhanjaya. Kita ada banyak Suruhanjaya tetapi Suruhanjaya Polis tidak diwujudkan lagi pengerusi khas bagi mengendali Suruhanjaya Perkhidmatan Polis.

Polis kita sekarang akan meningkat kepada 80,000 orang dalam tahun 1983 dan ini satu bilangan yang besar. Peruntukan yang ada dalam Anggaran Belanjawan Tahun 1981, dalam muka surat 11 Suruhanjaya Polis ada ahli sahaja. Ahlinya mendapat elaun \$2,250 tetapi Pengerusinya tiada. Saya tidak begitu faham adakah ini dimasukkan di dalam Perkhidmatan Awam. Jikalau ia dimasukkan dalam Perkhidmatan Awam apakah sebabnya diwujudkan Suruhanjaya Pasukan Polis ini. Saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mewujudkan Pengerusi Suruhanjaya Polis ini sama dengan lain-lain Suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, hanya beberapa hari sahaja lagi kita akan menjangkau ke tahun 1981. Bermakna tidak berapa lagi kita akan menjangkau ke dalam Rancangan Malaysia Keempat. Dalam masa sembilan tahun yang akan datang kita akan sampai kepada peringkat janji kita, penyempurnaan Dasar Ekonomi Baru yang sekurang-kurangnya 30% penyertaan bumiputra di dalam perindustrian dan sebagainya. Saya tidak bimbang masalah saham-saham yang wujud diperuntukkan kepada bumiputra itu boleh dibeli dan boleh ditubuhkan kompleks kewangan yang lain untuk membeli saham bumiputra yang diperuntukkan tetapi yang saya bimbang kita tidak dapat menyempurnakan penyertaan bumiputra yang mengambil bahagian tidak kurang daripada 30% dalam segi perindustrian dan perniagaan itu dan pada masa itu kelak tidak wujud, jadi kelemahan itu akan berlarutan dan mungkin telah masanya kelak kalau tidak ada simpati dari lain-lain kaum keadaan ini tidak dapat diwujudkan, dibaiki maka tidaklah akan tumbuh dan timbul satu masyarakat yang adil. Jadi sekarang ini marilah kita bersama-sama pegawai-pegawai Kerajaan, kakitangan Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, bersama-sama kita berganding bahu kita menjayakan rancangan ini dan

kalau ada kelemahan kita pada masa yang lepas sama-sama kita baiki. Sebab rancangan ini akan dapat dijayakan dan akan sempurna kejayaannya ialah dengan sokongan kakitangan Kerajaan. Saya merasa besar hati kalau sekiranya pihak kakitangan Kerajaan akan melipat gandakan sedikit lagi tenaga yang mereka curahkan selama ini bagi menjayakan rancangan ini. Selain daripada itu hasrat Kerajaan juga dapat membaiki beberapa kelemahan yang ada dalam jabatan-jabatan Kerajaan dan saya harap perkara yang saya katakan tadi akan dapat kita atasi pada masa yang ditetapkan.

Cuma satu sahaja yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bangkitkan di dalam Dewan ini iaitu negeri kita ini ialah negeri monarchy iaitu pemerintahan beraja. Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini hampir semuanya ada mempunyai raja dan dasar kita adalah dasar monarchy. Dalam peringkat ini pula ada mempunyai raja, ada mempunyai orang besarnya, begitulah mengikut susunan tiap-tiap negeri. Masalah yang timbul sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam sesebuah negeri itu macam Negeri Sembilan, Negeri Pahang, Negeri Kelantan, Kedah dan sebagainya dia mempunyai habuan yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri kepada seseorang penyandang apabila dilantik menjadi major in chief dalam sesebuah negeri. Dan dia diberi habuan untuk hidupnya iaitu kadar pesaraan yang ditetapkan kepada waktu-waktu itu. Jadi pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, negara kita sudah berubah, zaman sudah berlalu, orang-orang major in chief atau orang-orang besar di dalam negeri itu masih lagi mendapat hadiah saraan (political pension) mengikut kadar sebelum perang.

Perkara yang hendak saya bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, kita berdasarkan negeri kita sekarang ini ialah negeri yang beraja mengikut Perlembagaan. Dan Raja yang berperlembagaan itu mempunyai pembesar-pembesar daerahnya. Tetapi kedudukan, tarafnya itu tidak seimbang dengan pangkat dan kedudukan negeri ini oleh sebab dia berdasarkan dalam masa penjajahan. Pada masa negara kita dahulu hendak dimerdekakan, perjanjian dibuat di antara Kerajaan-kerajaan supaya kedudukan Raja-Raja ini dijaga dan ini termaktub di dalam Perlembagaan dan juga Rukunegara.

Saya menyarankan di dalam Dewan ini supaya Kerajaan Pusat sendiri hendaklah juga memikirkan supaya membuat arahan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri kalau boleh, supaya dipertimbangkan saraan ataupun political pensionnya berdasarkan kepada keadaan yang ada pada hari ini.

Walaupun hak ini, hak sesebuah Kerajaan dalam negeri itu akan tetapi kuasa Kerajaan Negeri itu sendiri adalah bergantung rapat dengan kuasa Kerajaan Pusat. Kalau tidak ada switchnya dari Kerajaan Pusat ini, Kerajaan Negeri barangkali tidak begitu ghairah. Kalau benda ini betul-betul hendak ditiadakan, tidak boleh sebab dia sudah wujud dalam Perlembagaan dalam Rukunegara dan kesetiaan orang Melayu dan bangsa Melayu umpamanya, Tuan Yang di-Pertua.

Inilah untuk menzahirkan dalam Dewan ini, barangkali inilah sebagai permulaan atau yang mula-mula saya zahirkan. Saya tidak bertujuan untuk memilih kepentingan pribadi dan ini menyalahi Peraturan Mesyuarat tetapi saya menyuarakan pandangan dan pendapat dari seluruh negara dan negeri. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada Kerajaan Persekutuan, supaya menimbangkan atau memberi satu gambaran kepada Kerajaan Negeri supaya perkara ini boleh dipertimbangkan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, masa ini ialah musim tengkujuh dan mengikut kelaziman Pantai Timur pegawai-pegawai Kerajaan tidak dibenarkan bercuti mulai daripada 15hb Disember hingga 15hb Januari, 1981 kerana berjaga-jaga kalau-kalau ada banjir berlaku. Hanya apa yang diharapkan apabila banjir berlaku, banyaklah kadangkala jalanraya-jalanraya dan pembangunan yang dirosakkan oleh banjir yang biasanya terbengekai sedikit lama oleh sebab hendak mendapatkan peruntukan dari Kerajaan Pusat. Oleh kerana ada Menteri bencana alam, iaitu Menteri Penerangan kita, jadi saya harap kalau ada sekiranya kesusahan dan kepayahan, kekurangan makanan umpamanya, baik gula, baik beras dan sebagainya akan dapat dilonggarkan sedikit kerana sekarang ini pada setengah-setengah negeri Pantai Timur, Trengganu dan Kelantan kepayahan membeli, membawa masuk gula kerana sekatan-sekatan tertentu tetapi oleh sebab musim ini musim tengkujuh, saya

merayu kepada Kerajaan supaya diperingatkan bekalan yang secukupnya hendaklah diadakan pada tiap-tiap negeri itu kerana menghadapi masalah banjir.

Pada masa yang sudah-sudah, kakitangan Kerajaan dari semua peringkat telah menjalankan khidmat yang baik dalam masa banjir dengan tidak mengirakan keselamatan diri. Saya merakamkan ucapan tahniah saya kepada pegawai-pegawai Kerajaan, wakil-wakil rakyat dan sebagainya, ketua-ketua kaum dan saya harap pada tahun ini amalan yang sudah dicurahkan akan diulangi semula dan berdoa mudah-mudahan banjir tidak berlaku di Pantai Timur di musim tengkujuh.

Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua, anggaran Belanjawan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook.

6.27 ptg.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan besar hati, menyokong Belanjawan bagi tahun 1981 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah di Dewan yang mulia ini semalam. Belanjawan 1981 ini adalah sangat membanggakan apabila dibandingkan dengan keadaan ekonomi seluruh dunia yang merosot, keadaan yang bangga ini adalah sebab-sebab berikut:

Pertama, Kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang jujur dan berjiwa rakyat.

Kedua, negara Malaysia mempunyai sumber bahan-bahan utama yang kaya.

Ketiga, rakyat yang sedia bekerjasama.

Insyallah, ketiga-tiga faktor ini akan kita kekalkan.

Dengan adanya kekayaan bahan-bahan utama kita harus sentiasa berjaga-jaga supaya tidak terlalai. Rakyat haruslah berusaha lebih keras lagi untuk menambah kebaikan masa depan masyarakat sambil menyatupadukan rakyat negara kita yang berbilang kaum. Kita harus mengelakkan perasaan cemburu melihat jiran kita hidup mewah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Belanjawan, saya ingin menyentuh beberapa perkara seperti berikut:

- (1) Petani-petani sayur dikawasan FAMA;
- (2) Sikap segolongan kecil Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kerajaan;
- (3) Soal pendatang-pendatang haram;
- (4) Perpaduan nasional.

Saya suka mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana telah menegaskan kepentingan petani-petani dan pekebun-pekebun kecil. Memang wajar bagi Kerajaan menolong golongan yang berpendapatan rendah ini. Salah satu bahagian dalam sektor pertanian yang hingga setakat ini diabaikan oleh Kerajaan ialah pertanian sayur di kawasan FAMA. Kawasan ini sangat penting kerana membekalkan sayur kepada penduduk-penduduk bandar. Petani-petani di kawasan ini masih miskin dan kurang menguntungkan dari Dasar Ekonomi Baru. Kehidupan mereka diancam oleh tiga faktor iaitu:

- (1) Kekurangan tanah untuk penanaman sayur kerana tanah itu beransur-ansur digunakan untuk pembangunan luar bandar;
- (2) Mereka ini tidak memiliki tanah tersendiri;
- (3) Harga hasil yang tidak tentu.

Ketiga-tiga faktor ini adalah mempengaruhi atas kemiskinan mereka. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pertanian mengkaji masalah yang dihadapi oleh petani-petani sayur ini. Sebagai petani-petani padi diberi bantuan dalam bentuk subsidi saya rasa mereka ini perlu diberi bantuan juga. Mereka harus dibantu untuk menggunakan teknologi moden. Baja-baja dan tanah-tanah harus diperuntukkan kepada mereka. Tambahan pula harga minima harus ditetapkan bagi hasil mereka untuk mengelakkan kerugian sekiranya berlaku kejatuhan harga pasaran hasil mereka agar menjamin pertanian adalah satu bidang pekerjaan yang menguntungkan. Kini mereka ini menjadi mangsa kepada ketidak tentuan harga dan kadangkala menyebabkan mereka menghadapi kerugian. Misalnya petani-petani sawi di sebelah jalan-raya Karak di kawasan luar Sentul terdapat lebih kurang 40 keluarga yang menghasilkan lebih kurang 30 hingga 40 pikul sawi untuk

pasar-pasar di Kuala Lumpur setiap hari. Kini mereka menjual sawi mereka 40 sen sekati manakala pembeli membayar 80 sen sekati. Namun demikian, pada bulan Ogos lalu mereka terpaksa menjual sawi mereka 18 sen sekati. Ini bermakna mereka menghadapi kerugian. Nampaknya mereka ini akan berasa puas jika mereka dapat menjual hasilnya lebih kurang 30 sen sekati. Justeru itu, saya merayu kepada Kerajaan supaya mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka serta mengambil tindakan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut demi menjamin kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak sentuh di Dewan yang mulia ini ialah sebilangan kecil Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kerajaan. Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan memang pintar apabila beliau menegaskan kepentingan peranan peniaga-peniaga kecil di bidang ekonomi kita. Adalah benar sebilangan besar dari golongan ini masih belum menikmati sepenuhnya kemajuan yang telah kita capai sejak kemerdekaan. Oleh yang demikian, saya merayu kepada kakitangan Kerajaan terutama Pegawai-pegawai Penguatkuasa dari Pegawai Polis supaya memberi golongan ini lebih timbangrasa apabila menjalankan tugas-tugas mereka. Pegawai-pegawai Penguatkuasa Perumahan dan Perbandaran harus faham dan bertimbangrasa terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar, penduduk-penduduk setinggan dan para penjaja. Golongan yang kurang bernasib baik ini menghadapi masalah-masalah yang beraneka ragam. Langkah-langkah yang mereka ambil untuk mengatasi masalah-masalahnya kerap kali melanggar undang-undang. Tindakan mereka sedemikian bukanlah semata-mata sengaja hendak melanggar undang-undang tetapi kerana tidak mempunyai dayaupaya lain. Tambahan pula keengganan pihak tertentu memperuntukkan tapak yang lebih sesuai dan kemudahan-kemudahan yang agar membolehkan mereka dapat mencari rezeki secara mematuhi segala yang dikehendaki mendesak mereka bertindak demikian.

Dari perhatian saya baharu-baharu ini dalam bulan Oktober beberapa orang kakitangan Kerajaan bertindak keras tanpa berperikemanusiaan seperti robot yang tidak mempunyai perasaan. Mereka menyaman dan merampas barang-barang penjaja-penjaja. Mereka bersikap seperti orang kuat berkuasa

atas penindas. Rayuan penjaja-penjaja nampaknya jatuh kepada telinga yang pekak. Tindakan sedemikian bukan sahaja tidak menyelesaikan masalah malah mewujudkan perasaan ketidakpuasan terhadap Kerajaan. Bagi mereka kakitangan Kerajaan melambangkan Kerajaan. Jadi, tidaklah hairan mengapa golongan ini kurang menyokong pihak Kerajaan. Saya harap golongan kecil kakitangan dan Pegawai-pegawai Kerajaan ini mengubah sikap mereka apabila menjalankan tugas. Mereka sepatutnya berbudi bahasa dan bersimpati terhadap golongan yang malang nasibnya agar mereka dapat menarik golongan rakyat desa kepada Kerajaan bagi membina sebuah masyarakat yang kokoh dan padu. Setiap tindak-tanduk kakitangan Kerajaan boleh memburukkan usaha-usaha Kerajaan terutamanya dari segi perpaduan, pelaksanaan undang-undang harus bersama atau dalam bahasa Inggeris, "The law must be applied to all equally". Sebagai contoh penjelasan, saya ingin mengemukakan di Dewan yang mulia ini bahawa pada 25hb September, 1980 sepasukan kakitangan Penguatkuasa Dewan Bandaraya datang ke pekan Batu 5, Jalan Ipoh lalu mengeluarkan saman kepada penjaja-penjaja di tepi jalan. Penjaja-penjaja di pekan itu terdiri daripada berbagai kaum tetapi yang anihnya ialah yang disaman itu hanya terdiri dari rakyat keturunan satu kaum. Tindakan sikap pilih kasih ini telah menimbulkan perasaan ketidakpuasan dan syak wasangka yang akan membawa kesan yang buruk kepada perpaduan kaum. Ini adalah satu perkara yang sungguh menyedihkan. Kerajaan kita sentiasa mencari jalan untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum ini, malangnya tindakan sebilangan kecil kakitangan Kerajaan tidak mencerminkan hasrat dan dasar Kerajaan. Akibat dari tindakan sepasukan ini dari Jabatan Penguatkuasa Dewan Bandaraya yang tidak bertanggungjawab jatuhlah nama dan imej Kerajaan di sebilangan penduduk-penduduk di tempat situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh perkara yang ketiga, iaitu soal pendatang-pendatang haram. Dengan ekonomi yang begitu kukuh yang kita menyaksikan tahun demi tahun masyarakat kita dalam suasana aman dan makmur, maka tidaklah hairan lagi negara kita telah menarik pendatang-pendatang haram, umpamanya pendatang-pendatang dari Vietnam, dari Kampuchea, dari Filipina Selatan dan baru-baru ini dari Indonesia. Ini

tidak dapat dielakkan selagi ekonomi kita kukuh, negara aman dan maju dan taraf kehidupan rakyat kita terus meningkat.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana dalam kecekapan mereka dalam mengawasi pendatang-pendatang haram dari mendarat di Pantai Timur Semenanjung Malaysia hingga dewasa ini terdapat kurang daripada 17,000 pendatang-pendatang haram yang sedang menunggu di kem-kem untuk ditempatkan ke negara-negara lain, namun begitu yang merunsingkan saya ialah pendatang-pendatang yang mendarat di Pantai Barat. Mereka ini sangat susah dikesan setelah mereka bergaul dengan rakyat kita di sini. Kebanyakan pendatang ini bekerja sebagai buruh kasar di tapak-tapak pembinaan, penjaja-penjaja dan lain-lain. Pendatang-pendatang ini bergaul secara bebas dengan rakyat kita, bila mereka ditahan mereka mudah dapat melepaskan diri dengan alasan tertentu. Walau bagaimanapun, soal yang harus dititikberatkan ialah berapakah jumlahnya orang pendatang haram ini yang tidak dapat dikesan. Kalau saya tidak salah, hingga sekarang tidak ada rekod dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang dapat menunjukkan bilangan yang tepat pendatang-pendatang haram ini.

Di sini dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca dua fasal dari *Asia Week* yang keluar baru-baru ini yang bertajuk—“Malaysia-An influx of Indonesian illegals” fasal yang pertama ialah—“A rising tide of Indonesian illegals. Some Malaysian plantations, especially those in the Southern most State of Johor, are in the grip of a labour shortage. That together with the present large reservoir of unemployed men in Indonesia has created a situation on Malaysia that has potentially serious economic and social implications.

The crux of the problem—a large and growing influx of illegal Indonesian workers that has generated substantial public concern about crimes they commit. How many Indonesians are staying illegally in Malaysia? Estimates range from 15,000 to perhaps more than 50,000. Although many are brought in by syndicates for specific work, their jobs on estates or construction sites are sometimes temporary. When the work is over, they have nothing to do, nothing to live on and no desire to go home. It is then that they often turn to crime.”

Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya adalah serius. Saya tidak berpura-pura, saya tahu apakah solution yang Kerajaan memang ambil tetapi oleh kerana perkara ini serius, saya merayu kepada Kerajaan mengkaji perkara ini dan harap dapat mengambil sesuatu yang sesuai untuk mengatasi masalah yang serius ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang keempat iaitu perpaduan nasional. Oleh kerana sistem ekonomi kita terbuka memanglah kita tidak dapat membahagikan dengan tepat peratusan yang disebutkan dalam Dasar Ekonomi Baru. Sebenarnya kita harus anggap peratusan ini sebagai garis panduan. Adalah mustahak supaya kita jauhkan emosi dalam intepretasi segala anggaran yang ditetapkan. Segala yang kita telah capai akan kita musnahkan jika kita menjalankan tugas melalui emosi. Dalam kompleks masyarakat kita hanya perpaduan rakyat akan mengekalkan yang kita ada sekarang, terlalu banyak sangat menegaskan sentimen seperti bumiputra dan bukan bumiputra, golongan ini ada apa dan golongan itu kurang apa. Kebanyakan menegaskan sentimen-sentimen ini akan mewujudkan suasana yang kurang menyenangkan, sebaliknya kita pasti mengekalkan semangat muhibbah yang kita ada sekarang dan menambah semangat itu.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat bahawa rakyat kita masih jauh dari bersatu padu sering digambarkan dalam ucapan rasmi Perdana Menteri kita, sama ada pada Hari Perayaan Kebangsaan, Pembukaan Pertandingan Membaca Al-Quran atau dalam ucapannya dalam persidangan-persidangan tahunan parti-parti politik dalam Barisan Nasional. Dalam setiap ucapan ini sering diselit keberatannya berkenaan perpaduan nasional dan ini menunjukkan betapa pentingnya peranan perpaduan nasional dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Adalah tidak keterlaluan kalau dinyatakan perpaduan nasional merupakan asas kehidupan bangsa dan nusa, baik dari segi politik, ekonomi mahupun dari segi sosialnya. Malangnya banyak telah diperkatakan dan ditekankan tentang pentingnya perpaduan nasional dalam masyarakat majmuk Malaysia, namun tindakan-tindakan positif yang diambil untuk mencapai realisasinya masih tidak cukup.

"Message" ini diperlihatkan kononnya masih belum menjalar ke Kementerian-kementerian dan perkhidmatan-perkhidmatan awam sebagai pelaksana-pelaksana dasar Kerajaan. Nampaknya semangat rela tetapi jasadnya lemah (The spirit is willing but the flesh is weak).

Walaupun perlunya dielakkan dari menimbulkan isu-perbedaan rakyat kita demi mencapai perpaduan kaum, namun kita sentiasa diperingatkan melalui ucapan-ucapan Menteri-menteri dan Timbalan-timbalannya serta mass media hampir setiap hari tentang perbedaan-perbedaan yang wujud di kalangan komuniti-komuniti yang berasingan.

Hal ini akan menjejaskan tujuan dan objektif Perdana Menteri kita yang menekankan dan merayu kepada perpaduan dengan ikhlasnya.

Saya rasa adalah perlu bagi semua bertindak dengan ikhlas seperti yang dilakukan oleh Perdana Menteri kita. Marilah kita membantu meringankan bebannya yang sungguh berat ini. Marilah kita memainkan peranan kita dalam membina sebuah masyarakat yang bersatu-padu yang kita idam-idamkan.

Dalam hal ini, adalah sungguh menghairankan masih terdapat pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab dalam Dewan ini juga yang sekali sekala dipengaruhi oleh perasaan atau emosi hingga mereka merujuk rakyat dari keturunan lain sebagai kaum pendatang atau orang asing. Walaupun apa yang diperkatakan itu diperindungi oleh Dewan, namun kita juga pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab harus menjadi tauladan ke arah perpaduan nasional.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Perdana Menteri untuk meninggikan status Lembaga Perpaduan kepada sebuah Kementerian dan diberi peruntukan wang yang mencukupi agar ia secara aktif dapat memupuk perpaduan kaum.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Belanjawan 1981 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

6.54 ptg.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama memberi sokongan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 seperti mana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini petang semalam.

Terlebih dahulu saya suka menyampaikan ucapan terima kasih dari kami rakyat negeri Sarawak mengenai segala peruntukan yang diberi kepada negeri kami oleh Kerajaan Pusat dalam berbagai-bagai bidang pembangunan dan juga pentadbiran dengan amalan dan perhatian seperti inilah yang sangat-sangat dihargai dan dibanggakan oleh kami bagi menjalinkan perhubungan dan perpaduan di antara rakyat negeri Sarawak dengan semua rakyat negeri-negeri dalam Malaysia adalah bertambah erat dan rapat sekali. Ini memang telah wujud semenjak negeri Sarawak merdeka dalam Malaysia.

Begitu juga di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak mahupun kakitangan yang datang berkhidmat di negeri Sarawak yang dihantar oleh Kerajaan Pusat sentiasa bekerja berdamping bahu dengan pegawai-pegawai tempatan bagi kemajuan serta kepentingan rakyat dan negara Malaysia seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1981 adalah mendapat sambutan baik dari rakyat negeri kami. Walaupun demikian sebahagian daripada rakyat di luar bandar yang miskin seperti kaum tani, nelayan dan rakyat berpendapatan rendah merasa sukar di atas kenaikan harga barang-barang keperluan hari-hari yang dibawa masuk ke negeri itu sedangkan segala hasil pertanian seperti lada hitam, getah, tepung sagu, mahupun koko harganya telah merosot. Bagi tepung sagu salah satu hasil pertanian yang dieksport dari negeri Sarawak semenjak 20 tahun sudah harganya sampai hari ini tidak ada perubahan iaitu di antara \$9 sampai \$12 pada satu pikul, sedangkan barang-barang keperluan rakyat telah naik berlipat ganda harganya.

Jika kita bandingkan harga barang-barang hasil pertanian di antara luar bandar dengan bandar di negeri Sarawak begitu jauh bezanya sedangkan barang-barang keperluan rakyat dibawa masuk ke Sarawak, didapati di bandar jauh lebih murah dari pekan di

daerah luar bandar negeri itu. Dengan perbezaan begini kita sedia maklum iaitu rakyat luar bandar yang serba kekurangan itu lebih teruk lagi akibat inflasi.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak salah sebuah negeri yang masih mundur lagi akibat penjajah dahulu. Oleh keadaan yang demikian rakyat Sarawak sentiasa berharap kepada Kerajaan Pusat mengambil perhatian berat dan memberi peruntukan yang berpautan bagi pembangunan yang masih lagi kekurangan di bidang infrastruktur, fizikal seperti jalanraya yang baik, perhubungan dan pelabuhan yang baik. Kami yakin Kementerian yang berkenaan memberi pertimbangan khas kepada negeri Sarawak supaya peruntukan hendaklah dilipatgandakan lagi. Ini termasuklah lapangterbang kecil luar bandar yang diguna oleh pesawat BN-2 hendaklah diperbaiki ke taraf yang lebih aktif lagi, bagi menjamin perhubungan udara luar bandar dan pendalaman yang sangat perlu bagi rakyat negeri Sarawak.

Sekiranya segala perhubungan udara luar bandar dan jalanraya yang baik di bina, ini juga dapat menarik pelancong luar negeri datang ke negeri itu dan juga dapat menggalakkan kemasukan pelaburan modal dari luar negeri untuk melaburkan dalam perusahaan-perusahaan kayu-kayuan dan sebagainya.

Kerajaan Negeri Sarawak sendiri sedang berusaha dengan sedayanya di segala bidang pembangunan walaupun begitu usaha-usaha dari Kerajaan Pusat juga sangat diperlukan.

Menyentuh tentang pekerja dalam PETRONAS baik di Bintulu atau Miri di mana sahaja di negeri Sarawak. Kami berharap pihak yang bertanggungjawab memberi pembahagian yang tertentu kepada rakyat negeri itu dalam semua bidang pekerjaan. Begitu juga dalam tender-tender dalam segala projek yang boleh dibuat oleh rakyat tempatan, terutama sekali bumiputra hendaklah diberikan 100% kepada rakyat Sarawak.

Seperti kita sedia maklum di zaman penjajah dahulu iaitu walaupun negeri Sarawak salah sebuah negeri pengeksport minyak mentah, tetapi malangnya pada waktu itu Syarikat Minyak Shell memberi kerja kepada rakyat tempatan kebanyakannya sebagai buruh kasar sahaja dengan gajinya begitu

rendah jika dibandingkan dengan pekerja yang datang dari negara lain. Sekarang Sarawak sudah merdeka dalam Malaysia, Petronas telah diamanahkan mencarigali dan mengeluar minyak salah satu sumber kekayaan negeri Sarawak. Apa yang menjadi harapan rakyat negeri itu supaya kekayaan dan kemakmuran ibu pertiwi dirasai oleh yang empunya hak peribumi yang sekarang sebahagian besarnya hidup masih mendukacitakan, bak kata pepatah Melayu: Kais pagi makan pagi, kasi petang makan petang. Penyakit inilah sekarang sedang diberi rawatan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang mendapat mandat dan sokongan kuat rakyat Malaysia. Saya yakin pihak yang bertanggungjawab sudah pasti mengambil perhatian berat atas masalah seperti ini serta bertindak segera untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang saya difahamkan sekarang terdapat beberapa jawatan yang masih lagi kosong setelah begitu lama dalam Jabatan Persekutuan di Sarawak belum lagi diisi dan terdapat juga seorang Pengarah di Jabatan Persekutuan yang penting telah setahun dikosongkan sampai sekarang belum lagi diisi. Kami berharap pihak Kerajaan Pusat memberi peluang kepada rakyat tempatan yang berkecayakinan untuk mengisi kekosongan dalam Jabatan Persekutuan di Sarawak.

Mengenai sungutan bekas kakitangan Kerajaan yang telah bersara baik di peringkat Kerajaan Negeri mahupun Pusat di atas kelambatan pihak Kerajaan membayar pencen mereka yang berkenaan, ada di antara mereka itu sudah tiga empat tahun selepas bersara sampai sekarang belum lagi menerima hak pencen mereka. Dengan keadaan begini mereka yang berkenaan mengalami berbagai kesulitan. Saya yakin pihak yang bertanggungjawab dapat mencari jalan untuk mengatasi masalah pencen ini supaya bekas kakitangan Kerajaan, terutamanya yang berpendapatan rendah tidak mengalami berbagai masalah hidup, lebih-lebih lagi yang tidak ada harapan lain dengan tanggungan keluarga yang ramai.

Satu lagi sungutan sering terdengar dari rakyat luar bandar dan pendalaman yang menggunakan outboard motor mengenai harga minyak petrol yang begitu tinggi di luar bandar dan kawasan ulu-ulu jika dibandingkan dengan harga minyak di bandar-bandar besar di negeri itu. Kami berharap

pihak yang berkenaan dapat mengambil perhatian tentang harga barang-barang di luar bandar negeri Sarawak supaya perbezaan harga di antara bandar dan luar bandar bersesuaian.

Beralih saya kepada bantuan subsidi harga padi oleh Kerajaan Pusat dari \$2 dinaikkan kepada \$10 sepikul itu juga akan meliputi negeri-negeri Sarawak dan Sabah. Ini adalah sebagai satu jalan Kerajaan untuk memberi nafas baru kepada petani di seluruh negara di samping menggalakkan lebih giat lagi petani kita untuk berusaha dalam sawah bendang mereka yang kita semua bergantung harapan kepada mereka itu untuk mendapat bekalan beras. Jika para petani di negara ini tidak diberikan perhatian yang sewajarnya maka masalah beras lebih membimbangkan lagi. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Pusat khususnya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita yang berfikir jauh untuk membela untung nasib rakyat yang miskin seperti petani dan lain-lain lagi. Di samping itu juga dapat mengurangkan beras yang dibawa masuk dari negara-negara lain yang terpaksa dibayar berjuta-juta ringgit pada tiap-tiap tahun seperti yang dialami sekarang ini.

Di sini ingin saya menarik perhatian Kementerian Pertanian supaya projek parit dan taliair di semua daerah yang sesuai untuk tanaman padi sawah di negeri Sarawak di mana terdapat ramai bilangan penanam padi sawah hendaklah dibuat segera projek parit dan taliair tanpa mengira sangat belanja peruntukannya kerana dengan ada cara begini, maka dalam jangka masa yang tertentu negara ini tidak lagi bergantung kepada beras yang datang dari negara-negara lain seperti sekarang ini. Dengan adanya parit dan taliair yang baik selepas musim padi kawasan ini juga boleh digunakan untuk tanaman-tanaman yang lain seperti jagung. Sekarang negeri Sarawak banyak membeli jagong dari negara lain untuk makanan binatang ternakan. Saya yakin jagung boleh tumbuh dengan baik dan memberi hasil yang menguntungkan jika ditanam mengikut cara pertanian moden di negeri Sarawak. Di samping itu juga boleh menggalakkan serta memberi pekerjaan kepada belia-belia luar bandar bagi mengurangkan masalah muda-mudi pergi ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan yang menimbulkan berbagai masalah sosial.

Bagi Kementerian Pertanian Negeri Sarawak apa yang saya tahu pada masa ini tidak berupaya untuk membuat projek-projek yang agak besar disebabkan peruntukan yang diperolehi oleh Kementerian itu sangat terhad.

Menyentuh tentang masalah bantuan kepada nelayan pula, apa yang saya difahamkan Majuikan di negeri Sarawak selama ini hanya memberi bantuan atau pinjaman kepada nelayan tepi pantai sahaja seperti bot-bot kecil dan pukat tunda. Sebahagian daripada nelayan bumiputra telah memberitahu saya mereka mahu Kerajaan memberi bantuan atau pinjaman modal untuk membeli bot-bot dan alat perkakas untuk menangkap ikan di laut dalam kerana pada masa ini ikan-ikan di tepi pantai telah begitu kekurangan dari setahun ke setahun mengikut pengalaman mereka yang berkenaan itu. Saya berharap perkara yang saya terangkan ini mendapat perhatian pihak yang bertanggungjawab supaya peruntukan pembangunan di bidang pertanian dan nelayan bagi negeri Sarawak dikaji semula sesuai dengan negeri itu salah sebuah negeri yang mundur dalam Malaysia. Masalah seperti itu memang disadari oleh pemimpin Kerajaan negeri itu, mereka telah berusaha sungguh-sungguh tentang masalah untuk memperseimbangkan pendapatan rakyat kerana mereka sedar iaitu perbezaan pendapatan di antara sektor pertanian dan lain-lain sektor adalah besar sekali. Dalam keadaan seperti inilah kami dari Sarawak tidak putus-putus merayu supaya usaha Kerajaan Pusat diperhebatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua beralih saya kepada masalah dadah pula. Dahulu negeri Sarawak tidak begitu menyedari tentang masalah dadah berbahaya. Akhir-akhir ini Sarawak juga tidak ketinggalan mengenai perkara dadah berbahaya diseludup masuk ke negeri itu. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pegawai-pegawai kastam dan yang lain-lain kerana hasil tangkapan yang dilakukan terhadap penyeludup dadah berbahaya dan lain-lain barang yang bercukai masuk ke Sarawak. Saya yakin pihak berkenaan sentiasa waspada di semua pusat-pusat keluar masuk dengan menempatkan Pegawai-pegawai Kastam yang mencukupi bagi mengawasi setiap penyeludupan barang-barang haram termasuk dadah berbahaya. Kita berharap

kepada guru-guru juga yang bertanggungjawab sama ada di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara terutama di luar bandar mahupun Ketua-ketua Jabatan Kerajaan mengambil perhatian lebih berat lagi di atas perkara dadah merbahaya ini supaya memperhebatkan lagi perhatian dan kawalan kepada murid-murid dan kakitangan di Jabatan masing-masing. Di sekolah-sekolah pula satu penerangan yang lebih berkesan hendaklah sentiasa diberi kepada murid-murid kerana masalah dadah merbahaya pada masa ini sebagai satu penyakit yang sukar hendak dihapuskan juga banyak membebaskan wang perbelanjaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Pusat khususnya Kementerian Pertanian atas persetujuan memberi bantuan subsidi kepada pekebun-pekebun kecil sagu di Sarawak. Walaupun perkara ini telah begitu lama disuarakan oleh Wakil-wakil Rakyat dalam Dewan Rakyat mahupun dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak pada masa ini telah menjadi bukti kepada rakyat yang kurang bernasib baik yang bergantung hidup dengan bekerja keras sebagai pekebun-pekebun sagu salah satu tanaman asli bumiputra serta satu sumber bagi ekonomi negeri Sarawak telah mendapat perhatian Kerajaan Pusat walaupun nikmat itu belum lagi dirasakan oleh rakyat berkenaan sekarang ini.

Menyentuh tentang Rancangan Belia Peladang pula, saya suka mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan supaya peruntukan untuk rancangan ini ditambah lagi bagi negeri Sarawak, bagi menggalakkan lebih ramai muda-mudi yang meninggalkan bangku sekolah mengambil bahagian dalam rancangan ini sebagai satu jalan untuk menukar cara hidup baru mereka itu supaya lebih suka berusaha sebagai peladang satu kerja yang mulia di samping memperkuatkan lagi ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini atas segala bimbingan yang begitu baik semasa sebagai ketua rombongan lapan orang melawat ke Negeri China selama dua minggu pada awal bulan Oktober yang baru lalu terdiri dari Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan ini salah seorang daripadanya saya sendiri.

Begitu juga tidak lupa saya mengucapkan terima kasih kepada Toh Puan Dr Hajjah Aishah kerana membekalkan berbagai ubat dan rendang untuk kami, kami juga berasa berhutang budi atas segala layanan Duta Malaysia dan kakitangannya di Peking yang juga bersama-sama dalam lawatan itu yang banyak memberi bantuan kepada kami. Saya berpendapat lawatan seperti ini memang sangat berfaedah kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mahupun kepada Wakil-wakil Rakyat untuk mengetahui secara lebih dekat lagi negara-negara yang bersahabat dengan Malaysia. Walaupun terpaksa Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan untuk lawatan seperti ini, tetapi segala penerangan dan pengalaman adalah lebih berfaedah kepada Ahli-ahli Parlimen untuk kepentingan bangsa dan negara seluruhnya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim.

7.14 mlm.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Bismillahirrahmannirrahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ialah untuk menyokong Rang Undang-undang Perbelanjaan 1981 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia pada 15hb Disember, 1980.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dilafazkan oleh Yang Berhormat rakan-rakan sejawat saya sebelum daripada saya tadi, maka saya juga adalah mengalu-alukan belanjawan yang digubal dan yang dibuat bagi tahun 1981, dengan sebab boleh dikatakan belanjawan bagi tahun ini adalah mendapat restu dari sebahagian besar rakyat di negara ini sama ada dari pihak kakitangan Kerajaan mahupun daripada rakyat jelata sekalian. Oleh kerana memelihara masa saya tidaklah hendak menghabiskan masa saya di dalam perkara-perkara yang seumpama ini, tetapi saya suka masuk selalu di dalam perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan semalam, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah kita telah menggariskan bahawa

perbelanjaan negara bagi tahun depan ialah berjumlah \$23,077 juta yang dibahagikan kepada beberapa bahagian di antara \$23,077 juta itu maka Perbelanjaan Mengurus ialah \$14,600 juta dan Perbelanjaan Pembangunan \$18,477 juta yang bererti cuma separuh sahaja pembangunannya manakala $2\frac{1}{4}$ lagi itu ialah Belanja Mengurus ataupun membayar gaji yang menjalankan urusan dan sebagainya. Walau macam manapun, saya mengucapkan tahniah dengan sebab adanya perbelanjaan yang besar di dalam bahagian pembangunan dan kalau kita melihat di dalam Rancangan-rancangan Malaysia yang Pertama, Kedua dan Ketiga dan pada tahun hadapan akan dimulakan pula Rancangan Malaysia yang Keempat, maka kita akan dapati masih ada Rancangan Malaysia yang pertama, lebih-lebih lagi yang Kedua dan Ketiga yang belum selesai dijalankan oleh pihak Kerajaan kita. Perkara ini adalah mendukacitakan. Macam mana Rancangan Malaysia yang Pertama belum habis Rancangan Malaysia yang Keempat akan dimulakan dan ditayangkan dengan belanja-belanja yang begitu besar. Saya nampak yang menjadi mangsanya adalah negeri-negeri yang kurang maju pada hal di dalam perbelanjaan-perbelanjaan, di dalam syor-syor yang dibuat itu negeri-negeri yang kurang majulah yang patut mendapat keutamaan. Tetapi sebagaimana yang saya dimasa-masa yang lepas di dalam Dewan yang mulia ini telah menyuarakan acapkali sistem-sistem yang digunakan oleh Kerajaan kita pasti diubah kalau sekiranya kita mahu benar-benar kemajuan, tetapi nampaknya pada pendapat saya yang cetek ini, saya nampak sistem itu masih diamalkan dan dipakai, maka pada pendapat saya kalau sekiranya sistem itu tidak diubah dan masih dipakai maka selama itulah Rancangan Malaysia Keempat, Kelima, Keenam, Ketujuh akan ketinggalan dan negeri-negeri yang kurang maju akan menjadi mangsanya juga, manakala negeri-negeri yang sudah maju khususnya negeri-negeri di Pantai Barat akan berdebat sayang akan menikmati berbagai-bagai kemajuan.

Saya beri contoh, Tuan Yang di-Pertua, misalnya penempatan pegawai-pegawai tinggi, pegawai-pegawai pakar dan pegawai-pegawai yang berkebolehan, biasanya pegawai-pegawai yang ditempatkan di dalam latihan (probationer) maka ditempatkan di tempat-tempat yang kecil, itu memang semestinya. Saya pun

bersetuju langkah ini, takkanlah seorang jurutera (engineer) yang baru keluar daripada Universiti Malaya misalnya ditempatkan di Kuala Lumpur, menjadi pegawai tinggi, itu tidak patut. Maka dia dihantar di tempat yang jauh ataupun yang kecil, seumpama di negeri Trengganu dia pun tidak layak duduk di bandar Kuala Trengganu di ibu negeri, dia patut duduk di Besut misalnya. Tetapi apa yang jadi muskyl bukan begitu, orang-orang ini memang dengan ilmu pengetahuannya memang orang yang ada kebolehan, orang yang ada degree, jadi di samping dia menjalankan kerja itu pengalaman dia datang dan dia sudah menjadi orang-orang yang berkelayakan. Di dalam masa setahun dua sahaja dia sudah disahkan (confirmed) di dalam jawatannya. Selepas dia diconfirmkan di dalam jawatannya dia kena meningkat dan dia sudah jadi orang bijak di dalam profesionnya. Apakala dia sudah diconfirmkan, dia diiktiraf dan dihantar ke tempat yang lebih tinggi, dia akan dihantar ke Kuala Trengganu. Apakala dia meningkat lebih tinggi lagi dia akan dihantar ke Johor Bahru. Apakala dia lebih tinggi lagi dia akan dihantar ke Kuala Lumpur. Jadi siapa yang akan menggantinya—terpaksa orang baru (probationer).

Dengan cara ini, Tuan Yang di-Pertua, sehingga bila daerah Besut itu akan menjadi maju. Jalan-jalannya akan ketara begitulah selama-lamanya dengan sebab engineer yang menjaga daerah itu adalah tarafnya rendah yang tidak ada kebolehan. Apakala ada kebolehan dia ditukarkan ke tempat lain. Ini sistem yang dijalankan daripada masa sebelum perang sampai kepada lepas perang, sampai negeri kita merdeka, sampai kita menikmati kemerdekaan 23 tahun dan seterusnya akan diamalkan terus menerus pada pendapat saya.

Saya walau macam manapun oleh kerana saya dilantik menjadi seorang Ahli Dewan Negara, saya mesti menyuarakan perkara yang seumpama ini sama ada perkara ini disukai atau dibenci itu bukan soal saya tetapi soal saya menyampaikan kepada Dewan yang mulia ini akan taktik dan cara-cara yang pada pendapat saya tidak betul sama sekali, mesti diubah dan mesti diperbaiki lagi.

Jadi di samping pegawai-pegawai probationer dihantar ke negeri-negeri, patutlah orang-orang pakar daripada sini dihantar duduk di Kuala Trengganu bagi melihat seluruh negeri itu, apa yang dibuat oleh pegawai probationer itu, bagaimana jalan-jalan sedang dibuat. Begitu juga pembangunan di negeri Kelantan. Nampaknya mencurahkan wang dibelanjakan. Kalau sekiranya wang mencurah-curah dibelanjakan, kalau pegawai itu orang yang tidak bijak pandai, pegawai-pegawai itu bukannya pegawai yang layak, saya fikir akan berlakulah peristiwa sebagaimana yang kita saksikan pada masa yang lepas.

Bukan jalanraya sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat bangunan-bangunan yang berjuta-juta ringgit tetapi tidak sampai 10 tahun bangunan itu retak, bangunan itu tidak layak diduduki. Apa fasal jadi begini? Ini adalah satu pengkhianatan kepada wang negara, pengkhianatan di dalam menjalankan tugas-tugas, Tuan Yang di-Pertua. Saya mesti tuduh begitu. Bangunan MARA misalnya, berapa lama MARA kita megah dengan adanya bangunan MARA yang didirikan itu. Tetapi tidak berapa lama bangunan MARA itu sedang dibaiki, dirobohkan kerana retak; terpaksa MARA berpindah ke Kompleks Pertama, dipindahkan ke bangunan itu sementara bangunan itu dibaiki. Dan di samping itu MARA akan mendirikan pula lagi bangunan 26 tingkat. Kalau kita tanya apa fasal jadi begitu—apa boleh buat kerana bangunan itu tidak teguh. Kita tanya dia lagi—siapa kontrakornya, siapa pemborongnya?

Baru sekejap tadi hujan turun, bangunan Parlimen begitu juga rupanya, bocor. Bila dibuat Parlimen kita ini, siapa kontraktor-nya? Beginilah berlaku kecurangan di dalam pembinaan bangunan-bangunan dan sebagainya. Jadi kalau kita melihat pula, Tuan Yang di-Pertua, nasib tidak baik pula, kontraktor-kontraktor yang membuat bangunan yang rosak, bangunan yang retak itu mereka juga yang berpeluang membuat bangunan-bangunan yang baru. Kalau kita tanya apa fasal?—“Oh, kerana dia seorang kontraktor yang masyhur!” Memang betul masyhur tetapi masyhur buat bangunan yang retak!

Jadi kepada saya; jangan dibuat begini, kalau sekiranya; seorang kontraktor telah membuat bangunan yang berjuta-juta ringgit, 20-30 tingkat tiba-tiba rosak, musnah; inilah menunjukkan ada permainan, walaupun perkara ini tidak dapat dikesan oleh BSN tetapi kita memikirkan mesti ada permainan. Dengan sebab itu singkirkanlah kontraktor-kontraktor yang macam ini, berilah kepada kontraktor-kontraktor yang betul-betul dedikasi dan jujur. Itu pada pendapat saya, saya bukan seorang kontraktor.

Begitu juga jalanraya. Di dalam pembangunan \$8,000 juta hendak dicurahkan kerana pembangunan negara. Jadi yang saya hairan di dalam musim banjir sedikit sahaja kita tengok di Kuala Lumpur ini banjir; kalau di Pantai Timur tidak kiralah tetapi di Kuala Lumpur ini di kampung itu banjir, kampung ini banjir. Apa fasal terjadi banjir ini, pembangunan macam mana, di mana engineer, di mana jurutera-jurutera ini, di mana letaknya, di mana duduknya mereka yang bijak-bijak belaka? Saya tidak tahulah, barangkali DO ataupun Pegawai Daerah yang jadi engineer ditempatnya. Dia ambil wang peruntukan untuk buat jalanraya, dibuat jalan kampung. Jalan kampung itu macam ular, bengkok-bengkok, ditarkan jalan itu. Jalan masa dahulu, orang kampung dia berjalan tidak ada basikal, tidak ada motosikal, tidak ada motokar, patut sangatlah dia buat begitu, nampaknya dia lari di situ, dia lari di sini—itulah jadi macam ular. Tetapi kita sekarang ini hendak berjalan dengan motokar, dengan lori, patutlah kita buat jalan lurus. Kenapa Kerajaan tidak boleh ambil tanah orang dekat situ supaya jalan itu lurus, ambillah yang bengkok-bengkok ini biar sama lurus, kalau jalan itu rendah ambil di tempat yang tinggi.

Kita tengok di negara kita ini memang terdapat cerita yang anih-anih cerita yang boleh diketawakan oleh dunia luar. Dengan banjir sahaja keretapi tidak boleh jalan sebab relnya tenggelam. Rel keretapi pun boleh tenggelam; itu satu perkara yang anih, sudahlah motokar tidak boleh jalan kerana tenggelam, keretapi juga tenggelam. Ini menunjukkan tidak cepak pada masa pembinaannya.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan esok.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Terima kasih.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 17hb Disember, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.